JUZU' KE-18

SURAH AN-NUR

SURAH KE

24

سُورَةُ النُّورِ

SURAH AN-NUR

Surah Cahaya

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

64

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 26)

سُورَةٌ أَنزَلْنَٰهَا وَفَرَضْنَٰهَا وَأَنزَلْنَا فِيهَآ ءَايَٰتٍۭ بَيِّنَٰتٍ لَّعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿١﴾
ٱلزَّانِيَةُ وَٱلزَّانِى فَٱجْلِدُوا۟ كُلَّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا مِا۟ئَةَ جَلْدَةٍ ۖ وَلَا
تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِى دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ
ٱلْءَاخِرِ ۖ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾
ٱلزَّانِى لَا يَنكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَٱلزَّانِيَةُ لَا يَنكِحُهَآ
إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ ۚ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾
وَٱلَّذِينَ يَرْمُونَ ٱلْمُحْصَنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا۟ بِأَرْبَعَةِ
شُهَدَآءَ فَٱجْلِدُوهُمْ ثَمَٰنِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا۟ لَهُمْ
شَهَٰدَةً أَبَدًا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٤﴾
إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ وَأَصْلَحُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ
رَّحِيمٌ ﴿٥﴾
وَٱلَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَٰجَهُمْ وَلَمْ يَكُن لَّهُمْ شُهَدَآءُ إِلَّآ
أَنفُسُهُمْ فَشَهَٰدَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَٰدَٰتٍۭ بِٱللَّهِ ۙ إِنَّهُۥ لَمِنَ
ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٦﴾
وَٱلْخَٰمِسَةُ أَنَّ لَعْنَتَ ٱللَّهِ عَلَيْهِ إِن كَانَ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٧﴾
وَيَدْرَؤُا۟ عَنْهَا ٱلْعَذَابَ أَن تَشْهَدَ أَرْبَعَ شَهَٰدَٰتٍۭ بِٱللَّهِ ۙ إِنَّهُۥ
لَمِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٨﴾
وَٱلْخَٰمِسَةَ أَنَّ غَضَبَ ٱللَّهِ عَلَيْهَآ إِن كَانَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٩﴾
وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ
حَكِيمٌ ﴿١٠﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ جَآءُو بِٱلْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنكُمْ ۚ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا
لَّكُم ۖ بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ ۚ لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُم مَّا ٱكْتَسَبَ
مِنَ ٱلْإِثْمِ ۚ وَٱلَّذِى تَوَلَّىٰ كِبْرَهُۥ مِنْهُمْ لَهُۥ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١﴾
لَّوْلَآ إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بِأَنفُسِهِمْ
خَيْرًا وَقَالُوا۟ هَٰذَآ إِفْكٌ مُّبِينٌ ﴿١٢﴾
لَّوْلَا جَآءُو عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَآءَ ۚ فَإِذْ لَمْ يَأْتُوا۟ بِٱلشُّهَدَآءِ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ عِندَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْكَٰذِبُونَ ﴿١٣﴾
وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ
لَمَسَّكُمْ فِى مَآ أَفَضْتُمْ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٤﴾
إِذْ تَلَقَّوْنَهُۥ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُم مَّا لَيْسَ لَكُم
بِهِۦ عِلْمٌ وَتَحْسَبُونَهُۥ هَيِّنًا وَهُوَ عِندَ ٱللَّهِ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾
وَلَوْلَآ إِذْ سَمِعْتُمُوهُ قُلْتُم مَّا يَكُونُ لَنَآ أَن نَّتَكَلَّمَ بِهَٰذَا
سُبْحَٰنَكَ هَٰذَا بُهْتَٰنٌ عَظِيمٌ ﴿١٦﴾
يَعِظُكُمُ ٱللَّهُ أَن تَعُودُوا۟ لِمِثْلِهِۦٓ أَبَدًا إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧﴾
وَيُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٨﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشِيعَ ٱلْفَٰحِشَةُ فِى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ وَمَن يَتَّبِعْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ۚ وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّى مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢١﴾

وَلَا يَأْتَلِ أُو۟لُوا۟ ٱلْفَضْلِ مِنكُمْ وَٱلسَّعَةِ أَن يُؤْتُوٓا۟ أُو۟لِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَلْيَعْفُوا۟ وَلْيَصْفَحُوٓا۟ ۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَرْمُونَ ٱلْمُحْصَنَٰتِ ٱلْغَٰفِلَٰتِ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ لُعِنُوا۟ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾

يَوْمَئِذٍ يُوَفِّيهِمُ ٱللَّهُ دِينَهُمُ ٱلْحَقَّ وَيَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ ٱلْمُبِينُ ﴿٢٥﴾

ٱلْخَبِيثَٰتُ لِلْخَبِيثِينَ وَٱلْخَبِيثُونَ لِلْخَبِيثَٰتِ ۖ وَٱلطَّيِّبَٰتُ لِلطَّيِّبِينَ وَٱلطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَٰتِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَ ۖ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٢٦﴾

"(Ini) adalah satu surah yang Kami turunkannya dan memfardhukan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya, juga Kami turunkan padanya ayat-ayat yang jelas supaya kamu mengingatinya (1). Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatkanlah setiap orang dari keduanya seratus kali sebat, dan janganlah kamu dipengaruhi perasaan kasihan belas terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, dan hendaklah penderaan ke atas keduanya disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman (2). Lelaki yang berzina tidak layak bernikah melainkan dengan perempuan yang berzina atau dengan perempuan yang Musyrik, dan perempuan yang berzina juga tidak layak dinikahi melainkan oleh lelaki yang berzina atau oleh lelaki yang Musyrik. Perkahwinan sedemikian diharamkan kepada orang-orang yang beriman (3). Dan orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan muhsan (dengan tuduhan berzina) kemudian mereka tidak dapat membawa empat orang saksi, maka sebatkanlah mereka lapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima kesaksian mereka untuk selama-lamanya, dan merekalah orang-orang yang fasiq (4). Kecuali mereka yang bertaubat selepas itu dan memperbaiki dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (5). Dan orang-orang yang menuduh isteri-isteri mereka (dengan tuduhan berzina), sedangkan mereka tidak mempunyai saksi-saksi selain diri mereka, maka kesaksian seseorang dari mereka ialah bersumpah empat kali dengan nama Allah bahawa dia adalah dari golongan yang benar (6). Dan sumpah kali yang kelima ialah: Bahawa sesungguhnya laknat Allah (akan ditimpakan ke atasnya) jika dia dari golongan yang berdusta (7). Dan si isteri dapat menghindarkan keseksaan itu darinya dengan bersumpah sebanyak empat kali dengan nama Allah bahawa suaminya itu dari golongan yang berdusta (8). Dan sumpah kali yang kelima ialah bahawa sesungguhnya kemurkaan Allah (akan ditimpakan ke atasnya) jika suaminya dari golongan yang benar (9). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu dan tidak kerana Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Bijaksana (tentulah kamu mendapat malu dan seksa) (10). Sesungguhnya orang-orang yang membawa fitnah yang bohong itu adalah sekumpulan dari golongan kamu sendiri. Janganlah kamu mengirakan fitnah yang bohong itu sebagai satu keburukan kepada kamu, malah ia adalah suatu kebaikan kepada kamu. Setiap orang dari mereka akan mendapat balasan dari dosa yang telah dilakukannya. Dan orang yang mengendalikan peranannya yang terbesar dari mereka akan mendapat balasan 'azab yang amat besar (11). Mengapakah tidak - ketika kamu mendengar fitnah yang bohong itu orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan menaruh sangkaan yang baik terhadap golongan mereka sendiri dan berkata: Ini adalah fitnah bohong yang amat nyata? (12) Mengapakah mereka (yang menuduh itu) tidak membawa empat orang saksi mengesahkan berita itu? Oleh kerana mereka tidak menghadirkan saksi-saksi itu, maka di sisi Allah mereka adalah pendusta-pendusta belaka (13). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu di dunia dan Akhirat tentulah perbuatan kamu menghebohhebohkan fitnah bohong itu akan menyebabkan kamu ditimpa 'azab yang amat besar (14). Ketika kamu menerima berita bohong itu dari lidah ke lidah dan kamu katakan dengan mulut kamu perkara yang kamu tidak mengetahuinya sedikit pun dan kamu mengirakannya sebagai suatu perkara yang kecil sahaja, sedangkan perkara itu amat besar di sisi Allah (15). Dan mengapakah kamu tidak terus berkata ketika kamu mendengar berita bohong itu: Tidak seharusnya kepada kita membicarakan perkara ini, Maha Sucilah Engkau (wahai Tuhan kami) ini adalah satu pembohongan yang amat besar (16). Allah menasihati kamu supaya jangan mengulangi perbuatan seperti itu buat

selama-lamanya, jika kamu benar orang-orang yang beriman (17). Dan Allah menerangkan pengajaran-pengajaran kepada kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(18). Sesungguhnya orang-orang yang ingin supaya tersebarnya kejahatan seks yang keji itu di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih di dunia dan Akhirat. Dan Allah Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui (19). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu (tentulah kamu akan ditimpa malapetaka). Dan sesungguhnya Allah Maha Penyantun Dan Maha Pengasih (20). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan, dan barang siapa yang mengikut langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar. Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya tiada seorang pun dari kamu yang bersih dari (kekotoran dosa) buat selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (21). Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan (kewangan) itu bersumpah bahawa mereka tidak akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah kerana agama Allah, dan hendaklah mereka (bersikap) mengampun dan memaaf. Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu, sedangkan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang? (22) Sesungguhnya orang-orang yang membuat tuduhan zina terhadap wanita-wanita muhsan yang terlalai dan beriman itu akan dilaknatkan di dunia dan Akhirat dan mereka akan mendapat 'azab yang amat besar (23). Pada hari mereka disaksikan oleh lidah, tangan dan kaki mereka sendiri terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka (24). Pada hari itu Allah akan menyempurnakan balasan mereka yang sebenar dan mereka akan mengetahui bahawa Allah itulah yang benar dan jelas kebenaran-Nya (25). Wanita-wanita yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat dan lelaki-lelaki yang jahat adalah untuk wanita-wanita yang jahat, dan wanita-wanita yang baik adalah untuk lelaki-lelaki yang baik dan lelaki-lelaki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik. Mereka adalah bersih dari tuduhan-tuduhan yang dikatakan mereka (para penuduh), dan mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang amat murah."(26)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah Surah an-Nur, di mana kata-kata "an-Nur" di sebut bersambung dengan zat Allah pada ayat:

"Allah itu Nur langit dan bumi."(35)

Dalam ayat ini di sebut nur dengan kesan-kesan dan gejala-gejalanya di dalam hati dan jiwa, iaitu kesan-kesan yang tergambar dalam peradaban-peradaban dan akhlak-akhlak yang menjadi asas penerangan surah ini, iaitu peradaban-peradaban dan akhlak-akhlak keindividuan, kekeluargaan dan kemasyarakatan yang menerangi hati dan kehidupan. Semua peradaban dan akhlak itu dihubungkan dengan nur kauni (universal) yang syumul itu, yang menjadi nur yang menerangi roh dan hati manusia:

"(Ini) adalah satu surah yang Kami turunkannya dan memfardhukan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya, juga Kami turunkan padanya ayat-ayat yang jelas supaya kamu mengingatinya."(1)

Ayat permulaan yang unik ini membuktikan betapa besarnya perhatian Al-Qur'an terhadap unsur akhlak dalam hidup manusia dan betapa mendalamnya dan betapa teguhnya unsur ini di dalam 'aqidah Islamiyah dan di dalam konsep Islam mengenai kehidupan insaniyah.

Yang menjadi paksi pembicaraan keseluruhan surah ini ialah pendidikan, iaitu pendidikan yang menggunakan sarana-sarananya yang keras hingga kepada mengenakan hukum-hukum hudud dan menggunakan sarana-sarana yang halus yang meningkat ke darjat sentuhan-sentuhan perasaan yang lemah lembut, yang menghubungkan hati dengan nur Allah dan dengan bukti-bukti kekuasaan Allah yang bertaburan di merata pelosok alam buana dan di dalam liku-liku hayat. Matlamat dari sarana-sarana yang keras dan yang lembut itu adalah satu sahaja iaitu untuk mengasuh dan mendidik hati manusia, menggerakkan perasaan-perasaan mereka dan mempertinggikan ukuran-ukuran akhlak untuk kehidupan mereka supaya ia halus, berseri dan dapat berhubung dengan nur hidayat Allah. Peradaban-peradaban diri sendiri atau peradaban-peradaban individu bertaut-menaut dan rangkum-merangkumi dengan peradaban-peradaban rumahtangga dan keluarga dan peradaban-peradaban kemasyarakatan dan kepimpinan kerana semua peradaban-peradaban ini adalah terbit dari satu sumber sahaja iaitu dari 'aqidah terhadap Allah dan semuanya berhubung dengan satu nur sahaja, iaitu nur hidayat Allah. Teras peradaban-peradaban itu ialah nur, sinar, cahaya, kesucian dan kebersihan. Ia merupakan suatu tarbiyah yang seluruh unsurnya adalah terbit dari sumber nur yang pertama di langit dan di bumi, iaitu nur Allah yang menerangi segala kegelapan di langit dan di bumi dan menerangi kegelitaan hati nurani, jiwa dan roh.

* * * * * *

Pembicaraan surah ini berlegar di sekitar paksinya yang teguh di dalam lima pusingan:

Pusingan pertama mengandungi satu pengumuman yang tegas yang dijadikan permulaan ayat, kemudian diiringi dengan penerangan mengenai hukuman had zina di samping mencelakan perbuatan itu dan memutuskan hubungan di antara orang-orang yang berzina dengan kelompok orang-orang yang beriman, iaitu mereka bukan dari golongan kelompok Mu'minin dan kelompok Mu'minin bukan dari golongan mereka. Kemudian dijelaskan hukum hudud kerana membuat tuduhan zina dan mengapa jenayah itu dikenakan hukuman yang keras di samping

mengecualikan suami-suami tertentu dari hukuman itu serta memisahkan di antara suami isteri yang bermulaa'anah itu, kemudian dibentangkan cerita fitnah yang dusta (terhadap Siti 'Aisyah r.a.) Pusingan ini diakhiri dengan satu penjelasan yang menyesuaikan lelaki-lelaki yang jahat dengan perempuan-perempuan yang jahat dan lelaki-lelaki yang baik dengan perempuan-perempuan yang baik dan menerangkan asas hubungan di antara dua golongan itu.

Pusingan yang kedua membicarakan sarana-sarana mencegah jenayah zina dan menjauhkan diri dari sebab-sebab yang menimbulkan godaan-godaan keberahian nafsu. Mula-mula diterangkan peradaban-peradaban rumahtangga dan peradaban meminta keizinan penghuninya (sebelum memasuki sesebuah rumah) serta menyuruh supaya menahankan diri (dari memandang pandangan yang diharamkan) dan melarang kaum perempuan dari menonjol-nonjolkan perhiasan melainkan kepada mahram, juga menggalakkan supaya mengahwinkan orang-orang yang masih bujang dan memberi amaran supaya jangan menolak gadis-gadis ke dalam lembah pelacuran. Semuanya ini merupakan sarana-sarana pencegahan dan pemeliharaan untuk menjaminkan kebersihan dan kesucian diri di alam hati nurani dan perasaan, juga untuk menolakkan pengaruh-pengaruh yang merangsangkan keinginan-keinginan haiwaniyah yang menekankan saraf orang-orang yang baik dan suci hati ketika mereka menentang pengaruh-pengaruh yang menggoda dan menimbulkan keberahian nafsu.

Pusingan yang ketiga merupakan satu pembicaraan yang disebut di tengah kumpulan peradaban-peradaban yang terkandung di dalam surah ini, di mana ia menghubungkan semua peradaban itu dengan nur Allah dan memperkatakan tentang rumah-rumah yang paling suci yang dimasuki nur Allah, iaitu nur yang sentiasa memasuki rumah-rumah Allah. (Pusingan ini juga) memperkatakan tentang golongan orang-orang kafir, yang mana amalan-amalan mereka sama dengan cahaya dan kelip-kelip fatamurgana yang dusta atau sama seperti kegelapan yang berlapis-lapisan. Kemudian ia mendedahkan berbagai-bagai limpah kurnia dari nur Allah yang terdapat di dalam berbagai-bagai kejadian alam buana, iaitu pada seluruh makhluk yang bertasbih kepada Allah, pada kepulan-kepulan awan, pada pertukaran malam dan siang, pada penciptaan setiap makhluk yang terjadi dari air, yang berbagai-bagai rupa bentuk dan fungsi-fungsinya, berbagai jenis dan bangsanya yang tersergam di muka alam yang dapat dilihat mata hati dan mata kasar.

Pusingan yang keempat memperkatakan tentang golongan Munafiqin yang tidak menunjukkan peradaban yang wajib terhadap Rasulullah s.a.w. iaitu peradaban menyatakan keta'atan dan menerima penghakiman atau pengadilan beliau, di samping menggambarkan peradaban golongan orang-orang Mu'min yang sopan santun dan ta'at patuh, dan kerana itu Allah menjanjikan mereka untuk menerajui khilafah di bumi, mengukuhkan kedudukan mereka di dalam agama dan menolong mereka mengatasi orang-orang kafir.

Kemudian pusingan yang kelima (membawa kita) kembali semula kepada peradaban minta izin dan peradaban tetamu di dalam lingkungan rumahtangga di antara kaum kerabat dan sahabat handai, juga kepada peradaban masyarakat Muslimin selaku satu keluarga terhadap pemimpin dan pendidik mereka Rasulullah s.a.w.

Surah ini ditamatkan dengan sebuah pengumuman yang menerangkan hak pemilikan Allah yang merangkumi seluruh isi langit dan bumi, dan ilmu-Nya yang mengetahui segala perbuatan manusia dan segala rahsia yang tersimpan di dalam hati mereka, juga menerangkan hakikat bahawa seluruh mereka akan pulang kepada Allah dan bahawa hisab mereka akan didasarkan di atas ilmu Allah yang mengetahui seluruh keadaan mereka. Dan sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.

Sekarang marilah kita huraikan secara terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Kefardhuan Peraturan Akhlak Sama Dengan Kefardhuan Hukum Hudud

سُورَةٌ أَنزَلْنَاهَا وَفَرَضْنَاهَا وَأَنزَلْنَا فِيهَا آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ لَّعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١﴾

"(Ini) adalah satu surah yang Kami turunkannya dan memfardhukan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya, juga Kami turunkan padanya ayat-ayat yang jelas supaya kamu mengingatinya."(1)

Ayat ini merupakan satu permulaan surah yang tunggal di dalam seluruh (kami memfardhukannya) surah-surah Al-Qur'an. Pengungkapan yang baru di dalam permulaan ini ialah kata-kata "فرضناها" dan yang dimaksudkan dengan kata-kata ini - mengikut pengetahuan kami - ialah memberi penegasan yang kuat supaya segala kefardhuan yang disebut di dalam surah ini dipegang sama kuat belaka, kerana kefardhuan peradaban-peradaban dan akhlak di dalam surah ini sama dengan kefardhuan hudud dan hukuman-hukuman keseksaan. Itulah peradaban-peradaban dan akhlak-akhlak yang ditanam di dalam fitrah manusia dan dilupai mereka kerana dipengaruhi godaan-godaan nafsu dan penyelewengan-penyelewengan, dan justeru itu ia diperingatkan kembali oleh ayat-ayat yang jelas ini supaya disedari mereka dan supaya mereka kembali semula kepada logik fitrah yang amat jelas itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 3)

Hukum Hudud Jenayah Zina

Permulaan yang kuat, terus terang dan tegas ini diiringi dengan penerangan yang menjelaskan hukum hudud zina dan mencelakan perbuatan yang keji itu sebagai satu jenayah yang memutuskan hubungan-hubungan dan pertalian-pertalian di antara penjenayah-penjenayah zina dengan umat Muslimin:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ ۖ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۖ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾ الزَّانِي لَا يَنكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ ۚ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatkanlah setiap orang dari keduanya seratus kali sebat, dan janganlah kamu dipengaruhi perasaan kasihan belas terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, dan hendaklah penderaan ke atas keduanya disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman (2). Lelaki yang berzina tidak layak bernikah melainkan dengan perempuan yang berzina atau dengan perempuan yang Musyrik, dan perempuan yang berzina juga tidak layak dinikahi melainkan oleh lelaki yang berzina atau oleh lelaki yang Musyrik. Perkahwinan sedemikian diharamkan kepada orang-orang yang beriman."(3)

Hukum hudud jenayah zina di permulaan Islam telah diterangkan di dalam Surah an-Nisa':

وَاللَّاتِي يَأْتِينَ الْفَاحِشَةَ مِن نِّسَائِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِّنكُمْ ۖ فَإِن شَهِدُوا فَأَمْسِكُوهُنَّ فِي الْبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّاهُنَّ الْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا ﴿١٥﴾

"Dan perempuan-perempuan yang melakukan perbuatan yang keji dari perempuan-perempuan kamu, maka hendaklah kamu bawakan empat orang di antara kamu sebagai saksi-saksi di atas perbuatan mereka, kemudian apabila mereka (saksi-saksi) memberi kesaksian, maka kurungkan perempuan-perempuan itu di dalam rumah sehingga maut menamatkan ajal mereka atau sehingga Allah mengadakan untuk mereka satu jalan (hukuman) yang lain."(15)

Pada masa itu hukuman keseksaan terhadap perempuan yang bersalah ialah dikenakan kurungan di rumah dan deraan dengan memalukan mereka, dan hukuman keseksaan terhadap lelaki yang bersalah ialah deraan dengan memalukan mereka.

Kemudian Allah menurunkan hukum hudud jenayah zina di dalam Surah an-Nur dan hukuman inilah yang diisyaratkan sebelum ini dalam Surah an-Nisa' dengan kata-kata:

"Atau sehingga Allah mengadakan untuk mereka satu jalan (hukuman) yang lain."(15)

Hukuman sebat ialah hukum hudud bagi penjenayah-penjenayah lelaki dan perempuan yang masih dara dan tidak muhsan (yang belum berkahwin). Hukuman ini dikenakan ke atas mereka jika mereka beragama Islam, akil baligh dan merdeka. Tetapi mana-mana orang yang muhsan (yang telah berkahwin) iaitu orang yang telah mengalami hubungan kelamin di dalam perkahwinan yang sah serta beragama Islam, merdeka dan akil baligh, maka hukum hudud baginya ialah rejam.

Hukuman rejam dithabitkan dengan as-Sunnah, dan hukuman sebat dithabitkan dengan Al-Qur'an. Oleh sebab keterangan nas Al-Qur'an mengenai hukuman ini merupakan nas mujmal dan umum, sedangkan Rasulullah s.a.w. telah menjatuhkan hukuman rejam ke atas penzina-penzina yang muhsan (yang telah berkahwin), maka di sini nyatalah bahawa hukuman sebat itu adalah hukuman yang khusus bagi penzina yang tidak muhsan (yang belum berkahwin).

Di sana terdapat perselisihan fiqhi mengenai mengumpulkan hukuman sebat dan rejam ke atas penzina yang muhsan. Jumhur ulama' berpendapat bahawa hukuman sebat dan rejam tidak dikumpulkan ke atasnya, begitu juga di sana terdapat perselisihan fiqhi tentang mengenakan hukuman buang daerah dan hukuman sebat ke atas penzina lelaki yang tidak muhsan, juga tentang hukuman had ke atas penzina yang tidak merdeka. Perselisihan pendapat itu amat panjang dan kerana itu kami tidak dapat menghuraikannya dengan terperinci di sini dan bolehlah disemak pada tempatnya di dalam kitab-kitab fekah. Kami hanya ingin meneruskan huraian kami mengenai hikmat dari perundangan ini sahaja. Menurut pandangan kami sebab dikenakan hukuman sebat ke atas penzina yang dara (tidak muhsan) dan hukuman rejam ke atas penzina yang muhsan ialah kerana seorang Muslim yang merdeka, akil baligh dan pernah mengalami hubungan kelamin dalam satu pernikahan yang sah telah pun mengetahui jalan (memenuhi keinginan nafsu) yang betul dan bersih, oleh itu apabila dia meninggalkan jalan yang bersih dan memilih jalan zina, maka perbuatan ini menunjukkan bahawa fitrahnya telah rosak dan menyeleweng. Oleh sebab itu, dia wajar menerima hukuman yang keras, berlainan halnya dengan anak dara yang lalai dan tidak berpengalaman, yang bertindak terburu-buru di bawa tekanan pengaruh keinginan nafsu tanpa pengalaman. Di sana ada lagi satu perbezaan lain dalam tabi'at perlakuan zina itu, iaitu penzina yang muhsan telah mempunyai

pengalaman yang menjadikannya meni'mati dan melakukan perbuatan itu dengan selera dan keinginan yang lebih mendalam dari selera dan keinginan yang dini'mati oleh penzina yang dara, oleh sebab itu dia lebih wajar menerima hukuman yang lebih keras.

Di sini Al-Qur'an hanya menyebut hukum hudud zina bagi penzina yang dara sahaja sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Ia menyarankan supaya anak dara yang berzina itu dihukum dengan keras tanpa maaf dan kasihan belas:

ٱلزَّانِيَةُ وَٱلزَّانِي فَٱجْلِدُوا۟ كُلَّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا مِا۟ئَةَ جَلْدَةٍ ۖ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۖ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatkanlah setiap orang dari keduanya seratus kali sebat, dan janganlah kamu dipengaruhi perasaan kasihan belas terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, dan hendaklah penderaan ke atas keduanya disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman."(2)

Itulah ketegasan dalam menjalankan hukum hudud iaitu tidak ada kasihan belas dalam menghukumkan pasangan yang bersalah itu dan hukuman itu tidak boleh dihalang atau digantung atau dijalankan dengan berlemah lembut kerana meringan-ringankan hukum agama Allah dan hak-Nya. Hukuman itu hendaklah dilakukan di tempat umum yang dihadiri oleh sekumpulan orang-orang yang beriman supaya kesan hukuman itu lebih pedih dan perit pada hati orang-orang yang melakukan kesalahan itu dan pada hati orang-orang yang menyaksikan hukuman itu.

Kemudian Al-Qur'an menambahkan lagi dengan satu kenyataan yang mencela dan memburukkan perbuatan zina itu serta memutuskan hubungan di antara orang-orang yang melakukan perbuatan itu dengan masyarakat Muslimin:

"Lelaki yang berzina tidak layak bernikah melainkan dengan perempuan yang berzina atau dengan perempuan yang Musyrik, dan perempuan yang berzina juga tidak layak dinikahi melainkan oleh lelaki yang berzina atau oleh lelaki yang Musyrik. Perkahwinan sedemikian diharamkan kepada orang-orang yang beriman."(3)

Jadi, orang-orang yang melakukan perbuatan zina tidak melakukannya dengan jiwa mereka sebagai orang-orang yang beriman, malah mereka melakukannya dalam suasana kejiwaan yang jauh dari iman dan kesedaran iman, dan selepas dia melakukan perbuatan itu tidak ada seorang yang beriman yang sudi bernikah dengan seorang yang telah keluar dari keimanan dengan sebab perbuatan yang keji itu, kerana ia merasa jijik dan bencikan hubungan pernikahan itu, sehingga Imam Ahmad mengambil keputusan mengharamkan hubungan perkahwinan di antara lelaki yang berzina dengan perempuan yang bersih dan di antara lelaki yang bersih dengan perempuan yang berzina kecuali berlakunya taubat yang membersihkan mereka dari kekotoran itu. Walau bagaimanapun, ayat ini menerangkan kejijikan perasaan lelaki yang beriman dari berkahwin dengan perempuan yang berzina dan kejijikan perempuan yang berzina dari berkahwin dengan lelaki yang berzina. Al-Qur'an menyatakan tentang jauhnya kemungkinan perkahwinan itu dengan kata-kata pengharaman yang menunjukkan betapa jauhnya kemungkinan itu:

"Perkahwinan sedemikian diharamkan kepada orang-orang yang beriman."(3)

Penjelasan ini memutuskan hubungan di antara orang-orang yang berzina yang kotor dengan kelompok Muslimin yang suci dan bersih.

Orang Yang Berzina Diputuskan Hubungan Dengan Masyarakat Islam

Menurut riwayat, sebab turunnya ayat ini ialah ada seorang lelaki yang bernama Marthad ibn Abu Marthad. Dia bertugas membawa para tawanan[1] dari Makkah ke Madinah, di waktu itu ada seorang perempuan pelacur di Makkah bernama Anaq. Perempuan ini pernah menjadi teman wanita Marthad. Dia telah berjanji dengan seorang lelaki dari para tawanan itu untuk dibawanya ke Madinah. Kata Marthad: Aku pun datang ke Makkah di waktu malam hingga sampai di bawah bayang salah satu tembok-tembok Makkah. Malam itu terang disinari bulan. Kata Marthad: Tiba-tiba Anaq datang dan dia nampak bayang hitam di bawah tembok itu. Apabila dia sampai ke tempatku dia pun mengenaliku lalu dia berkata: Awak Marthad? Jawabku: Ya, aku Marthad. Dia pun berkata: Selamat datang dan selamat bertemu! Silalah tidur di rumah kami malam ini. Lalu aku pun menjawab: "'Wahai Anaq! Allah telah mengharamkan perbuatan zina". Dia pun terus berseru: "Wahai penghuni-penghuni dalam khemah! Orang ini mahu membawa (melarikan) para tawanan kamu." Kata Marthad: Aku pun terus diikuti oleh lapan orang. Aku menyusup masuk ke dalam sebuah kebun dan sampai ke sebuah lubang atau gua lalu aku pun masuk bersembunyi di dalamnya. Kemudian mereka datang hingga betul-betul mereka berdiri di atas kepalaku kemudian mereka kencing dan air kencing mereka jatuh di atas kepalaku, tetapi Allah telah membutakan Mata mereka dari melihatku. Kata Marthad: Kemudian mereka pulang dan aku pun kembali mendapatkan sahabatku dan aku terus

---

[1] Mungkin yang dimaksudkan dengan para tawanan di sini ialah kumpulan orang-orang Mu'min yang dhaif yang tidak dapat berhijrah kerana ditawan oleh kaum Musyrikin Makkah.

membawanya. Dia seorang yang berat sehingga apabila aku sampai di kawasan rumput aku berhenti membuka tali-tali ikatannya, kemudian aku membawanya semula dan dia menolong aku sehingga sampai ke Madinah. Kemudian aku datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu aku bertanya beliau: "Wahai Rasulullah bolehkah saya berkahwin dengan Anaq?" Aku bertanya dua kali, tetapi Rasulullah s.a.w. diam tidak menjawab sesuatu apa pun sehingga turun ayat:

ٱلزَّانِى لَا يَنكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَٱلزَّانِيَةُ لَا يَنكِحُهَآ إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ ۚ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

"Lelaki yang berzina tidak layak bernikah melainkan dengan perempuan yang berzina atau dengan perempuan yang Musyrik, dan perempuan yang berzina juga tidak layak dinikahi melainkan oleh lelaki yang berzina atau oleh lelaki yang Musyrik. Perkahwinan sedemikian diharamkan kepada orang-orang yang beriman."(3)

Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Wahai Marthad! Lelaki yang berzina tidak layak bernikah melainkan dengan perempuan yang berzina atau dengan perempuan yang Musyrik. Oleh sebab itu janganlah engkau berkahwin dengannya."[2]

Riwayat ini menyarankan haram bagi lelaki yang beriman bernikah dengan perempuan yang berzina selama ia tidak bertaubat. Demikianlah juga perkahwinan perempuan yang beriman dengan lelaki yang berzina. Inilah dalil yang dipegang oleh Imam Ahmad, sedangkan ulama'-ulama' yang lain mempunyai pendapat yang berlainan darinya. Pendeknya masalah ini adalah masalah khilafiyah yang boleh disemak di dalam kitab-kitab fekah. Walau bagaimanapun, perbuatan zina merupakan satu perbuatan yang mengasingkan seseorang yang melakukannya dengan masyarakat Muslimin dan memutuskan hubungan-hubungan di antara keduanya. Ini sahaja merupakan satu hukuman keseksaan kemasyarakatan yang amat pedih, iaitu sama pedihnya dengan hukuman sebat atau lebih lagi.

Ketika Islam meletakkan hukuman yang keras dan tegas terhadap perbuatan zina yang keji itu, ia sama sekali tidak mengabaikan dorongan-dorongan keinginan semulajadi manusia atau memeranginya. Islam memang membuat perhitungan bahawa manusia tidak berupaya menolak dorongan keinginan semulajadi itu, malah tiada apa-apa kebaikan kepada mereka menindas atau membunuh keinginan semulajadi. Islam tidak cuba menghentikan fungsi-fungsi tabi'i keinginan semulajadi yang telah dipasangkan Allah di dalam diri manusia dan menjadikannya sebahagian dari undang-undang hidup yang teragung, yang bertujuan melanjutkan hayat umat manusia dan membangunkan alam bumi, di mana umat manusia telah dilantikkan Allah sebagai khalifah-Nya.

Malah apa yang menjadi tujuan Islam hanyalah memerangi nafsu haiwaniyah manusia yang tidak membezakan di antara badan (yang halal) dengan badan (yang haram) dan tidak bertujuan membangunkan rumahtangga dan keluarga atau membangun sebuah kehidupan bersama, yang tidak berakhir dengan detik-detik keputusan nafsu jasad yang kasar sahaja. Islam bertujuan membangunkan hubungan cinta di atas landasan perasaan-perasaan insaniyah yang tinggi, yang membuat pertemuan dua badan itu sebagai pertemuan dua jiwa, dua hati dan dua roh, atau dengan ungkapan yang lebih sempurna Islam mahu menjadikan pertemuan dua badan itu sebagai pertemuan dua insan yang terikat dengan kehidupan bersama, cita-cita bersama, susah derita bersama dan masa depan bersama, yang bertemu dengan zuriat keturunan yang ditunggu-tunggu kedatangannya atau bertemu dengan generasi baru yang ditetas di dalam sarang bersama itu, di mana kedua-duanya menjadi ibu bapa yang tidak pernah bercerai mengawasi dan menjaga mereka.

Di sinilah Islam mengenakan hukuman berat ke atas perbuatan zina kerana perbuatan itu disifatkan sebagai suatu kejatuhan haiwaniyah yang menghancur dan meruntuhkan konsep-konsep dan matlamat-matlamat yang luhur itu, dan menjatuhkan insan ke tahap haiwan yang tidak membezakan di antara satu betina dengan satu betina yang lain dan tidak membezakan di antara satu jantan dengan satu jantan yang lain, malah seluruh cita-citanya hanya memuaskan nafsu daging dan darah dalam detik-detik waktu yang sebentar. Dalam perbuatan zina tidak ada di sebalik kelazatan seksual yang dini'mati itu tujuan untuk membina sesuatu di dalam kehidupan atau tujuan untuk meng'imarahkan alam bumi. Tidak ada di sebalik zina itu sebarang tujuan atau kemahuan untuk menghasilkan zuriat keturunan, malah tidak ada di sebaliknya satu sentimen kasih haqiqi yang luhur, kerana sentimen kasih yang haqiqi mempunyai sifat yang berterusan. Inilah titik yang membezakan di antara sentimen dengan emosi yang terpencil dan terpisah, yang dianggap oleh sebilangan ramai sebagai suatu sentimen kasih yang dibangga-banggakan mereka, malah itulah emosi haiwaniyah yang memakai baju sentimen kasih insaniyah pada setengah-setengah ketika.

Islam tidak memerangi dorongan keinginan semulajadi dan tidak pula menganggapkannya sebagai satu keinginan yang kotor, malah Islam bertujuan untuk mengatur, membersih dan mengangkatkan keinginan semulajadi itu dari taraf kebinatangan kepada taraf yang tinggi hingga menjadi paksi, di mana berlegarnya sebahagian besar dari peradaban-peradaban jiwa dan sosial. Adapun perbuatan zina terutamanya pelacuran, maka ia

---

[2] *Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Daud, an-Nasa'i dan at-Tarmizi.*

menghapuskan dari keinginan semulajadi ini segala cita-cita perasaan kasih dan kerinduan rohaniyah yang luhur dan segala peradaban seksual yang terkumpul di sepanjang sejarah manusia. Ia memperlihatkan keinginan semulajadi itu dalam bentuknya yang bogel, kasar dan kotor sama seperti yang ada pada haiwan, malah lebih kasar lagi dari haiwan-haiwan kerana banyak pasangan-pasangan haiwan seperti burung hidup kekal dalam kehidupan suami isteri yang teratur dan jauh dari kekacauan hubungan seks yang berlaku dalam perzinaan terutama pelacuran dalam setengah-setengah masyarakat manusia.

Untuk menghindarkan kejatuhan haiwaniyah dari manusia itulah yang mendorong Islam mengenakan hukuman yang berat dan keras terhadap perbuatan zina di samping menghindarkan keburukan-keburukan sosial yang lain yang biasa ditonjolkan ketika memperkatakan tentang jenayah zina, seperti bercampuraduk keturunan, tercetusnya dendam kesumat dan perseteruan dan terancamnya rumahtangga yang aman tenteram. Semua sebab-sebab ini adalah cukup untuk dijadikan alasan mengenakan hukuman yang berat di atas kesalahan zina. Tetapi yang menjadi sebab utama hukuman berat itu ialah menghindarkan kejatuhan haiwaniyah dari keinginan semulajadi manusia dan memelihara peradaban-peradaban insaniyah yang wujud di sekitar hubungan jantina, juga memelihara matlamat-matlamat hidup yang luhur dari kehidupan bersama suami isteri yang dilandaskan di atas asas yang berpanjangan dan berlanjutan. Inilah sebab yang paling penting - pada hemat saya - yang merangkumi seluruh sebab-sebab kecil yang lain.

Tetapi Islam tidak mengenakan hukuman yang sekeras ini melainkan setelah wujudnya jaminan-jaminan pencegahan yang dapat menghalangkan berlakunya perbuatan zina itu dan menghalangkan pelaksanaan hukuman itu melainkan di dalam kes-kes yang benar-benar thabit, yang tidak terdapat sebarang keraguan, kerana Islam adalah satu sistem hidup yang sepadu, yang tidak hanya ditegakkan di atas hukuman-hukuman keseksaan semata-mata, malah ditegakkan di atas langkah-langkah mengadakan cara-cara hidup yang bersih, kemudian barulah dikenakan hukuman keseksaan terhadap mereka yang tidak mahu menggunakan cara-cara hidup yang selesa ini dan memilih dengan sukarela tanpa sebarang paksa untuk hidup bergelumang di dalam lumpur.

Di dalam surah ini terdapat contoh-contoh dari berbagai-bagai jaminan pencegahan yang akan dibicarakan pada tempatnya.

Apabila jenayah zina berlaku sesudah wujudnya jaminan-jaminan pencegahan itu, maka Islam akan menolak hukuman hudud itu dengan apa sahaja jalan keluar yang terdapat di sana kerana sabda Rasulullah s.a.w.:

إدرأوا الحدود عن المسلمين ما استطعتم فإن كان له مخرج فخلّوا سبيله فإن الإمام أن يخطىء في العفو خير من أن يخطىء في العقوبة

"Tolakkan hukuman hudud dari orang-orang Islam sedaya upaya kamu, jika dia mempunyai jalan keluar, maka bebaskannya, kerana bagi pemerintah lebih baik dia tersalah memberi keampunan dari tersalah menjatuhkan hukuman."[3]

Oleh sebab itulah Islam menuntut diadakan empat orang saksi yang adil yang mengaku melihat perbuatan zina itu atau menuntut pengakuan yang benar yang tidak ada sebarang keraguan.

Mungkin ada orang berfikir bahawa hukuman yang sedemikian adalah suatu hukuman khayal sahaja yang tidak dapat menahan seseorang (dari jenayah zina), kerana hukuman itu tidak dapat dilaksanakan, tetapi Islam - sebagaimana telah kami katakan sebelum ini - tidak menegakkan binaannya di atas hukuman keseksaan semata-mata, malah ia ditegakkan di atas langkah-langkah pencegahan sebab-sebab yang mendorong ke arah jenayah zina dan di atas pendidikan jiwa, pembersihan hati dan perasaan taqwa yang peka yang dirangsangkan di dalam hati manusia, iaitu perasaan yang membuat seseorang merasa segan dan silu malu untuk melakukan jenayah zina yang memutuskan hubungan di antara penzina dengan masyarakat Muslimin. Islam tidak menjatuhkan hukuman rejam melainkan ke atas orang-orang yang angkuh dan berbangga-bangga melakukan kesalahan itu, iaitu orang-orang yang melakukan jenayah zina secara terbuka dan sewenang-wenang tanpa mempedulikan sesiapa hingga perzinaannya dapat dilihat dan disaksi dengan jelas oleh orang-orang yang menyaksi, atau ke atas orang yang ingin membersihkan dirinya dari dosa jenayah zina dengan meminta supaya dilaksanakan hukuman rejam ke atas diri mereka sebagaimana yang telah berlaku kepada Ma'ez dan teman wanitanya al-Ghamidiah. Kedua-dua orang ini datang meminta Rasulullah s.a.w. supaya beliau membersihkan dosa keduanya dengan hukuman rejam. Mereka mendesak beliau menjalankan hukuman itu walaupun beliau berkali-kali menolak permintaan itu sehingga mereka membuat pengakuan sebanyak empat kali dan dengan pengakuan ini hukuman rejam terpaksa dilakukan ke atas mereka kerana pengakuan itu telah dibuat kepada Rasulullah dengan cara yang cukup memberi keyakinan tanpa sebarang keraguan. Sabda Rasulullah s.a.w.:

تعافوا الحدود فيما بلغني من حدّ فقد وجب

"Bermaaf-maaflah kamu terhadap kesalahan-kesalahan hudud yang berlaku di antara kamu kerana sebarang

---

[3] *Hadith ini dikeluarkan oleh at-Tarmizi dari hadith 'Aisyah r.a.*

kesalahan hudud yang sampai kepada aku, maka wajiblah dilaksanakan hukuman itu."[4]

Apabila keyakinan telah wujud dan kesalahan itu telah sampai kepada pemerintah, maka wajiblah dijalankan hukuman hudud. Tiada lagi sebarang timbang rasa dan kasihan belas dalam menegakkan hukum agama Allah, kerana kasihan belas terhadap orang-orang yang melakukan kesalahan zina merupakan suatu perbuatan yang kejam terhadap masyarakat dan terhadap, peradaban-peradaban insaniyah dan seterusnya terhadap hati nurani manusia. Kasihan belas itu hanya merupakan suatu kasihan belas yang pura-pura sahaja. Allah lebih bertimbang rasa dan kasihan belas kepada para hamba-Nya dan Allah telah memilih hukuman hudud itu untuk mereka dan kerana itu tidak wajar kepada seseorang Mu'min lelaki dan perempuan membuat pilihan yang lain apabila Allah telah menetapkan hukuman-Nya kerana Allah amat mengetahui segala kepentingan para hamba-Nya dan amat mengenal tabi'at-tabi'at mereka. Tiadalah wajar kepada sesiapa untuk mengkritik dengan sombong terhadap kekerasan hukuman rejam itu, kerana hukuman itu merupakan hukuman yang paling bertimbang rasa terhadap masyarakat, di mana merebaknya jenayah zina dan di mana fitrah manusia rosak dan terhumban ke dalam lumpur dan jatuh ke dasar haiwaniyah yang rendah.

Mengenakan hukuman keseksaan yang keras terhadap jenayah zina itu sahaja tidak cukup untuk memelihara kehidupan masyarakat Muslimin dan untuk membersihkan suasana hidup mereka. Justeru itu Islam tidak hanya bergantung kepada hukuman keseksaan semata-mata untuk mewujudkan kehidupan masyarakat yang bersih - sebagaimana kami telah tegaskan tadi - malah ia bergantung kepada langkah-langkah pencegahan yang menjaminkannya dan langkah-langkah membersihkan seluruh suasana hidup dari bau-bau jenayah itu.

Oleh sebab itu selepas menyebut hukuman zina Al-Qur'an iringi dengan satu kenyataan yang mengasingkan para penzina dari badan umat Muslimin, kemudian ia maju setapak lagi dalam usaha menjauhkan bayang-bayang jenayah zina itu dari suasana masyarakat Muslimin dengan mengenakan hukuman keseksaan terhadap sesiapa yang menuduh wanita-wanita muhsan tanpa bukti-bukti yang kuat:

وَٱلَّذِينَ يَرْمُونَ ٱلْمُحْصَنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا۟ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَآءَ فَٱجْلِدُوهُمْ ثَمَٰنِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا۟ لَهُمْ شَهَٰدَةً أَبَدًا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٤﴾

"Dan orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan muhsan (dengan tuduhan berzina) kemudian mereka tidak dapat membawa empat orang saksi, maka sebatkanlah mereka lapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima kesaksian mereka untuk selama-lamanya, dan merekalah orang-orang yang fasiq."(4)

Jenayah Melempar Tuduhan Zina

Membiarkan lidah orang ramai bebas melemparkan tuduhan zina terhadap wanita-wanita muhsan, iaitu wanita-wanita yang baik dan merdeka sama ada janda atau dara tanpa bukti yang jelas bererti membuka peluang yang luas kepada sesiapa sahaja, yang mahu menuduh mana-mana wanita atau mana-mana lelaki yang tidak berdosa dengan tuduhan zina yang keji itu, kemudian dia berlalu begitu sahaja dengan aman, ini akan menyebabkan maruah dan nama baik masyarakat Islam pagi dan petang akan terluka dan tercemar, di mana setiap orang dalam masyarakat itu boleh dituduh atau terdedah kepada tuduhan dan setiap suami boleh mengesyaki isteri dan setiap isteri boleh mengesyaki suaminya dan setiap orang boleh mengesyaki asal-usul keturunannya dan setiap rumahtangga terancam kepada keruntuhan. Pendeknya ia membuat masyarakat itu berada dalam keadaan syak wasangka, kegelisahan dan keraguan.

Ini disebabkan kerana apabila tuduhan-tuduhan itu selalu sahaja didengar, maka ia akan menyarankan ke dalam hati orang-orang yang segan melakukan perbuatan zina bahawa suasana masyarakat semuanya telah tercemar dan perbuatan zina telah menjadi satu perbuatan yang lumrah di dalam masyarakat dan orang-orang yang selama ini segan melakukannya akan menjadi berani melakukannya. Keburukan dan kekejian maksiat zina akan dipandang ringan olehnya kerana terlalu kerap dilakukannya dan kerana ia sedar bahawa ramai orang yang lain juga turut melakukannya.

Oleh sebab itu hukuman zina tidak dapat menahan berlakunya perbuatan zina apabila masyarakat pagi dan petang bernafas dalam suasana kotor yang menggalakkan orang melakukan perbuatan itu.

Kerana itu dan kerana tujuan memelihara maruah dari dicabul dan memelihara ampunya-ampunya maruah itu dari kesengsaraan dan penderitaan batin yang dicurahkan ke atas mereka, Al-Qur'anul-Karim mengenakan hukuman yang berat terhadap perbuatan menuduh orang lain dengan zina, dan menjadikannya hampir-hampir sama dengan hukuman zina, iaitu lapan puluh kali sebat serta digugurkan kesaksiannya (tidak dipakai kesaksiannya) dan ia dicapkan sebagai seorang yang fasiq. Hukuman pertama merupakan hukuman jasmaniyah dan hukuman yang kedua merupakan hukuman moral, di kalangan masyarakat Muslimin. Hukuman itu sudah cukup berat apabila perkataan-perkataan si penuduh itu disia-siakan sahaja dan kesaksiannya tidak dipakai dan diterima, dan kehormatannya digugurkan di mata orang ramai, di mana ia berjalan selaku seorang

---

[4] Hadith ini dikeluarkan oleh Abu Daud dibawa kitab al-Hudud (dalam bab memberi kemaafan kepada kesalahan hudud selama mana ianya belum sampai kepada pemerintah).

pesalah yang tidak boleh dipercayai percakapannya. Hukuman yang ketiga merupakan hukuman keagamaan, iaitu dia seorang yang menyeleweng dari keimanan dan terkeluar dari jalannya yang betul. Itulah hukuman-hukuman yang akan diterima oleh si penuduh itu kecuali dia dapat mengadakan empat orang saksi yang benar-benar melihat perlakuan zina itu atau mengadakan tiga orang saksi bersama dengan dirinya sendiri jika dia melihat perlakuan itu, maka barulah perkataannya benar dan barulah hukuman rejam itu dijalankan ke atas orang yang melakukannya.

Masyarakat Islam tidak akan mengalami apa-apa kerugian kerana mengambil sikap diam dari membuat tuduhan yang tidak dapat dipastikan kebenarannya sebagaimana ia akan mengalami kerugian apabila tuduhan-tuduhan boleh dilempar begitu lumrah dan mudah, dan apabila tuduhan-tuduhan itu boleh diheboh-hebohkan tanpa silu malu hingga menimbulkan suasana yang menggalakkan orang-orang yang selama ini segan melakukan perbuatan yang dianggap kotor, terlarang dan jarang berlaku itu kepada berani melakukannya. Selain dari itu perbuatan menuduh itu akan menimbulkan penderitaan-penderitaan jiwa yang teruk yang dialami oleh perempuan-perempuan dan lelaki yang baik dan merdeka, juga menimbulkan kesan-kesan buruk dalam kehidupan orang ramai dan menggugatkan ketenteraman rumahtangga mereka.

Hukuman-hukuman yang lain yang dijatuhkan ke atas si penuduh selepas dijalankan hukuman sebat ke atasnya akan terus terhunus di atas kepalanya kecuali dia bertaubat:

إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ وَأَصْلَحُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ٥

"Kecuali mereka yang bertaubat selepas itu dan memperbaiki dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Para Fuqaha telah berselisih tentang pengecualian ini. Apakah pengecualian ini hanya melibatkan hukuman yang akhir sahaja (yang disebut dalam ayat 4) iaitu dihapuskan sifat fasiq darinya sahaja, sedangkan kesaksiannya terus kekal tidak diterima? Atau kesaksiannya juga boleh diterima apabila dia bertaubat? Menurut para imam iaitu Malik, Ahmad dan asy-Syafii apabila dia bertaubat, maka kesaksiannya boleh diterima dan terhapuslah darinya hukuman fasiq, tetapi ujar imam Abu Hanifah: Pengecualian itu hanya melibatkan ungkapan yang akhir (أولئك هم الفاسقون) sahaja iaitu dihapuskan sifat fasiq sahaja dengan taubat itu, tetapi kesaksiannya terus ditolak. Ujar asy-Sya'bi dan adh-Dhahak: Kesaksiannya tidak diterima walaupun dia bertaubat kecuali dia membuat pengakuan terhadap dirinya bahawa dia telah membuat pembohongan dalam tuduhannya itu, ketika itu bolehlah diterima kesaksiannya.

Saya memilih pendapat yang akhir ini kerana ia menambahkan taubat dengan membuat pengumuman bahawa yang tertuduh itu bersih dari tuduhan itu, iaitu dengan pengakuan secara langsung dari si penuduh itu, dan dengan pengumuman itu terhapuslah kesan terakhir dari kesalahan membuat tuduhan itu dan tidaklah boleh dikatakan lagi bahawa si penuduh telah dikenakan hukuman hudud kerana dia tidak dapat menunjukkan bukti-bukti yang cukup, dan supaya tiada siapa lagi yang mendengar tuduhan itu terlintas di dalam hatinya bahawa tuduhan itu mungkin benar, tetapi cumanya si penuduh sahaja yang tidak dapat mengadakan saksi-saksi yang cukup. Dengan pengumuman pengakuan itu maruah yang terdedah itu akan kembali bersih dengan sempurna dan kehormatannya dari segi perasaan orang ramai dapat diperlihatkan kembali setelah dipulihkan kehormatannya dari segi undang-undang syara'. Oleh sebab itu tidak ada lagi suatu sebab yang wajar untuk terus menolak atau mensia-sia kehormatan si penuduh yang telah menerima hukuman hudud dan bertaubat serta mengakui pembohongannya itu.

Itulah hukum qazaf yang umum (القذف العام), tetapi yang dikecualikan dari hukum itu ialah tuduhan yang dibuat oleh suami terhadap isterinya, kerana menuntut si suami mengadakan empat orang saksi itu merupakan satu tuntutan yang amat memberatkannya, sebab yang diandaikan di sini ialah si suami tidak menuduh isterinya melainkan tuduhan itu adalah benar sebab tuduhan itu boleh menjatuhkan kehormatan dirinya sendiri dan merosakkan nama baiknya dan kehormatan anak-anaknya. Oleh sebab itulah satu hukum yang khusus telah diadakan untuk tuduhan seperti ini:

وَٱلَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَٰجَهُمْ وَلَمْ يَكُن لَّهُمْ شُهَدَآءُ إِلَّآ أَنفُسُهُمْ فَشَهَٰدَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَٰدَٰتٍۭ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٦

وَٱلْخَٰمِسَةُ أَنَّ لَعْنَتَ ٱللَّهِ عَلَيْهِ إِن كَانَ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ٧

وَيَدْرَؤُا۟ عَنْهَا ٱلْعَذَابَ أَن تَشْهَدَ أَرْبَعَ شَهَٰدَٰتٍۭ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ٨

وَٱلْخَٰمِسَةَ أَنَّ غَضَبَ ٱللَّهِ عَلَيْهَآ إِن كَانَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٩

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ حَكِيمٌ ١٠

"Dan orang-orang yang menuduh isteri-isteri mereka (dengan tuduhan berzina), sedangkan mereka tidak mempunyai saksi-saksi selain diri mereka, maka kesaksian seseorang dari mereka ialah bersumpah empat kali dengan nama Allah bahawa dia adalah dari golongan yang benar (6).

Dan sumpah kali yang kelima ialah: Bahawa sesungguhnya laknat Allah (akan ditimpakan ke atasnya) jika dia dari golongan yang berdusta (7). Dan si isteri dapat menghindarkan keseksaan itu darinya dengan bersumpah sebanyak empat kali dengan nama Allah bahawa suaminya itu dari golongan yang berdusta (8). Dan sumpah kali yang kelima ialah bahawa sesungguhnya kemurkaan Allah (akan ditimpakan ke atasnya) jika suaminya dari golongan yang benar (9). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu dan tidak kerana Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Bijaksana (tentulah kamu mendapat malu dan seksa)."(10)

Hukum Qazaf Yang Dibuat Suami Terhadap Isterinya

Ayat-ayat ini memberi kemudahan kepada para suami, sesuai dengan suasana yang rumit dan sukar, iaitu ketika suami melihat isterinya berzina, sedangkan dia tidak mempunyai seorang saksi pun selain dari dirinya sendiri, maka ketika itu hendaklah dia bersumpah empat kali dengan nama Allah bahawa dia bercakap benar menuduh isterinya berzina dan kemudian hendaklah dia bersumpah pada kali yang kelima agar laknat Allah ditimpakan ke atas dirinya jika dia dari golongan orang yang berdusta. Sumpah-sumpah ini dinamakan kesaksian-kesaksian kerana dia sahaja seorang saksi yang tunggal apabila dia berbuat begitu, maka hendaklah dia memberi kepada isterinya kadar maskahwinnya[5] dan terceraìlah isteri itu darinya dengan talaq ba'in dan terhaklah di atas isterinya hukuman hudud zina iaitu hukuman rejam kecuali dia mahu menolakkan hukuman hudud itu, maka di waktu itu hendaklah dia bersumpah empat kali bahawa suaminya berdusta membuat tuduhan zina itu ke atas dirinya kemudian hendaklah dia bersumpah pada kali yang kelima agar kemurkaan Allah ditimpakan ke atas dirinya jika dia bohong. Dengan berbuat demikian tertolaklah hukuman hudud darinya dan terceraìlah dia dengan mula'anah dari suaminya dengan talaq ba'in, dan anaknya - jika dia mengandung - tidak boleh dihubungkan (dibinkan) kepada bekas suaminya, bahkah hendaklah dihubungkan kepada dirinya, dan anaknya itu tidak boleh dituduh (sebagai anak zina) dan barang siapa yang membuat tuduhan terhadapnya akan dikenakan hukum hudud.

Kemudian Allah iringkan kenyataan yang memberi keringanan dan kemudahan menghadapi suasana yang rumit dan sukar itu dengan ulasannya:

وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ حَكِيمٌ ١٠

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu dan tidak kerana Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Bijaksana (tentulah kamu mendapat malu dan seksa)."(10)

Allah tidak menjelaskan apakah akibat yang akan berlaku andainya limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya tidak memberi kemudahan-kemudahan yang seperti ini dan andainya. Dia tidak memberi kemudahan bertaubat selepas melakukan dosa-dosa itu. Allah tidak menjelaskan akibat ini supaya ia tinggal menjadi suatu kenyataan yang umum, yang tidak terperinci yang ditakuti oleh orang-orang yang bertaqwa. Tetapi ungkapan ayat ini membayangkan bahawa akibat yang mungkin berlaku ialah satu bala kesusahan yang amat besar.

Di sana terdapat riwayat-riwayat dari hadith-hadith yang sahih mengenai sebab turunnya hukum ini:

Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya daripada Ibnu 'Abbas katanya: Apabila turun ayat:

وَٱلَّذِينَ يَرۡمُونَ ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ ثُمَّ لَمۡ يَأۡتُواْ بِأَرۡبَعَةِ شُهَدَآءَ فَٱجۡلِدُوهُمۡ ثَمَٰنِينَ جَلۡدَةٗ وَلَا تَقۡبَلُواْ لَهُمۡ شَهَٰدَةً أَبَدٗاۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ٤

Maka Sa'd ibn 'Ubadah ketua kaum Ansar r.a. pun berkata: Beginikah ayat-ayat ini diturunkan, wahai Rasulullah? Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai kaum Ansar! Tidakkah kamu dengar apa kata ketua kamu itu?" Jawab mereka: "Wahai Rasulullah! Janganlah anda menyalahkannya kerana dia seorang lelaki yang sangat cemburu. Demi Allah, dia tidak pernah berkahwin melainkan dengan anak dara dan apabila dia menceraikan mana-mana isterinya, tiada siapa pun dari kami yang berani berkahwin dengannya kerana dia terlalu cemburu". Lalu, Sa'd pun berkata: "Demi Allah, wahai Rasulullah! Saya memang tahu bahawa ayat-ayat itu memang benar dan ia diturunkan dari Allah, tetapi saya merasa kepelikan andainya saya dapati seorang perempuan (isteri) yang jahat sedang berzina dengan seorang lelaki, maka apakah saya tidak dapat mengusik dan mengganggunya hingga saya membawa empat orang saksi? Demi Allah saya tidak sempat membawa saksi-saksi itu sehingga lelaki itu selesai memuaskan nafsunya". Kata Ibnu 'Abbas: Tidak lama kemudian datanglah Hilal ibn Umayah[6] (hendak mengadu kepada Rasulullah s.a.w.) iaitu dia balik dari kebunnya di waktu Isyak, tiba-tiba dia dapati ada seorang lelaki[7] bersama isterinya. Dia melihat dengan dua matanya dan mendengar dengan dua telinganya, tetapi dia tidak mengusik lelaki itu sehingga pada pagi keesokannya dia pun datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu dia berkata: "Wahai Rasulullah! Semalam saya balik mendapatkan isteri saya pada waktu Isya', tiba-tiba saya dapati dia bersama seorang lelaki, saya

---

[5] Yakni tidak mengambil balik maskahwin yang telah diberikan kepadanya (penterjemah).

[6] Dia adalah salah seorang dari tiga orang sahabat yang ponteng yang tidak ikut serta dalam Peperangan Tabuk (dan telah diterima taubat dari mereka).

[7] Iaitu Syarik ibn Shuhamai. (penterjemah).

tengok dengan mata saya dan saya dengar dengan telinga saya. Aduannya ini menyebabkan Rasulullah s.a.w. merasa meluat dan mengalami keadaan yang amat sukar, lalu orang-orang Ansar pun mengerumuni Hilal dan berkata: "Kita telah diuji dengan apa yang telah dikatakan Sa'd ibn 'Ubadah. Rasulullah s.a.w. tentu (sekarang) akan memukul Hilal (mengenakan hukuman sebat) dan membatalkan kesaksiannya di hadapan khalayak yang ramai". Lalu Hilal berkata: "Demi Allah, aku mengharapkan Allah mengurniakan jalan keluar kepadaku". Kemudian Hilal berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah, saya nampak anda sedang mengalami perasaan yang amat berat kerana aduan yang telah saya bawa kepada anda, hanya Allah sahaja yang mengetahui bahawa saya bercakap benar..." Demi Allah, Rasulullah s.a.w. sedang bertindak mahu memerintah orang supaya dijalankan hukuman sebat ke atasnya ketika diturunkan wahyu itu kepada beliau. Biasanya apabila wahyu sedang diturunkan kepada beliau, mereka dapat mengecam dari perubahan wajah beliau (lalu mereka pun diam tidak bercakap sehingga beliau selesai menerima wahyu) kemudian turunlah ayat:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُن لَّهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنفُسُهُمْ فَشَهَادَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٦﴾

Tiba-tiba hilanglah tanda-tanda perasaan marah dari wajah beliau dan beliau pun terus bersabda: "Terimalah berita baik, wahai Hilal. Allah telah mengurniakan jalan kelepasan dan jalan keluar kepada engkau". Jawab Hilal: "Sesungguhnya saya memang benar-benar mengharapkan pengurniaan itu dari Tuhanku Allah 'Azzawajalla. Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Utuskan orang kepada isteri Hilal itu supaya datang ke mari". Lalu mereka pun mengirim orang menjemput isteri Hilal dan dia pun datang. Kemudian Rasulullah s.a.w. pun membaca ayat-ayat tersebut kepada Hilal dan isterinya serta mengingatkan dan memberitahu kepada keduanya bahawa 'azab Akhirat adalah lebih dahsyat dari 'azab dunia. Lalu Hilal berkata: "Demi Allah, wahai Rasulullah! Saya telah membuat tuduhan yang benar ke atasnya". Isterinya terus menjawab: "Dia bohong". Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Jalankan mula'anah di antara keduanya". Lalu dikatakan kepada Hilal: "Bersumpahlah engkau!", maka Hilal pun bersumpah empat kali sumpah dengan nama Allah bahawa dia dari golongan orang yang bercakap benar. Dan pada sumpah kali yang kelima dikatakan kepada Hilal: "Wahai Hilal, bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya 'azab dunia ini lebih ringan dari 'azab Akhirat dan sumpah inilah yang akan menentukan engkau ditimpakan 'azab itu". Lalu dijawab oleh Hilal: "Demi Allah, Allah tidak akan mengazabkan aku kerana tuduhanku ke atasnya (isterinya) sebagaimana Allah tidak akan mengenakan hukuman sebat ke atasku kerana tuduhanku ke atasnya". Lalu dia pun bersumpah bagi kali yang kelima agar laknat Allah ditimpakan ke atasnya jika dia dari golongan orang yang berdusta. Kemudian dikatakan pula kepada isteri Hilal: "Bersumpahlah engkau empat kali sumpah bahawa dia (suaminya) adalah dari golongan orang yang berdusta". Dan pada sumpah kali yang kelima dikatakan pula kepadanya: "Bertaqwalah kepada Allah, kerana 'azab dunia lebih ringan dari 'azab Akhirat dan sumpah inilah yang akan menentukan engkau ditimpakan 'azab itu". Lalu dia menjadi teragak-agak seketika dan hampir-hampir hendak mengaku, kemudian dia berkata: "Demi Allah, saya tidak akan memalukan kaum keluargaku". Lalu dia pun bersumpah bagi kali yang kelima agar dia ditimpakan kemurkaan Allah jika dia (suaminya) dari golongan orang yang benar. Kemudian Rasulullah s.a.w, pun terus menceraikan di antara keduanya dan menetapkan keputusan bahawa anaknya yang dikandung itu tidak boleh dibinkan kepada bapa dan tidak boleh dituduh (sebagai anak zina) dan barang siapa yang membuat tuduhan ke atasnya akan dikenakan hukuman hudud. Seterusnya beliau menetapkan keputusan bahawa tanggungan mengadakan tempat kediaman dan perbelanjaan, makan minum kepada bekas isterinya tidak lagi diwajibkan ke atasnya (yakni dalam masa iddah) kerana kedua-duanya bercerai tanpa talaq dan bukan pula bercerai kerana kematian. Kemudian beliau bersabda: "Jika dia melahirkan anak yang dikandungkannya itu berambut perang, berpunggung kecil, berbetis kecil, maka anak itu adalah anak Hilal, sebaliknya jika dia melahirkan anak yang dikandungnya itu berkulit sawo matang, berambut kerinting, berbadan kasar dan tegak, berbetis kasar dan berpunggung gempal berisi, maka anak itu adalah anak si lelaki yang dituduh berzina dengannya". Kemudian perempuan itu melahirkan anak yang berkulit sawo matang, berambut kerinting, berbadan kasar dan tegak, berbetis kasar dan berpunggung gempal berisi. Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Jika tidak kerana sumpah-sumpah itu sudah tentu ada suatu tindakan yang lain bagiku dan bagi perempuan itu".

Demikianlah datangnya penetapan undang-undang tuduhan untuk menghadapi satu peristiwa yang telah berlaku dan untuk mengatasi satu keadaan yang rumit dan sukar kepada orang yang mengalaminya dan kepada orang-orang Islam umumnya. Rasulullah s.a.w. sendiri telah mengalami satu keadaan yang amat yang sukar dan tidak menemui jalan keluar sehingga beliau mula berkata kepada Hilal ibn Umayah sebagaimana diceritakan di dalam riwayat al-Bukhari: "Adakan saksi atau terima hukuman sebat di atas belakangmu", sedangkan Hilal pun berkata: "Wahai Rasulullah, apabila seorang dari kami melihat ada lelaki di atas isterinya, adakah dia pasti pergi mencari saksi?"

Mungkin ada orang berkata: Adakah Allah S.W.T. tidak mengetahui kemungkinan kes yang seperti ini dihadapi oleh undang-undang qazaf yang umum itu,

mengapakah Allah tidak menurunkan keterangan pengecualian itu melainkan setelah berlakunya kes yang menyulitkan itu?

Jawabnya: Memanglah Allah S.W.T. mengetahui kemungkinan itu, tetapi hikmat kebijaksanaan-Nya menghendaki agar undang-undang itu diturun semasa ia dirasa bahawa keadaan memerlukannya supaya manusia menyambutkannya dengan penuh minat dan supaya mereka dapat memahami hikmat dan rahmat yang wujud di sebaliknya. Oleh sebab itulah Allah iringi undang-undang itu dengan ulasannya:

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu dan tidak kerana Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Bijaksana (tentulah kamu mendapat malu dan seksa)."(10)

Marilah kita berdiri sebentar di hadapan peristiwa ini untuk melihat bagaimana Islam dan bagaimana didikan Rasulullah s.a.w. melayani manusia dengan Al-Qur'an ini dan bagaimana Al-Qur'an melayani jiwa orang-orang Arab yang sangat cemburu, mudah tersinggung dan amat ghairah itu. Mereka tidak berfikir panjang sebelum mereka bertindak dengan terburu-buru itu. Lihatlah apabila hukuman keseksaan qazaf (membuat tuduhan berzina) itu turun, ia telah diterima oleh mereka dengan perasaan yang berat dan sulit sehingga Sa'd ibn 'Ubadah tergamak bertanya Rasulullah s.a.w.: "Beginikah ayat-ayat ini (ayat-ayat hukum qazaf diturunkan, wahai Rasulullah?" Dia mengemukakan pertanyaan itu, sedangkan dia yakin bahawa ayat-ayat itu memang diturunkan begitu, tetapi dia mahu membayangkan perasaannya yang berat dan sulit untuk tunduk kepada hukum ini dalam kes yang tertentu apabila isteri ditiduri orang. Dia telah menyatakan kepahitan tanggapannya itu dengan katanya: "Demi Allah, wahai Rasulullah! Saya memang tahu bahawa ayat-ayat itu memang benar dan ia diturunkan dari Allah, tetapi saya merasa kepelikan andainya saya dapati perempuan (isteri) yang jahat sedang berzina dengan seorang lelaki, maka apakah saya tidak dapat mengusik dan mengganggunya hingga saya membawa empat orang saksi? Demi Allah saya tidak sempat membawa saksi-saksi itu sehingga lelaki itu selesai memuaskan nafsunya."

Tidak lama kemudian tanggapan yang pahit yang tidak dapat ditanggung oleh Sa'd ibn 'Ubadah di dalam khayalannya itu telah menjadi kenyataan. Seorang lelaki (Hilal) telah melihat (isterinya ditiduri orang) dengan dua matanya dan mendengar dengan telinganya, tetapi dia dapati dirinya (tidak dapat berbuat apa-apa kerana) dihalangi oleh hukum Al-Qur'an. Dia terpaksa menahan perasaannya, menahan adat turun temurunnya, menahan logik masyarakat Arab yang keras dan kuat, menahan darahnya yang mendidih, perasaannya yang memberontak dan saraf-sarafnya yang melonjak-lonjak. Dia menahan semuanya ini kerana menunggu hukum Allah dan hukum Rasulullah s.a.w. Ini adalah satu beban yang amat sulit dan amat memenatkan, tetapi didikan Islam telah berjaya menyiapkan jiwa mereka untuk memikul beban itu supaya tidak ada hukum yang lain melainkan hanya hukum Allah sahaja yang berdaulat dalam urusan-urusan, yang bersangkutan dengan diri mereka dan kehidupan mereka.

Bagaimana hal ini boleh berlaku? Hal ini boleh berlaku kerana mereka merasa bahawa Allah bersama mereka dan bahawa mereka sentiasa berada di dalam perlindungan Allah dan bahawa Allah sentiasa menjaga kepentingan mereka. Allah tidak mentaklifkan perkara yang menyusah dan menyulitkan mereka, Allah tidak membiarkan mereka apabila sesuatu perkara itu telah melampaui batas keupayaan mereka dan Allah selama-lamanya tidak menzalimi mereka. Mereka sentiasa hidup di bawah naungan Allah dan bernafas dengan bayu Allah yang nyaman. Mereka sentiasa mengharapkan kepada Allah sebagaimana kanak-kanak mengharapkan kepada pembela dan penjaganya yang baik hati. Lihatlah Hilal ibn Umayah. Dia melihat (isterinya ditiduri orang) dengan dua matanya dan mendengar dengan dua teliganya, sedangkan dia seorang sahaja yang melihat peristiwa itu, lalu dia mengadu kepada Rasulullah s.a.w., tetapi Rasulullah s.a.w. tidak mendapat jalan keluar yang lain selain dari menjalankan hukuman hudud ke atasnya apabila beliau berkata kepadanya: "Adakan saksi atau terima hukuman sebat di atas belakangmu", tetapi Hilal tidak fikir bahawa Allah akan membiarkannya menerima hukuman sebat kerana dakwaannya adalah benar, tiba-tiba Allah menurunkan hukum pengecualian dalam kes, tuduhan suami terhadap isteri. Lalu Rasulullah s.a.w. menyampaikan berita baik itu kepada Hilal dan dia terus mengeluarkan kata-kata orang yang yakin kepada kebenarannya: "Sesungguhnya saya memang benar-benar mengharapkan pengurniaan itu dari Tuhanku Allah 'Azzawajalla" itulah keyakinan kepada rahmat Allah dan kepada pemeliharaan dan keadilan-Nya, lebih-lebih lagi keyakinan bahawa Allah sentiasa bersama mereka dan bahawa mereka tidak akan dibiarkan kepada diri mereka. Mereka yakin mereka berada di hadapan Allah dan di bawah jagaan-Nya. Inilah keimanan yang membuat mereka rela ta'at dan patuh kepada hukum Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 26)

Setelah selesai menerangkan hukum qazaf, Al-Qur'an membawa satu contoh perbuatan qazaf untuk mendedahkan betapa keji dan buruknya jenayah itu. Ia melibatkan rumahtangga Nabi sendiri yang bersih dan mulia, ia menyentuh kehormatan Rasulullah

s.a.w. semulia-mulia insan di sisi Allah dan kehormatan sahabatnya Abu Bakr as-Siddiq r.a. semulia-mulia insan di sisi Rasulullah s,a.w., juga menanggung kehormatan seorang sahabat iaitu Safwan ibn al-Mu'attal r.a. yang disaksi oleh Rasulullah s.a.w. sebagai seorang yang sangat baik. Peristiwa fitnah ini telah menjadi buah mulut kaum Muslimin di Madinah selama sebulan.

Itulah peristiwa fitnah yang cuba menyentuh dan mencabul kehormatan tokoh-tokoh yang berada di maqam yang tinggi dan luhur:

Fitnah Terhadap Siti 'Aisyah r.a.

إِنَّ ٱلَّذِينَ جَآءُو بِٱلۡإِفۡكِ عُصۡبَةٌ مِّنكُمۡۚ لَا تَحۡسَبُوهُ شَرًّا لَّكُمۖ بَلۡ هُوَ خَيۡرٌ لَّكُمۡۚ لِكُلِّ ٱمۡرِيٍٕ مِّنۡهُم مَّا ٱكۡتَسَبَ مِنَ ٱلۡإِثۡمِۚ وَٱلَّذِي تَوَلَّىٰ كِبۡرَهُۥ مِنۡهُمۡ لَهُۥ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١﴾

لَّوۡلَآ إِذۡ سَمِعۡتُمُوهُ ظَنَّ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتُ بِأَنفُسِهِمۡ خَيۡرًا وَقَالُواْ هَٰذَآ إِفۡكٌ مُّبِينٌ ﴿١٢﴾

لَّوۡلَا جَآءُو عَلَيۡهِ بِأَرۡبَعَةِ شُهَدَآءَۚ فَإِذۡ لَمۡ يَأۡتُواْ بِٱلشُّهَدَآءِ فَأُوْلَٰٓئِكَ عِندَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلۡكَٰذِبُونَ ﴿١٣﴾

وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِ لَمَسَّكُمۡ فِي مَآ أَفَضۡتُمۡ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٤﴾

إِذۡ تَلَقَّوۡنَهُۥ بِأَلۡسِنَتِكُمۡ وَتَقُولُونَ بِأَفۡوَاهِكُم مَّا لَيۡسَ لَكُم بِهِۦ عِلۡمٌ وَتَحۡسَبُونَهُۥ هَيِّنًا وَهُوَ عِندَ ٱللَّهِ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

وَلَوۡلَآ إِذۡ سَمِعۡتُمُوهُ قُلۡتُم مَّا يَكُونُ لَنَآ أَن نَّتَكَلَّمَ بِهَٰذَا سُبۡحَٰنَكَ هَٰذَا بُهۡتَٰنٌ عَظِيمٌ ﴿١٦﴾

يَعِظُكُمُ ٱللَّهُ أَن تَعُودُواْ لِمِثۡلِهِۦٓ أَبَدًا إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ﴿١٧﴾

وَيُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلۡأٓيَٰتِۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٨﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشِيعَ ٱلۡفَٰحِشَةُ فِي ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِۚ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ﴿١٩﴾

وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّبِعُواْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِۚ وَمَن يَتَّبِعۡ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأۡمُرُ بِٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِۚ وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ مِنكُم مِّنۡ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢١﴾

وَلَا يَأۡتَلِ أُوْلُواْ ٱلۡفَضۡلِ مِنكُمۡ وَٱلسَّعَةِ أَن يُؤۡتُوٓاْ أُوْلِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡمَسَٰكِينَ وَٱلۡمُهَٰجِرِينَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِۖ وَلۡيَعۡفُواْ وَلۡيَصۡفَحُوٓاْۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغۡفِرَ ٱللَّهُ لَكُمۡۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَرۡمُونَ ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ ٱلۡغَٰفِلَٰتِ ٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ لُعِنُواْ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِ وَلَهُمۡ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾

يَوۡمَ تَشۡهَدُ عَلَيۡهِمۡ أَلۡسِنَتُهُمۡ وَأَيۡدِيهِمۡ وَأَرۡجُلُهُم بِمَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿٢٤﴾

يَوۡمَئِذٍ يُوَفِّيهِمُ ٱللَّهُ دِينَهُمُ ٱلۡحَقَّ وَيَعۡلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡحَقُّ ٱلۡمُبِينُ ﴿٢٥﴾

ٱلۡخَبِيثَٰتُ لِلۡخَبِيثِينَ وَٱلۡخَبِيثُونَ لِلۡخَبِيثَٰتِۖ وَٱلطَّيِّبَٰتُ لِلطَّيِّبِينَ وَٱلطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَٰتِۚ أُوْلَٰٓئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَۖ لَهُم مَّغۡفِرَةٌ وَرِزۡقٌ كَرِيمٌ ﴿٢٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membawa fitnah yang bohong itu adalah sekumpulan dari golongan kamu sendiri. Janganlah kamu mengirakan fitnah yang bohong itu sebagai satu keburukan kepada kamu, malah ia adalah suatu kebaikan kepada kamu. Setiap orang dari mereka akan mendapat balasan dari dosa yang telah dilakukannya. Dan orang yang mengendalikan peranannya yang terbesar dari mereka akan mendapat balasan 'azab yang amat besar (11). Mengapakah tidak - ketika kamu mendengar fitnah yang bohong itu orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan menaruh sangkaan yang baik terhadap golongan mereka

sendiri dan berkata: Ini adalah fitnah bohong yang amat nyata (12). Mengapakah mereka (yang menuduh itu) tidak membawa empat orang saksi mengesahkan berita itu? Oleh kerana mereka tidak menghadirkan saksi-saksi itu, maka di sisi Allah mereka adalah pendusta-pendusta belaka (13). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu di dunia dan Akhirat tentulah perbuatan kamu mengheboh-hebohkan fitnah bohong itu akan menyebabkan kamu ditimpa 'azab yang amat besar (14). Ketika kamu menerima berita bohong itu dari lidah ke lidah dan kamu katakan dengan mulut kamu perkara yang kamu tidak mengetahuinya sedikit pun dan kamu mengirakannya sebagai suatu perkara yang kecil sahaja, sedangkan perkara itu amat besar di sisi Allah (15). Dan mengapakah kamu tidak terus berkata ketika kamu mendengar berita bohong itu: Tidak seharusnya kepada kita membicarakan perkara ini, Maha Sucilah Engkau (wahai Tuhan kami) ini adalah satu pembohongan yang amat besar (16). Allah menasihati kamu supaya jangan mengulangi perbuatan seperti itu buat selama-lamanya, jika kamu benar orang-orang yang beriman (17). Dan Allah menerangkan pengajaran-pengajaran kepada kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (18). Sesungguhnya orang-orang yang ingin supaya tersebarnya kejahatan seks yang keji itu di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih di dunia dan Akhirat. Dan Allah Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui (19). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu (tentulah kamu akan ditimpa malapetaka). Dan sesungguhnya Allah Maha Penyantun Dan Maha Pengasih (20). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan, dan barang siapa yang mengikut langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar. Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya tiada seorang pun dari kamu yang bersih dari (kekotoran dosa) buat selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (21). Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan (kewangan) itu bersumpah bahawa mereka tidak akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah kerana agama Allah, dan hendaklah mereka (bersikap) mengampun dan memaaf. Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu, sedangkan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang? (22) Sesungguhnya orang-orang yang membuat tuduhan zina terhadap wanita-wanita muhsan, yang terlalai dan beriman itu akan dilaknatkan di dunia dan Akhirat dan mereka akan mendapat 'azab yang amat besar (23). Pada hari mereka disaksikan oleh lidah, tangan dan kaki mereka sendiri terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka (24). Pada hari itu Allah akan menyempurnakan balasan mereka yang sebenar dan mereka akan mengetahui bahawa Allah itulah yang benar dan jelas kebenaran-Nya (25). Wanita-wanita yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat dan lelaki-lelaki yang jahat adalah untuk wanita-wanita yang jahat, dan wanita-wanita yang baik adalah untuk lelaki-lelaki yang baik dan lelaki-lelaki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik. Mereka adalah bersih dari tuduhan-tuduhan yang dikatakan mereka (para penuduh) dan mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang amat murah."(26)

Cerita Fitnah Dari Lidah Siti 'Aisyah Sendiri

Peristiwa fitnah ini telah membebankan penderitaan dan kesedihan yang tidak tertanggung ke atas seorang insan yang paling suci di dalam seluruh sejarah manusia, dan membebankan seluruh umat Muslimin dengan satu ujian yang paling sulit di sepanjang sejarah mereka yang panjang. Ia telah mengikat hati Rasulullah s.a.w. dan hati 'Aisyah isterinya yang dikasihi, juga hati Abu Bakr as-Siddiq dan isterinya dan hati Safwan ibn al-Mu'attal selama sebulan dengan tali-tali keraguan, kegelisahan dan kesedihan yang tidak tertanggung.

Marilah kita tinggalkan kepada Siti 'Aisyah r.a. menceritakan sendiri kisah yang amat menyedihkan itu dan mendedahkan rahsia ayat-ayat ini semua.

Daripada az-Zuhri dari Urwah dan lainnya daripada 'Aisyah r.a. katanya:

"Biasanya apabila Rasulullah s.a.w. mahu bermusafir beliau membuang undi di antara para isterinya, mana-mana isteri yang mendapat undinya dia berhak keluar bermusafir bersama beliau. Beliau telah membuang undi di antara kami dalam satu peperangan,[8] tiba-tiba aku mendapat undi lalu aku pun keluar bersama beliau, iaitu selepas diturunkan ayat hijab. Aku telah diangkat di atas unta di dalam segeduk (tempat duduk yang tertutup yang dipasang di atas unta) dan di dalam segeduk itu juga aku diturunkan. Kami meneruskan perjalanan kami. Apabila Rasulullah s.a.w. selesai dengan peperangan itu dan bertolak balik dan sudah hampir dengan Madinah beliau memerintah supaya berangkat balik pada malam itu juga, aku telah bangkit dan keluar sebentar kerana beberapa urusanku sehingga melampaui tempat perhimpunan tentera ketika mereka diperintah berangkat balik. Setelah aku menyelesaikan urusanku itu aku menuju ke tempat kenderaan lalu aku meraba dadaku tiba-tiba aku dapati kalung mutiara zifar yang aku pakai itu telah putus (dan jatuh) lalu aku kembali semula mencarinya dan aku tertahan di situ (agak lama) kerana mencarinya. Lalu kumpulan tentera yang bertugas membawa segedukku itu datang dan terus mengangkat segedukku ke atas untaku kemudian berangkat pergi, sedangkan mereka menyangka bahawa aku berada di dalam segedukku itu kerana perempuan-perempuan di masa itu ringan-ringan belaka tidak diberatkan oleh daging-daging mereka, sebab kebiasaan kami hanya makan sedikit sahaja. Mereka tidak terasa ringan segeduk itu apabila mereka mengangkatkan ke atas belakang unta, (tambahan pula) aku di waktu itu dalam usia yang sangat muda. Mereka pun bertolak berjalan membawa unta itu. Kemudian aku menemui kalungku itu setelah tentera-tentera itu berlepas

---

[8] Peperangan Bani al-Mustaliq yang berlaku pada tahun yang kelima hijrah mengikut qaul yang lebih rajih.

pulang. Aku balik semula ke tempat perhimpunan mereka dan aku dapati tiada seorang pun di sana. Lalu aku pun menuju ke tempat perhentian ku kerana aku fikir mereka akan mencariku dan aku balik ke situ. Ketika aku duduk di situ mataku dilanda mengantuk dan terus tertidur. (Kebetulan) Safwan ibn al-Ma'ttal as-Sulami kemudian az-Zakwani telah tercicir di belakang angkatan tentera itu lalu dia meneruskan perjalanannya di waktu malam dan sampai ke tempatku lalu dia nampak ada orang tidur lalu dia pun datang mendapatkanku dan dia terus mengenali aku. Sebaik sahaja dia melihatku kerana dia pernah melihatku sebelum turunnya ayat hijab, lalu aku pun terjaga dari tidurku apabila aku mendengar dia mengucap (إنالله وإنا إليه راجعون)[9] ketika dia mengenal diriku. Aku terus menutup mukaku dengan baju labuhku. Demi Allah, dia tidak menegurku sepatah pun dan aku tidak mendengar sepatah kata yang lain dari ucapan (إنالله وإنا إليه راجعون). Lalu dia pun turun dan menerongkan untanya dan memijak di atas dua kakinya[10] aku pun menunggang unta itu dan dia terus berjalan membawa unta itu sehingga kami sampai ke tempat perhentian tentera yang telah berhenti di situ di akhir malam. Kata 'Aisyah (setelah berita ini menjadi fitnah), maka binasalah orang-orang yang binasa kerana memfitnahku dan orang yang mengambil peranan utama dalam dosa membuat fitnah ini ialah Abdullah ibn Ubay ibn Salul. Kemudian kami kembali ke Madinah dan di sana aku mengidap sakit selsema sebulan. Orang ramai sibuk membicarakan cerita pembuat-pembuat fitnah yang dusta terhadapku itu tanpa disedari olehku, tetapi yang menimbulkan keraguan padaku semasa sakit itu ialah aku tidak melihat sikap lemah lembut dan mesra yang biasa aku lihat dari Nabi s.a.w. semasa aku sakit. Beliau hanya masuk sambil memberi salam dan bertanya "Apa khabar?" Kemudian beliau terus pergi dari situ. Itulah sahaja yang menimbulkan keraguan padaku dan aku tidak sedar terhadap fitnah yang jahat itu melainkan sesudahku betah. Ketika itu aku keluar bersama Ummu Mistah menuju ke arah al-Manasi' iaitu tempat kami membuang air besar. Biasanya kami tidak keluar ke sana melainkan di waktu malam sahaja. Ini ialah sebelum kami mengadakan jamban-jamban di rumah. Sebelum itu adat kami ialah seperti adat orang-orang Arab zaman dahulu iaitu keluar ke tempat membuang air besar. Lalu aku dan Ummu Mistah menuju ke sana. Ummu Mistah ialah anak perempuan Abu Ruhmi ibn Abdul Muttalib ibn Abdu Manaf dan ibunya ialah anak perempuan Sakhr ibn Amir ibu saudara Abu Bakr as-Siddiq r.a. dan anaknya ialah Mistah ibn Uthathah ibn Ibad ibn Abdul Muttalib. Setelah selesai urusan kami, maka kami pun berjalan (pulang), tiba-tiba Ummu Mistah tergelincir dengan sebab kainnya lalu dia melatah: "Celakalah Mistah!" Aku pun terus berkata kepadanya: "Tidak baik kata begitu. Adakah Mak cik tergamak, memaki seorang yang telah berjuang di dalam Peperangan Badar?" Lalu dia berkata: "Wahai puan! Tidakkah anda dengar apa yang dia kata (terhadap anda)?" Aku pun bertanya: "Dia kata apa?" Lalu dia menceritakan kepada aku perkataan mereka yang membuat fitnah terhadapku hingga menyebabkan sakitku semakin bertambah. Apabila aku pulang ke rumahku, Rasulullah s.a.w. masuk menemuiku sambil bertanya: "Apa khabar?" Lalu aku pun berkata kepada beliau: "Izinkan hamba menemui kedua orang tua hamba". Tujuanku ketika itu ialah untuk mendapat kepastian dari mereka berdua. Lalu beliau memberi keizinannya kepada aku. Kemudian aku menemui dua orang tuaku. Aku bertanya ibuku: "Wahai ibu! Apakah orang ramai bercakap-cakap mengenai saya?" Ibuku membalas: "Tenangkan dirimu menghadapi perkara itu. Demi Allah, jarang sekali seorang perempuan yang cantik yang berada di sisi seorang suami yang menyayanginya dan ada pula madu-madunya melainkan sudah tentu mereka banyak membuat kata-kata yang tidak baik terhadapnya". Lalu aku pun berkata: "Subhanallah! Apakah orang ramai tergamak memperkatakan perkara ini?" Malam itu aku terus menangis. Air mataku mengalir tidak putus-putus dan aku tidak dapat melelapkan mataku sedikit pun. Keesokan pagi aku terus menangis lagi. Kemudian Rasulullah s.a.w. memanggil Ali ibn Abu Talib dan Usamah ibn Zayd r.a. ketika wahyu terputus untuk bermesyuarat dengan mereka berdua mengenai persoalan perceraian dengan ahlinya, kata 'Aisyah: Adapun Usamah dia telah memberi pendapatnya kepada beliau kerana dia benar-benar mengetahui bahawa isteri beliau bersih dari tuduhan itu dan mengetahui beliau sangat kasih kepada isterinya itu. Kata Usamah: "Dia itu ahli anda, wahai Rasulullah! Dan kami tidak mengetahuinya melainkan hanya baik belaka". Ada pun Ali ibn Abu Talib pula dia berkata: "Wahai Rasulullah! Allah tidak menyempitkan perkara ini kepada anda. Perempuan yang lain darinya memang ramai. Tanyalah kepada Jariyah (yakni seorang hamba perempuan yang menjadi pelayan 'Aisyah) nescaya dia dapat menceritakan kepada anda apa yang sebenar". Lalu Rasulullah s.a.w. pun memanggil Barirah[11] dan bertanya kepadanya: "Wahai Barirah! Adakah engkau melihat sesuatu yang meragukan engkau pada 'Aisyah?" Jawab Barirah: "Tidak! Demi Allah yang telah membangkitkan anda sebagai Nabi dengan sebenarnya hamba tidak melihat sesuatu cacat cela yang dapat hamba cacatkannya ('Aisyah) kecuali dia

---

[9] *Dalam riwayat yang lain ia menambah: "Oh!, rupanya isteri Rasulullah s.a.w."*

[10] *Untuk memudahkan Siti 'Aisyah r.a. menunggangnya tanpa memerlukan pertolongannya.*

[11] *Imam Syamsuddin Abu Abdullah ibn Qaiyimil-Juziyah telah mentahqiqkan bahawa Jariyah yang ditanya itu bukannya Barirah kerana Barirah telah membayar kemerdekaan dirinya dan sudah lama menjadi merdeka. Apabila Imam Ali Karramallahu wajhahu berkata: "Tanyalah Jariyah nescaya dia dapat menceritakan kepada anda apa yang sebenar", maka setengah-setengah rawi menyangka bahawa yang dimaksudkan dengan Jariyah itu ialah Barirah lalu mereka menyebut namanya (sedangkan yang sebenarnya tidak begitu).*

ini seorang yang sangat muda usianya dan pernah leka menjaga adunan gandum (yang diserah kepada jagaannya) dan tertidur lalu datang kambing memakan adunan itu". Kata Barirah: Lalu Rasulullah s.a.w. terus bangkit (dan menaiki mimbar) pada hari itu, Beliau meminta pertolongan (sahabat-sahabatnya) dari kejahatan Abdullah ibn Ubay ibn Salul. Sabda beliau semasa berdiri di atas mimbar: "Siapakah yang sanggup menolongku dari kejahatan seorang lelaki yang telah menyakitiku pada isteriku? Demi Allah aku tidak mengetahui isteriku melainkan dia adalah seorang yang baik. Mereka telah menyebut seorang lelaki (Safwan ibn Mu'attal) yang aku tidak mengetahuinya melainkan dia adalah seorang yang baik. Dia tidak pernah masuk ke rumah isteriku melainkan bersama denganku". Kata 'Aisyah: Lalu Sa'd ibn Mu'az r.a.[12] pun berdiri dan berkata: "Wahai Rasulullah! Demi Allah, hambalah yang sanggup menolong anda. Andainya orang itu dari suku Aus kami akan panggal lehernya, dan andainya orang itu dari saudara-saudara kami suku Khazraj, maka perintahlah apa sahaja kepada kami nescaya kami laksanakan perintah itu". Tiba-tiba Sa'd ibn 'Ubadah r.a. berdiri. Dia adalah ketua suku Khazraj dan dia seorang yang soleh tetapi ketika itu dia telah diharui oleh semangat kesukuan. Dia terus berkata kepada Sa'd ibn Mu'az: "Demi Allah, awak bohong! Awak tidak dapat membunuhnya dan awak tidak berupaya bertindak begitu". Kemudian bangun pula Usaid ibn Hudhair r.a., iaitu sepupu Sa'd ibn Mu'az lalu berkata kepada Sa'd ibn 'Ubadah: "Demi Allah, awaklah yang bohong, kami akan membunuhnya. Awak Munafiq kerana awak mempertahankan orang-orang Munafiq". Lalu kedua-dua suku Aus dan Khazraj itu naik darah hingga mereka hampir-hampir mahu bergaduh sedangkan Rasulullah s.a.w. masih berdiri di atas mimbar. Beliau terus menenangkan mereka, lalu mereka pun diam dan beliau pun turun dari atas mimbar. Pada hari itu aku terus menangis tidak putus air mata dan tidak lelap hendak tidur, dan pada malam hari itu juga aku menangis tidak putus air mata dan tidak lelap hendak tidur. Dua orang tuaku terus berada di sisiku. Aku telah menangis selama dua malam satu hari hingga aku fikir tangisan itu telah memecah jantung hatiku. Ketika dua orang tuaku duduk di sisiku dan aku sedang menangis, tiba-tiba datang seorang perempuan Ansar meminta izin lalu diizinkan masuk dan dia pun duduk menangis bersamaku. Ketika kami berada dalam keadaan ini tiba-tiba Rasulullah s.a.w. masuk kemudian duduk. Beliau tidak pernah duduk di sisiku sejak dari hari mereka membicarakan hal diriku. Selama sebulan beliau tinggal tanpa menerima sebarang wahyu mengenai diriku. Beliau mengucapkan kata-kata syahadat ketika beliau duduk kemudian beliau bersabda: "Amma ba'du! Telah sampai kepadaku cerita mengenai dirimu begini begini. Jika engkau tidak bersalah, maka Allah akan membersihkan dirimu dan jika engkau telah melakukan sesuatu kesalahan, maka pohonlah keampunan kepada Allah Ta'ala dan bertaubatlah kepada-Nya, kerana apabila seorang hamba itu telah mengakui kesalahannya dan bertaubat, maka Allah Ta'ala menerima taubatnya". Sebaik sahaja Rasulullah s.a.w. mengakhiri percakapannya, air mataku pun terus berhenti dan aku merasa tiada setitis pun lagi yang keluar. Lalu aku berkata kepada ayahku: "Tolonglah ayah jawab perkataan Rasulullah s.a.w. itu bagi pihak diriku". Jawab ayahku: "Demi Allah! Aku tidak tahu apa yang harus aku katakan kepada Rasulullah s.a.w." Lalu aku berkata kepada ibuku pula: "Tolonglah ibu jawab perkataan Rasulullah bagi pihak diriku". Jawab ibuku: "Aku juga tidak tahu apa yang harus aku katakan kepada Rasulullah s.a.w.". Kata 'Aisyah: Aku seorang perempuan yang masih berusia sangat muda dan aku belum banyak mengingati Al-Qur'an. Lalu aku pun berkata: "Demi Allah! Hamba tahu bahawa anda sekalian telah mendengar cerita yang telah diheboh-hebohkan oleh orang ramai dan cerita itu telah termasuk di dalam hati anda sekalian dan mempercayainya. Oleh itu jika hamba katakan kepada anda sekalian bahawa hamba tidak bersalah tentulah anda sekalian tidak percaya, tetapi sebaliknya jika hamba mengaku melakukan sesuatu kesalahan yang Allah tahu bahawa hamba tidak melakukannya tentulah anda sekalian percaya. Demi Allah, hamba tidak mendapat satu contoh yang lain untuk dipegang oleh hamba dan untuk anda sekalian melainkan contoh ayahanda Nabi Yusuf (Nabi Ya'kub a.s.). Beliau berkata:

فَصَبْرٌ جَمِيلٌ وَٱللَّهُ ٱلْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ۝١٨

"(Sikapku) ialah bersabar dengan sebaik-baiknya dan Allah jua yang dipohonkan pertolongan terhadap apa yang diceritakan oleh kamu."

(Surah Yusuf: 18)

Kemudian aku pun berpaling dan terus baring di tempat tidurku. Demi Allah, di waktu itu aku tetap yakin bahawa aku tidak bersalah dan Allah akan membersihkan diriku dari fitnah itu, tetapi demi Allah aku tidak sangka bahawa Allah S.W.T. akan menurunkan wahyu yang dibaca (oleh manusia) mengenai diriku, kerana aku sedar bahawa diriku terlalu kecil dan hina untuk diperkatakan oleh Allah dalam wahyu-Nya yang dibaca (oleh manusia). Apa yang ku harap ialah semoga Rasulullah s.a.w. mendapat mimpi dari Allah yang membersihkan diriku dari tuduhan itu. Demi Allah! Belum pun sempat

---

[12] *Dalam riwayat Ibn Ishaq, yang menceritakan perkataan-perkataan ini ialah Usaid ibn Hudhair. Menurut tahqiq al-Imam ibn Qayimil-Juziyah dalam kitab Zad al-Ma'ad bahawa Sa'd ibn Mu'az telah wafat selepas Peperangan Bani Qurayzah sebelum berlaku fitnah ini dan apa yang dikatakan itu ialah dari perkataan Usaid ibn Hudhair. Demikianlah juga pendapat al-Imam ibn Hazm berlandaskan riwayat dari 'Ubaydullah ibn Abdullah ibn 'Utbah dari 'Aisyah tanpa menyebut S'ad ibn Mu'az.*

beliau bergerak dari tempat duduknya dan belum pun sempat sesiapa dari ahli rumah itu keluar, tiba-tiba Allah Ta'ala menurunkan wahyu-Nya kepada Rasulullah s.a.w., lalu beliau berada dalam keadaan semacam tidak sedarkan diri seketika, kemudian apabila beliau pulih kembali, beliau tersenyum. Perkataan pertama yang keluar dari mulut beliau ialah sabdanya: "Wahai 'Aisyah! Bersyukurlah kepada Allah Ta'ala yang telah membersihkan engkau". Lalu ibuku pun berkata kepada aku: "Bangunlah mendapatkan Rasulullah s.a.w." Aku terus menjawab: "Demi Allah, hamba tidak mahu bangun mendapatkan beliau dan hamba tidak mahu memuji sesiapa melainkan hanya Allah Ta'ala yang telah menurunkan wahyu yang membersihkan diri hamba". Wahyu yang telah diturunkan Allah Ta'ala ialah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ جَآءُو بِٱلۡإِفۡكِ عُصۡبَةٞ مِّنكُمۡۚ لَا تَحۡسَبُوهُ شَرّٗا
لَّكُمۖ بَلۡ هُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۚ لِكُلِّ ٱمۡرِيٕٖ مِّنۡهُم مَّا ٱكۡتَسَبَ
مِنَ ٱلۡإِثۡمِۚ وَٱلَّذِي تَوَلَّىٰ كِبۡرَهُۥ مِنۡهُمۡ لَهُۥ عَذَابٌ عَظِيمٞ ﴿١١﴾
لَّوۡلَآ إِذۡ سَمِعۡتُمُوهُ ظَنَّ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتُ بِأَنفُسِهِمۡ
خَيۡرٗا وَقَالُواْ هَٰذَآ إِفۡكٞ مُّبِينٞ ﴿١٢﴾
لَّوۡلَا جَآءُو عَلَيۡهِ بِأَرۡبَعَةِ شُهَدَآءَۚ فَإِذۡ لَمۡ يَأۡتُواْ بِٱلشُّهَدَآءِ
فَأُوْلَٰٓئِكَ عِندَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلۡكَٰذِبُونَ ﴿١٣﴾
وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِ
لَمَسَّكُمۡ فِي مَآ أَفَضۡتُمۡ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٤﴾
إِذۡ تَلَقَّوۡنَهُۥ بِأَلۡسِنَتِكُمۡ وَتَقُولُونَ بِأَفۡوَاهِكُم مَّا لَيۡسَ لَكُم
بِهِۦ عِلۡمٞ وَتَحۡسَبُونَهُۥ هَيِّنٗا وَهُوَ عِندَ ٱللَّهِ عَظِيمٞ ﴿١٥﴾
وَلَوۡلَآ إِذۡ سَمِعۡتُمُوهُ قُلۡتُم مَّا يَكُونُ لَنَآ أَن نَّتَكَلَّمَ بِهَٰذَا
سُبۡحَٰنَكَ هَٰذَا بُهۡتَٰنٌ عَظِيمٞ ﴿١٦﴾
يَعِظُكُمُ ٱللَّهُ أَن تَعُودُواْ لِمِثۡلِهِۦٓ أَبَدًا إِن كُنتُم
مُّؤۡمِنِينَ ﴿١٧﴾
وَيُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلۡأٓيَٰتِۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٨﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشِيعَ ٱلۡفَٰحِشَةُ فِي ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ
لَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِۚ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ
لَا تَعۡلَمُونَ ﴿١٩﴾
وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ
رَءُوفٞ رَّحِيمٞ ﴿٢٠﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّبِعُواْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِۚ وَمَن
يَتَّبِعۡ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأۡمُرُ بِٱلۡفَحۡشَآءِ
وَٱلۡمُنكَرِۚ وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ
مِنكُم مِّنۡ أَحَدٍ أَبَدٗا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ
سَمِيعٌ عَلِيمٞ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membawa fitnah yang bohong itu adalah sekumpulan dari golongan kamu sendiri. Janganlah kamu mengirakan fitnah yang bohong itu sebagai satu keburukan kepada kamu, malah ia adalah suatu kebaikan kepada kamu. Setiap orang dari mereka akan mendapat balasan dari dosa yang telah dilakukannya. Dan orang yang mengendalikan peranannya yang terbesar dari mereka akan mendapat balasan 'azab yang amat besar (11). Mengapakah tidak - ketika kamu mendengar fitnah yang bohong itu orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan menaruh sangkaan yang baik terhadap golongan mereka sendiri dan berkata: Ini adalah fitnah bohong yang amat nyata (12). Mengapakah mereka (yang menuduh itu) tidak membawa empat orang saksi mengesahkan berita itu? Oleh kerana mereka tidak menghadirkan saksi-saksi itu, maka di sisi Allah mereka adalah pendusta-pendusta belaka (13). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu di dunia dan Akhirat tentulah perbuatan kamu mengheboh-hebohkan fitnah bohong itu akan menyebabkan kamu ditimpa 'azab yang amat besar (14). Ketika kamu menerima berita bohong itu dari lidah ke lidah dan kamu katakan dengan mulut kamu perkara yang kamu tidak mengetahuinya sedikit pun dan kamu mengirakannya sebagai suatu perkara yang kecil sahaja, sedangkan perkara itu amat besar di sisi Allah (15). Dan mengapakah kamu tidak terus berkata ketika kamu mendengar berita bohong itu: Tidak seharusnya kepada kita membicarakan perkara ini, Maha Sucilah Engkau (wahai Tuhan kami) ini adalah satu pembohongan yang amat besar (16). Allah menasihati kamu supaya jangan mengulangi perbuatan seperti itu buat selama-lamanya, jika kamu benar orang-orang yang beriman (17). Dan Allah menerangkan pengajaran-pengajaran kepada kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (18). Sesungguhnya orang-orang yang ingin supaya tersebarnya kejahatan seks yang keji itu di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih di dunia dan Akhirat. Dan Allah Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui (19). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu (tentulah kamu akan ditimpa malapetaka). Dan sesungguhnya Allah Maha Penyantun Dan Maha Pengasih (20). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan, dan barang siapa yang

mengikut langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar. Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya tiada seorang pun dari kamu yang bersih dari (kekotoran dosa) buat selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(21)

Apabila Allah Ta'ala menurunkan ayat ini membersihkanku, maka berkatalah Abu Bakr as-Siddiq r.a. yang selama ini memberi bantuan kepada Mistah ibn Uthathah kerana hubungan kerabat dengannya dan kerana kemiskinannya: "Demi Allah, aku tidak mahu memberi apa-apa bantuan lagi buat selama-lamanya kepada Mistah setelah dia mengata-ngatakan terhadap 'Aisyah r.a. Lalu Allah menurunkan ayat:

وَلَا يَأْتَلِ أُولُوا الْفَضْلِ مِنكُمْ وَالسَّعَةِ أَن يُؤْتُوا أُولِي الْقُرْبَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ۖ وَلْيَعْفُوا وَلْيَصْفَحُوا ۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢﴾

"Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan (kewangan) itu bersumpah bahawa mereka tidak akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah kerana agama Allah, dan hendaklah mereka (bersikap) mengampun dan memaaf. Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu, sedangkan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(22)

Maka berkatalah Abu Bakr r.a.: "Sebenarnya demi Allah, aku amat suka Allah mengurniakan keampunan kepadaku". Lalu diapun memberi semula bantuan yang diberikan selama ini kepada Mistah sambil berkata: "Demi Allah, aku tidak akan mencabutkan bantuan itu darinya buat selama-lamanya". Kata 'Aisyah r.a.: Rasulullah s.a.w. pernah bertanya Zainab binti Jahsy mengenai diriku, tanya beliau: "Wahai Zainab! Apakah yang engkau tahu dan lihat (tentang 'Aisyah?)". Jawab Zainab: "Hamba amat menjaga telinga hamba dan mata hamba, demi Allah hamba tidak mengetahui tentang 'Aisyah melainkan semuanya baik". Zainab inilah satu-satunya isteri dari para isteri Rasulullah yang menandingi aku, tetapi dia telah dipeliharai Allah kerana sifatnya yang warak. Kata 'Aisyah: "Saudara perempuan Zainab iaitu Hamnah telah memusuhiku kerana itu Hamnah telah binasa (telah dikenakan hukum hudud) bersama-sama orang-orang yang terlibat membuat fitnah yang dusta terhadapku".[13]

Demikianlah Rasulullah s.a.w. dan ahli rumahnya, juga Abu Bakr r.a. dan ahli rumahnya, juga Safwan ibn al-Mu'attal dan seluruh kaum Muslimin hidup selama sebulan dalam suasana yang lemas dan di bawah tekanan sedih dan derita seperti ini dengan sebab cerita fitnah, yang kerananya diturunkan ayat-ayat tersebut.

Tentulah seseorang (akan dapati dirinya) berdiri terumbang-ambing di hadapan gambaran cerita fitnah yang dahsyat yang berlaku dalam masa hidup Rasulullah s.a.w. yang amat menyedihkan, juga berdiri terumbang-ambing di hadapan kesedihan dan kedukacitaan yang amat mendalam yang dialami oleh isterinya yang dikasihi 'Aisyah r.a., seorang isteri yang terlalu muda usianya, iaitu dalam lingkungan enam belas tahun, satu usia yang penuh dengan perasaan-perasaan yang amat peka, tajam dan halus.

Kini 'Aisyah r.a. yang begitu jujur dan suci hati dan fikiran itu telah dituduh dan diragui tentang sesuatu yang paling dibanggakan olehnya, iaitu kehormatan dirinya, sedangkan dia puteri Abu Bakr as-Siddiq yang dibesarkan di dalam rumah-tangga yang suci dan luhur. Dia dituduh tentang kejujurannya, sedangkan dia isteri Muhammad bin Abdullah dari keluarga Bani Hasyim yang tinggi. Dia dituduh tentang kesetiaannya, sedangkan dia isteri yang paling dikasihi dan dimanjakan oleh Rasulullah yang besar itu. Dia dituduh tentang keimanannya, sedangkan dia puteri Islam yang terdidik di pangkuan Islam sejak hari pertama kedua matanya melihat hidup dunia ini dan di samping itu dia adalah isteri Rasulullah s.a.w. pula.

Kini dia dituduh, sedangkan dia seorang yang amat bersih, yang terlalai menjaga diri, tidak berhati-hati dan tidak menduga sesuatu yang mungkin berlaku. Oleh sebab itu dia tidak dapat membuktikan kebersihannya selain dari meletakkan harapannya pada Allah S.W.T. dan selain dari menunggu-nunggu semoga Rasulullah s.a.w. mendapat mimpi dari Allah yang membersihkan dirinya dari tuduhan itu, tetapi malangnya wahyu terputus selama sebulan kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah dan selama itulah dia hidup dalam keseksaan jiwa yang amat teruk.

Alangkah terperanjatnya apabila dia mengetahui cerita fitnah itu dari Ummu Mistah, sedangkan di waktu itu dia masih sakit. Akibat berita itu dia terus kembali demam dan berkata kepada ibunya dengan penuh sedih: "Subhanallah! Apakah orang ramai tergamak memperkatakan perkara ini?" Dan dalam satu riwayat yang lain dia bertanya: "Apakah ayah juga telah mengetahui perkara ini?" Jawab ibunya: "Ya". Kemudian dia bertanya lagi: "Apakah

---

[13] Kata Ibn Syibab: Inilah penghabisan cerita yang sampai kepada kami tentang kumpulan yang mengheboh-hebohkan fitnah itu. Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam sahih keduanya dari hadith az-Zuhri dan demikian juga hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Ishaq dari az-Zuhri dengan sedikit perbezaan.

Rasulullah s.a.w. juga telah mengetahuinya?" Jawab ibunya: "Ya".

Alangkah terperanjatnya 'Aisyah apabila Rasulullah s.a.w. nabinya yang diimaninya dan suaminya yang amat disayanginya itu bersabda kepadanya: "Amma ba'du! Telah sampai kepadaku cerita mengenai dirimu begini, begini. Jika engkau tidak bersalah, maka Allah akan membersihkan dirimu dan jika engkau telah melakukan sesuatu kesalahan, maka pohonlah keampunan kepada Allah Ta'ala dan bertaubatlah kepada-Nya, kerana apabila seseorang hamba itu telah mengakui kesalahannya dan bertaubat, maka Allah Ta'ala menerima taubatnya", kerana dia sedar bahawa kata-kata itu menunjukkan bahawa beliau juga masih meraguinya, masih belum yakin terhadap kesuciannya, masih belum memutuskan tentang tuduhan orang terhadap dirinya, juga menunjukkan bahawa Allah belum lagi memaklumkan apa yang sebenar kepada beliau dan belum lagi mendedahkan

kepada beliau tentang kesucian dirinya, sedangkan dia sendiri tidak berupaya untuk membuktikannya. Kini dia masih menjadi seorang yang tertuduh di dalam hati Rasul yang besar itu, yang amat mengasihi dan menyintainya.

Kini Abu Bakr as-Siddiq seorang tokoh terhormat, peka dan jujur sedang digigit kesedihan kerana kehormatannya iaitu puterinya telah dituduh orang, sedangkan puterinya ialah isteri Muhammad sahabatnya yang amat disayangi dan nabinya yang diimani dengan sepenuh hatinya, yang sentiasa berhubung dengan Allah dan tidak pernah menuntut apa-apa bukti dari luar hatinya. Kesedihan itu melimpah kepada lidahnya, sedangkan dia selama ini seorang yang sabar, yang sentiasa mengharapkan pahala dari Allah dan tabah menghadapi penderitaan hingga terkeluar kata-kata: "Demi Allah! Kami tidak pernah dituduh begini di zaman jahiliyah, oleh itu apakah kami redha menerima tuduhan ini di zaman Islam?" Inilah perkataan yang mengandungi perasaan beliau yang begitu pahit sehingga apabila puterinya yang sedang sakit dan menderita itu berkata kepadanya: "Tolonglah ayah jawab perkataan Rasulullah s.a.w. itu bagi pihak diriku", beliau menjawab dengan berat; Demi Allah, aku tidak tahu apa yang harus aku katakan kepada Rasulullah s.a.w."

Ini pula Ummu Ruman isteri Abu Bakr as-Siddiq r.a. menahan sabar di hadapan puterinya yang sedang bersedih dan sedang sakit dan sentiasa menangis hingga terasa olehnya bahawa tangisan itu sedang memecahkan jantung hatinya. Dia berkata kepada anaknya: "Tenangkan dirimu menghadapi perkara ini. Jarang sekali seorang perempuan yang cantik yang berada di sisi seorang suami yang menyayanginya dan ada pula madu-madunya melainkan sudah tentu mereka banyak membuat kata-kata yang tidak baik terhadapnya. Tetapi kesabaran Ummu Ruman ini menjadi goyah apabila 'Aisyah berkata kepadanya: "Tolonglah ibu jawab perkataan Rasulullah s.a.w. itu bagi pihak diriku". Lalu dia menjawab sama dengan jawapan yang diucapkan oleh suaminya sebelum ini. "Demi Allah! Aku tidak tahu apa yang harus aku katakan kepada Rasulullah s.a.w.".

Ini pula Safwan ibn al-Mu'attal seorang Muslim yang jujur, bersih dan pejuang fi Sabilillah telah dituduh mengkhianati isteri Nabinya. Tuduhan itu bererti menuduh keislamannya, kejujurannya, kehormatannya dan maruah kaumnya, malah menuduh segala sifat yang baik yang dibanggakan oleh setiap sahabat Rasulullah s.a.w., sedangkan dia bersih dari tuduhan itu. Dia telah dikejutkan dengan suatu tuduhan yang zalim, sedangkan hatinya bersih dan tidak pernah terlintas memikirkannya hingga dia berkata: "Subhanallah! Demi Allah aku tidak pernah membuka bahu seorang perempuan pun". Dia tahu bahawa Hassan ibn Thabitlah yang menghebohkan fitnah ini, oleh itu dia tidak dapat menahan dirinya dari menetak kepala Hassan dengan satu tetakan yang hampir-hampir membunuhnya. Sebab yang mendorong dia mengangkat pedang ke atas seorang Muslim, sedangkan perbuatan itu memang dilarang Islam, ialah penderitaan batinnya yang telah melebihi batas yang dapat ditanggung oleh tenaga kesabarannya hingga menyebabkan dia tidak lagi dapat mengawal tali kekang hatinya yang luka itu.

Ini pula Rasulullah s.a.w, seorang Rasul dari keturunan yang tinggi Bani Hasyim telah dituduh tentang kehormatan rumahtangganya. Siapakah yang dituduh itu? Itulah 'Aisyah yang terletak di dalam hati beliau selaku anak, selaku isteri dan selaku kekasih. Kini kebersihan dan kejujuran isterinya telah dituduh orang, sedangkan beliau seorang Rasul yang bersih dan kebersihan itu melimpah-limpah dari dirinya. Kini kemampuan beliau menjaga kehormatan rumahtangganya telah dituduh, sedangkan beliau mampu menjaga segala kehormatan rumahtangga yang lain di kalangan umatnya. Kini pemeliharaan Allah terhadap dirinya juga telah dituduh, sedangkan beliau sentiasa dipelihara Allah dari segala kejahatan.

Inilah Rasulullah s.a.w. Beliau dituduh pada 'Aisyah r.a. dan tuduhan itu bererti menuduh beliau pada segala apa yang ada padanya, iaitu menuduh isterinya, menuduh kehormatan dan maruahnya, menuduh hati dan kerasulannya, malah bererti menuduh segala sesuatu yang dibangga dan dipandang tinggi oleh setiap orang Arab dan segala sesuatu yang dibangga dan dipandang tinggi oleh seorang Nabi. Demikianlah beliau dituduh pada segala-galanya dan tuduhan itu diperbualkan orang ramai selama sebulan di kota Madinah. Beliau tidak mampu menahan fitnah itu. Kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah, maka fitnah itu telah dibiarkannya selama sebulan cukup tanpa diturunkan sebarang wahyu (yang dapat menjelaskan keadaan yang sebenar), dan sebagai seorang manusia, beliau juga mengalami penderitaan-penderitaan yang dialami manusia biasa yang menghadapi suasana yang seperti itu, iaitu beliau mengalami malu, mengalami kesedihan hati dan lebih-lebih lagi

mengalami kesepian yang tidak melelapkan matanya iaitu kesepian dari nur wahyu Allah yang biasanya menunjukkan jalan keluar kepadanya. Keraguan berdenyut juga di dalam hatinya walaupun terdapat banyak bukti yang menunjukkan kebersihan dan kejujuran isterinya, namun beliau tidak dapat berpegang dengan bukti-bukti itu secara pasti dan muktamad, sedangkan fitnah yang didusta itu sedang merebak di kota Madinah. Hati insan beliau yang sangat menyayangi isterinya yang masih terlalu muda itu kini telah diseksakan oleh keraguan, sedangkan beliau tidak mampu menolak keraguan itu kerana beliau juga adalah seorang manusia (yang sama dengan manusia yang lain) yang terkocak perasaan dan emosinya dalam suasana yang seperti ini, kerana beliau juga seorang suami yang tidak sanggup disentuh kehormatan isterinya dan seorang lelaki yang apabila benih keraguan itu jatuh ke dalam hatinya ia akan mengembang besar dan sukar dicabut tanpa suatu bukti yang muktamad.

Kini bebanan perasaan yang berat itu sedang menyeksakan Rasulullah s.a.w. lalu beliau pun memanggil Usamah ibn Zayd seorang yang sangat hampir kepada hati beliau, juga memanggil Ali ibn Abu Talib sepupunya dan pembantunya untuk bermesyuarat dengan mereka mengenai perkara isterinya 'Aisyah (yang tertuduh itu). Sayiduna Ali ialah keluarga yang hampir dengan beliau dari sebelah bapa. Dia adalah seorang yang amat terasa dengan peristiwa fitnah itu kerana hubungan kekeluargaan ini. Begitu juga beliau amat terasa dengan kesedihan dan kerungsingan yang sedang meramas hati Muhammad sepupunya dan pemeliharanya itu. Dia menyarankan kepada beliau bahawa Allah tidak meletakkan beliau dalam keadaan yang sempit (dalam persoalan perkahwinan dan perceraian), dan di samping itu dia menyarankan pula supaya beliau meminta keterangan yang benar dari Jariyah yang menjaga 'Aisyah itu sendiri supaya hati Rasulullah s.a.w. yakin dan dapat membuat keputusan yang tetap. Usamah pula cukup faham betapa kasihnya hati Rasulullah s.a.w. terhadap isterinya 'Aisyah dan betapa sulitnya kepada beliau untuk memikirkan soal perceraian dengan isterinya, oleh itu dia menerangkan kepada Rasulullah s.a.w. apa yang diketahuinya tentang kebersihan dan kejujuran 'Aisyah Ummul-Mu'minin dan kedustaan orang-orang yang menyebarkan fitnah yang jahat itu.

Rasulullah s.a.w. yang terharu dan gelisah sama seperti manusia yang lain itu telah mengambil saranan Usamah dan kesaksian perempuan pelayan 'Aisyah itu sebagai bekalan kekuatan untuk menghadapi orang ramai yang sedang berhimpun di dalam Masjid itu. Di sana beliau meminta pertolongan mereka untuk menghadapi orang-orang yang telah mencabul maruahnya dan menuduh isterinya dan menuduh seorang lelaki Islam yang terhormat (Safwan) yang tiada seorang pun selama ini mengetahui bahawa dia pernah membuat perkara yang tidak baik. Satu pertikaman kata-kata telah berlaku di antara orang-orang Aus dengan orang-orang Khazraj, sedangkan mereka berada di Masjid Rasulullah s.a.w. dan berada di hadapan Rasulullah s.a.w. Semuanya ini menunjukkan betapa tegangnya suasana yang menaungi masyarakat Islam di masa yang aneh ini, di mana kesucian dan kehormatan kepimpinan telah dicemar dan digoreskan. Peristiwa ini amat merungsingkan hati Rasulullah s.a.w., sedangkan nur wahyu yang biasa menolongnya belum lagi menunjukkan jalan keluar kepadanya. Lalu beliau pun pergi menemui 'Aisyah sendiri menerangkan secara terbuka segala kata-kata orang terhadap dirinya dan meminta dia memberi jawapan yang jelas yang menyembuhkan hati yang luka dan menenangkan jiwa yang gelisah.

Apabila kesedihan dan duka nestapa itu sampai ke puncak ini, Allah melimpahkan kasihan belasnya kepada hamba kesayangannya dengan menurunkan ayat-ayat Al-Qur'an yang membersihkan 'Aisyah yang benar dan suci itu serta membersihkan rumahtangga Nabi yang jujur dan luhur di samping mendedahkan tembelang kaum Munafiq yang telah merekakan fitnah yang dusta itu serta menunjukkan jalan yang betul kepada masyarakat Islam dalam menghadapi peristiwa fitnah yang besar ini.

'Aisyah telah mengulas ayat-ayat Al-Qur'an yang turun itu dengan katanya: "Demi Allah, di waktu itu aku tetap yakin bahawa aku tidak bersalah dan Allah akan membersihkan diriku dari fitnah itu, tetapi demi Allah, aku tidak sangka bahawa Allah S.W.T. akan menurunkan wahyu yang dibaca manusia mengenai diriku, kerana aku sedar bahawa diriku terlalu kecil dan hina untuk diperkatakan Allah dalam wahyunya yang dibaca manusia. Apa yang ku harap ialah semoga Rasulullah s.a.w. mendapat mimpi dari Allah yang membersihkan diriku dari tuduhan itu."

Fitnah Itu Bertujuan Mencemarkan Islam

Tetapi sebenarnya perkara ini - sebagaimana dapat dilihat dengan jelas dari cara pembentangan Al-Qur'an - bukanlah sahaja perkara yang bersangkutan dengan peribadi 'Aisyah, malah ia juga melibatkan peribadi Rasulullah s.a.w. dan tugas kepimpinannya dalam masyarakat Muslimin di masa itu, malah ia juga membabitkan hubungan beliau dengan Allah dan dengan agama yang dibawa olehnya. Tegasnya cerita fitnah bohong itu bukanlah, suatu tuduhan yang dilemparkan kepada 'Aisyah seorang sahaja, malah ia sebenarnya dilemparkan kepada agama Islam itu sendiri dengan melemparkan pada tubuh Nabi s.a.w. yang membawa dan membangunkan agama itu. Oleh sebab itulah Allah menurunkan ayat-ayat Al-Qur'an untuk menghuraikan persoalan fitnah dusta yang sengaja diada-adakan itu dengan terperinci dan untuk menolak tipu muslihat yang memang dirancangkan itu. Allah sendiri mengendalikan perjuangan untuk menghadapi serangan yang dituju kepada Islam dan kepada Rasul Islam itu di samping mendedahkan

hikmat yang tinggi di sebalik peristiwa fitnah itu, iaitu hikmat yang tiada siapa mengetahuinya melainkan hanya Allah sahaja:

إِنَّ ٱلَّذِينَ جَآءُو بِٱلۡإِفۡكِ عُصۡبَةٞ مِّنكُمۡۚ لَا تَحۡسَبُوهُ شَرّٗا لَّكُمۖ بَلۡ هُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۚ لِكُلِّ ٱمۡرِيٕٖ مِّنۡهُم مَّا ٱكۡتَسَبَ مِنَ ٱلۡإِثۡمِۚ وَٱلَّذِي تَوَلَّىٰ كِبۡرَهُۥ مِنۡهُمۡ لَهُۥ عَذَابٌ عَظِيمٞ ١١

"Sesungguhnya orang-orang yang membawa fitnah yang bohong itu adalah sekumpulan dari golongan kamu sendiri. Janganlah kamu mengirakan fitnah yang bohong itu sebagai satu keburukan kepada kamu, malah ia adalah suatu kebaikan kepada kamu. Setiap orang dari mereka akan mendapat balasan dari dosa yang telah dilakukannya. Dan orang yang mengendalikan perananya yang terbesar dari mereka akan mendapat balasan 'azab yang amat besar."(11)

Maksudnya, membuat fitnah itu bukannya hanya seorang sahaja dan bukan pula beberapa orang, malah mereka terdiri dari satu kumpulan yang bersatu padu dan mempunyai matlamat yang sama. Orang yang menyebarkan fitnah yang didusta itu bukannya Abdullah ibn Ubay ibn Salul seorang sahaja, tetapi dialah yang mengambil peranan yang terbesar, yang mewakili kaum Yahudi dan kaum Munafiqin yang tidak berupaya memerangi Islam secara terbuka. Mereka telah berselindung di sebalik tabir Islam untuk memusnahkan Islam secara diam-diam. Dan cerita fitnah yang didusta itu merupakan salah satu dari rancangan-rancangan jahat mereka yang berbisa, tetapi orang-orang Islam telah tertipu dengan di'ayah mereka lalu turut memperkatakan cerita fitnah itu seperti Hamnah binti Jahsy, Hassan ibn Thabit dan Mistah ibn Uthathah, sedangkan punca yang merancangkan fitnah itu berada di tangan kumpulan itu yang dipimpin oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul, seorang dalang yang sangat berhati-hati dan pintar. Dia tidak pernah menampakkan dirinya dalam perjuangan itu. Dia tidak menuduh secara terus terang hingga dapat ditangkap dan dikenakan hukuman hudud. Dia hanya menyebarkan fitnah itu secara berbisik-bisik di kalangan orang-orangnya yang dipercayai tidak akan menjadi saksi terhadapnya. Perancangan fitnah itu begitu licin dan jahat sehingga ia dapat menggegarkan kota Madinah selama sebulan cukup, di mana orang ramai mengeluarkan kata-kata yang tidak baik terhadap rumahtangga yang paling bersih dan bertaqwa di kota Madinah.

Ayat tadi mula-mula menerangkan hakikat fitnah itu untuk menunjukkan betapa besarnya peristiwa itu dan betapa dalamnya akar umbinya dan bagaimana ia didalangi di sebaliknya oleh satu kumpulan yang bertujuan memusnahkan Islam dan kaum Muslimin dengan rancangan tipu daya yang halus, mendalam dan hina itu.

Kemudian Al-Qur'an dengan segera menenangkan kaum Muslimin dari akibat rancangan yang jahat itu:

لَا تَحۡسَبُوهُ شَرّٗا لَّكُمۖ بَلۡ هُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۚ

"Janganlah kamu mengirakan fitnah yang bohong itu sebagai satu keburukan kepada kamu, malah ia adalah suatu kebaikan kepada kamu."(11)

Kebaikan Di Sebalik Peristiwa Fitnah Yang Menggegarkan Masyarakat

Yakni peristiwa fitnah itu sebenarnya merupakan suatu kebaikan kerana ia dapat mendedahkan satu kumpulan yang berkomplot merancangkan tipu muslihat yang jahat terhadap Islam dengan mencemarkan peribadi Rasulullah s.a.w. dan ahli rumahnya. Ia mendedahkan kepada masyarakat Muslimin betapa perlunya undang-undang mengharamkan jenayah qazaf dan menghukumkan orang-orang yang melakukan perbuatan itu dengan hukuman hudud yang diwajibkan Allah. Ia juga menjelaskan betapa besarnya bahaya yang akan mengancam masyarakat Muslimin jika orang-orang yang berada di dalam masyarakat itu dibebaskan membuat tuduhan-tuduhan yang melulu terhadap wanita-wanita Muslimin yang muhsan, yang tidak hati-hati menjaga dirinya. Ketika itu mereka akan membuat tuduhan-tuduhan tanpa mengenal batas, malah mereka akan tergamak menuduh tokoh-tokoh yang terhormat dan paling tinggi dalam masyarakat hingga menyebabkan masyarakat Muslimin hilang segala perlindungan dan hilang segala perasaan segan dan malu.

Peristiwa itu telah membawa kebaikan kerana Allah dapat menunjukkan kepada masyarakat Muslimin dengan peristiwa itu satu peraturan yang betul untuk menghadapi jenayah yang besar itu.

Kepedihan penderitaan dan kesusahan yang dialami oleh Rasulullah s.a.w., ahli rumahnya dan seluruh masyarakat Muslimin itu merupakan harga dari ujian Ilahi yang pasti dibayar.

Adapun orang-orang yang terlibat menghebohkan fitnah yang dusta itu, maka setiap orang dari mereka masing-masing menanggung habuan dosanya:

لِكُلِّ ٱمۡرِيٕٖ مِّنۡهُم مَّا ٱكۡتَسَبَ مِنَ ٱلۡإِثۡمِۚ

"Setiap orang dari mereka akan mendapat balas dari dosa yang telah dilakukannya."(11)

Setiap orang dari mereka masing-masing mendapat balasan yang buruk di sisi Allah, kerana jenayah yang dilakukan mereka merupakan jenayah yang paling keji, yang mana mereka dihukum di dunia dan di Akhirat.

"Dan orang yang mengendalikan perananya yang terbesar dari mereka akan mendapat balasan 'azab yang amat besar"(11)

yang sesuai dengan kesalahan dan jenayah mereka yang besar.

Abdullah Ibn Ubay Selaku Dalang Fitnah

Orang yang memegang peranan utama dalam menyebarkan fitnah dan memegang teraju perancangannya dan mengambil bahagian yang terpenting di dalamnya ialah Abdullah ibn Ubay ibn Salul kepala kaum Munafiqin dan pembawa panji-panji tipu muslihat yang keji. Dia telah mengetahui bagaimana hendak memilih dan mengenakan pukulan yang membawa maut andainya dia tidak dikawal oleh Allah dan andainya Allah tidak memelihara agama dan Rasul-Nya serta masyarakat Muslimin seluruhnya. Menurut riwayat apabila Safwan ibn al-Mu'attal lalu dengan unta yang membawa segeduk 'Aisyah Ummul-Mu'minin dan kebetulan Abdullah ibn Ubay ibn Salul pada masa itu berada bersama-sama kaumnya, dia pun terus bertanya: "Siapakah perempuan ini? "Jawab mereka: ... 'Aisyah r.a.". Lalu dia pun berkata: "Demi Allah, dia ('Aisyah) tidak akan selamat dari (Muhammad) dan Muhammad tidak akan selamat dari dia ('Aisyah)", dan berkata lagi: "Isteri Nabi kamu bermalam dengan seorang lelaki hingga ke pagi kemudian dia datang mengheret unta yang membawanya"

Itulah kata-kata fitnah yang bisa yang terus disebarkannya melalui kumpulan Munafiqin dengan cara memutar belit. Fitnah itu begitu berbisa hingga kota Madinah menjadi heboh dengan cerita bohong yang sama sekali tidak benar itu dan cerita fitnah yang didustakan oleh segala dalil dan bukti, dan sehingga orang-orang Islam sendiri turut memperkatakannya tanpa segan-segan dan malu. Dan akhirnya fitnah itu menjadi cerita perbualan mereka selama sebulan genap, sedangkan fitnah itu sewajarnya ditolak dan dicanggah dari awal-awal lagi.

Seorang itu tentulah merasa hairan - hingga hari ini - bagaimana fitnah yang serendah ini boleh merebak di dalam masyarakat Muslimin di waktu itu hingga melahirkan kesan-kesan yang amat besar dalam masyarakat itu dan menimbulkan penderitaan dan kerungsingan yang amat berat kepada (Rasulullah) manusia yang berjiwa paling suci dan besar.

Sebenarnya perjuangan yang diharungi Rasulullah s.a.w. dan ditempuh kumpulan Muslimin di masa itu adalah satu perjuangan yang amat besar, barang kali itulah sebesar-besar perjuangan yang pernah dihadapi Rasulullah s.a.w., tetapi pada akhirnya beliau keluar dari perjuangan itu dengan mendapat kemenangan dan beliau telah berjaya membendungkan perasaan-perasaan sedih beliau yang amat besar itu dan mengawal ketenangan jiwanya, menjaga kebesaran hati dan kesabarannya yang tinggi. Tidak ada sepatah perkataan pun yang dinukilkan dari beliau, yang menunjukkan bahawa beliau hilang sabar dan tidak mampu menanggung peristiwa itu. Kepedihan penderitaan dan kerunsingan yang dialami beliau dalam peristiwa itu merupakan satu kepedihan penderitaan yang paling besar yang pernah berlaku di dalam hidupnya, dan bahaya yang mengancam Islam dari fitnah yang dusta itu merupakan bahaya yang paling besar yang pernah ditempuh sejarah Islam.

Dalam Menghadapi Fitnah Setiap Muslim Disarankan Supaya Bertanya Hati Kecil Sendiri

Jika setiap Muslim pada hari itu meminta panduan dari hati kecilnya sendiri atau merujukkan kepada logik fitrahnya sendiri sudah tentu mereka akan mendapat panduan dan petunjuk yang betul. Al-Qur'anul-Karim mengajak kaum Muslimin menggunakan cara yang baik ini dalam menghadapi persoalan-persoalan yang besar, kerana cara bertanya kepada hati kecil sendiri atau merujuk kepada logik fitrah sendiri merupakan langkah utama sebelum menghukumkan peristiwa-peristiwa itu:

"Mengapa tidak - ketika kamu mendengar fitnah yang bohong itu orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan menaruh sangkaan yang baik terhadap golongan mereka sendiri dan berkata: Ini adalah fitnah bohong yang amat nyata."(12)

Inilah cara yang lebih baik, iaitu orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan hendaklah menaruh sangkaan yang baik terhadap golongan sesama sendiri dan memustahilkan kemungkinan berlakunya perbuatan yang menjatuhkan mereka ke dalam lumpur seperti ini, kerana 'Aisyah isteri. Nabi mereka yang bersih dan saudara mereka Safwan seorang sahabat yang mujahid ini adalah dari golongan mereka sendiri. Menaruh sangkaan yang baik terhadap kedua mereka adalah lebih baik, kerana sesuatu perbuatan yang tidak wajar dilakukan mereka tentulah tidak wajar juga dilakukan isteri Rasulullah s.a.w. dan tidak wajar juga dilakukan oleh Safwan sahabat Rasulullah yang selama ini diketahui berkelakuan begitu baik. Cara inilah yang dilakukan oleh Abu Ayub Khalid ibn Zayd al-Ansari dan isterinya r.a. sebagaimana telah diriwayatkan oleh imam Muhammad ibn Ishaq, iaitu Abu Ayub telah ditanya isterinya Ummu Ayub: -"Wahai Abu Ayub! Tidakkah abang dengar apa kata orang kepada 'Aisyah r.a.?" Jawab Abu Ayub: "Ya, aku dengar, semuanya dusta belaka... Adakah engkau sanggup melakukan perbuatan itu, wahai Ummu Ayub?" Jawab Ummu Ayub: "Demi Allah aku tidak akan tergamak melakukan perbuatan itu". Abu Ayub pun terus berkata: "Jika demikian, demi Allah, 'Aisyah itu lebih baik dari engkau lagi". Sementara Imam Mahmud ibn Umar az -Zamakhsyari pula menakalkan dalam tafsirnya "al-Kasysyaf" bahawa Abu Ayub al-Ansari telah bertanya kepada Ummu Ayub: "Apa pendapat engkau tentang kata-kata orang terhadap 'Aisyah itu?" Jawab Ummu Ayub: "Jika abang di tempat Safwan adakah abang menaruh fikiran yang buruk terhadap isteri Rasulullah s.a.w.?" Jawab Abu Ayub: "Tentu tidak!" Ujar Ummu Ayub: "Jika saya di tempat

'Aisyah r.a. tentulah saya tidak akan menganiayai Rasulullah s.a.w., (yang jelas sekarang) ialah 'Aisyah itu lebih baik dari saya dan Safwan itu lebih baik dari abang (jadi sudah tentu mereka tidak akan tergamak melakukan perbuatan itu)".

Kedua-dua riwayat itu menunjukkan bahawa setengah-setengah kaum Muslimin merujukkan kepada diri sendiri dan bertanya kepada hati kecil mereka sendiri. Oleh sebab itu mereka menolak tuduhan kotor yang dilemparkan kepada 'Aisyah dan kepada Safwan seorang tokoh kaum Muslimin itu, iaitu tuduhan menderhakai Allah, mengkhianati Rasul-Nya dan terjerumus ke dalam lumpur perbuatan yang keji kerana semata-mata kekeliruan yang tidak mampu menghadapi perdebatan.

Inilah langkah pertama di dalam peraturan yang diwajibkan Al-Qur'an untuk menghadapi peristiwa-peristiwa seperti ini, iaitu langkah mencari dalil dari hati nurani sendiri, kemudian barulah disusuli dengan langkah yang kedua iaitu mencari dalil dari luar atau mencari bukti dari alam kenyataan:

لَّوْلَا جَآءُو عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَآءَ ۚ فَإِذْ لَمْ يَأْتُوا۟ بِٱلشُّهَدَآءِ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ عِندَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْكَٰذِبُونَ ﴿١٣﴾

"Mengapakah mereka (yang menuduh itu) tidak membawa empat orang saksi mengesahkan berita itu? Oleh kerana mereka tidak menghadirkan saksi-saksi itu, maka di sisi Allah mereka adalah pendusta-pendusta belaka."(13)

Fitnah dusta yang besar yang melibatkan peribadi yang paling tinggi dan maruah yang paling suci itu tidak seharusnya berlaku dengan begitu mudah, tidak seharusnya merebak sedemikian rupa tanpa usul periksa dan tanpa bukti dan tidak seharusnya dijadikan bahan lontaran lidah dan bahan mamahan mulut tanpa saksi dan bukti:

لَّوْلَا جَآءُو عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَآءَ ۚ

"Mengapakah mereka (yang menuduh itu) tidak membawa empat orang saksi mengesahkan berita itu?"(13)

Tetapi mereka tidak berbuat apa-apa, jadi mereka tetaplah merupakan manusia-manusia pendusta di sisi Allah yang tidak pernah bertukar dan berubah keputusan-Nya. Itulah palitan gelaran yang tepat dan kekal kepada mereka yang tidak dapat dibersihkan lagi darinya dan tidak dapat dihindari dari akibatnya yang buruk.

Kedua-dua langkah ini, iaitu langkah membentangkan fitnah itu kepada hati sendiri dan meminta fatwa dari dhamir sendiri dan langkah mencari kepastian dengan saksi dan dalil telah diabaikan oleh orang-orang Mu'min dalam menghadapi peristiwa fitnah yang dusta itu. Mereka membiarkan penyebar-penyebar fitnah itu mencemarkan maruah Rasulullah s.a.w., sedangkan fitnah itu suatu dosa yang amat besar, dan andainya tidak kerana kasihan belas Allah tentulah seluruh kaum Muslimin ditimpa bala bencana yang besar. Oleh sebab itu Allah memberi amaran kepada mereka supaya jangan, sekali-kali mengulangi perbuatan itu buat selama-lamanya setelah menerima pelajaran yang amat pedih ini:

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ
لَمَسَّكُمْ فِى مَآ أَفَضْتُمْ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٤﴾

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu di dunia dan Akhirat tentulah perbuatan kamu mengheboh-hebohkan fitnah bohong itu akan menyebabkan kamu ditimpa 'azab yang amat besar."(14)

Fitnah Merupakan Pelajaran Yang Amat Pahit Kepada Masyarakat Islam

Allah telah menjadikan peristiwa fitnah itu satu pelajaran yang pahit kepada masyarakat Muslimin dan dia telah menolong mereka dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dan tidak menimpakan ke atas mereka balasan dan 'azabnya, sedangkan perbuatan yang keji itu wajar menerima 'azab yang besar, iaitu 'azab yang sesuai dengan 'azab penderitaan yang mereka timbulkan kepada Rasulullah s.a.w., kepada isterinya ('Aisyah) dan kepada sahabatnya (Safwan) yang selama ini terkenal baik dan jujur, 'azab yang sesuai dengan kejahatan fitnah yang dihebohkan dalam masyarakat Muslimin dan menyentuh segala prinsip yang suci yang menjadi tapak tegak kehidupan mereka, 'azab yang sesuai dengan tipu muslihat yang jahat yang dirancangkan oleh kumpulan Munafiqin terhadap agama Islam untuk mencabutkannya dari akar umbinya apabila mereka berjaya menggoncangkan kepercayaan orang-orang yang beriman terhadap Tuhan mereka, terhadap Nabi mereka dan terhadap diri mereka sendirian selama sebulan genap, iaitu sebulan yang penuh dengan kegelisahan, kekeliruan dan kebingungan tanpa sesuatu keyakinan, tetapi limpah kurnia Allah telah menyelamatkan masyarakat Islam yang masih muda itu dan akhirnya rahmat-Nya telah merangkuli orang-orang Islam yang bersalah setelah menerima satu pelajaran yang amat pedih.

Al-Qur'an melukiskan gambaran zaman kehilangan teraju, kemungkiran pertimbangan, kekacauan nilai dan kehilangan prinsip-prinsip itu (seperti berikut):

إِذْ تَلَقَّوْنَهُۥ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُم مَّا لَيْسَ لَكُم
بِهِۦ عِلْمٌ وَتَحْسَبُونَهُۥ هَيِّنًا وَهُوَ عِندَ ٱللَّهِ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

"Ketika kamu menerima berita bohong itu dari lidah ke lidah dan kamu katakan dengan mulut kamu perkara yang kamu tidak mengetahuinya sedikit pun dan kamu mengirakannya sebagai suatu perkara yang kecil sahaja, sedangkan perkara itu amat besar di sisi Allah."(15)

Itulah gambaran sikap memandang kecil, sewenang-wenang dan kurang rasa segan dan silu malu, dan sikap menghadapi persoalan yang amat

besar dan bahaya itu dengan sambil lewa tanpa memberi perhatian yang berat:

إِذْ تَلَقَّوْنَهُۥ بِأَلْسِنَتِكُمْ

"Ketika kamu menerima berita bohong itu dari lidah ke lidah"(15)

berita fitnah itu dipindah dari satu lidah ke satu lidah tanpa difikirkan dengan teliti dan tanpa diusul periksa dan tanpa tilik pandang yang mendalam seolah-olah berita fitnah itu tidak melalui telinga, tidak difikirkan minda dan tidak diteliti hati.

وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُم مَّا لَيْسَ لَكُم بِهِۦ عِلْمٌ

"Dan kamu katakan dengan mulut kamu perkara yang kamu tidak mengetahuinya sedikit pun"(15)

kamu memperkatakan berita fitnah itu dengan mulut kamu bukannya dengan menggunakan fikiran, akal dan hati nurani kamu. Berita fitnah itu hanya merupakan kata-kata yang diluahkan mulut sebelum diterima akal fikiran.

وَتَحْسَبُونَهُۥ هَيِّنًا

"Dan kamu mengirakannya sebagai suatu perkara yang kecil sahaja"(15)

kamu tergamak menuduh kehormatan Rasulullah dan membiarkan hati beliau dan hati isterinya serta keluarganya diperah penderitaan dan kesengsaraan. Kamu tergamak menodai kesucian rumahtangga Abu Bakr as-Siddiq yang tak pernah dituduh di zaman jahiliyah, kamu tergamak menuduh Safwan seorang sahabat yang mujahid fi Sabilillah dan kamu tergamak menyentuh 'ismah Rasulullah s.a.w. dan hubungannya yang erat dengan Allah, juga menyentuh ri'ayah Allah yang sentiasa memeliharanya kemudian kamu mengirakannya sebagai suatu perkara kecil.

"Sedangkan perkara itu amat besar di sisi Allah"(15)

dan tiada suatu yang menjadi besar di sisi Allah melainkan sesuatu yang amat besar dan mulia yang menggoncangkan gunung-ganang dan menggegarkan bumi dan langit.

Sepatutnya hati kaum muslimin semuanya menggigil sebaik sahaja mendengar berita fitnah itu, dan sepatutnya merasa segan dan malu hendak menyebutnya. Mereka sepatutnya menolak berita fitnah itu untuk dijadikan maudhu' percakapan mereka. Mereka sepatutnya bertawajjuh kepada Allah dan mentanzihkan-Nya dari membiarkan nabi-Nya menjadi mangsa berita fitnah dan dari dituduh dengan tuduhan dusta yang amat jauh dari suasana beliau yang suci dan mulia itu:

"Dan mengapakah kamu tidak terus berkata ketika kamu mendengar berita bohong itu: Tidak seharusnya kepada kita membicarakan perkara ini, Maha Sucilah Engkau (wahai Tuhan kami) ini adalah satu pembohongan yang amat besar."(16)

Apabila teguran ini sampai ke dasar hati nurani dan menggoncangkannya dengan kuat ketika ia memperlihatkan betapa besar dan kejinya perbuatan yang dilakukan mereka, maka ketika itulah Allah memberi amaran supaya mereka jangan lagi mengulangi kesalahan yang amat besar itu:

يَعِظُكُمُ ٱللَّهُ أَن تَعُودُوا۟ لِمِثْلِهِۦٓ أَبَدًا إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧﴾

"Allah menasihati kamu supaya jangan mengulangi perbuatan seperti itu buat selama-lamanya, jika kamu benar orang-orang yang beriman."(17)

"Allah menasihati kamu"(17)

kata-kata ini merupakan satu uslub pendidikan yang berkesan yang digunakan pada masa yang paling tepat untuk menarik keta'atan dan kepatuhan mereka, juga untuk mendorong mereka mengambil pengajaran, di samping itu kata-kata ini juga mengandungi amaran supaya mereka jangan mengulangi perbuatan itu "Allah menasihati kamu supaya kamu jangan mengulangi perbuatan seperti itu buat selama-lamanya", kemudian Al-Qur'an menggantungkan keimanan mereka pada kesediaan mereka mengambil pengajaran dari peristiwa itu (dengan kata-kata):

"Jika kamu benar orang-orang yang beriman"(17)

kerana orang-orang yang beriman tidak mungkin mengulangi perbuatan itu setelah didedahkan keburukannya dan diberi amaran sedemikian rupa.

وَيُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ

"Dan Allah menerangkan pengajaran-pengajaran kepada kamu"(18)

iaitu dari contoh peristiwa fitnah itu dan tipu muslihat yang dirancang di sebaliknya, juga dari kesalahan-kesalahan dan kesilapan-kesilapan yang berlaku dalam peristiwa itu.

وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٨﴾

"Dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana"(18)

Allah mengetahui segala motif dan niat, segala tujuan dan matlamat. Dia mengetahui segala pintu

hati dan segala liku-liku jiwa dan Dia Maha Bijaksana mengubati dan mengendalikan urusan-urusan jiwa dan mengaturkan peraturan-peraturan dan batas-batas yang boleh memberi kebaikan kepadanya.

* * * * * *

Kemudian Al-Qur'an terus mengulas peristiwa fitnah yang didusta itu dan kesan-kesan yang ditinggalkannya di samping mengulangi amaran agar perbuatan itu tidak diulangkan lagi dan memberi peringatan agar mereka mengenangkan limpah kurnia dan rahmat Allah kepada mereka serta mengeluarkan ancaman kepada mereka yang menuduh perempuan-perempuan Mu'minin yang muhsan, yang terlalai bahawa mereka akan di'azabkan dengan 'azab Allah pada hari Akhirat. Selain dari itu ulasan itu juga bertujuan membersihkan jiwa (orang-orang yang teraniaya dalam tuduhan itu) dari kesan-kesan perjuangan (yang pahit) dan membebaskannya dari hubungan-hubungan dan perhitungan-perhitungan dunia serta mengembalikan semula cahayanya yang gemilang seperti yang dapat dilihat dalam sikap yang diambil oleh Abu Bakr r.a. terhadap Mistah ibn Uthathah dari anggota keluarganya yang dekat, yang terlibat dalam memperkatakan berita fitnah yang bohong itu bersama-sama kumpulan penyebarnya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشِيعَ ٱلْفَٰحِشَةُ فِى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang ingin supaya tersebarnya kejahatan seks yang keji itu di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih di dunia dan Akhirat. Dan Allah Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui."(19)

Orang-orang yang menuduh wanita-wanita muhsan terutama mereka yang tergamak menuduh rumahtangga nabi yang mulia adalah bertujuan untuk menggugatkan kepercayaan masyarakat Muslimin yang beriman kepada kebaikan, kesucian dan kebersihan diri, juga bertujuan menghapuskan perasaan malu dan segan mereka dari melakukan perbuatan yang sumbang itu melalui saranan bahawa perbuatan itu kini telah menjadi satu perbuatan yang lumrah di dalam masyarakat. Dengan saranan itu keinginan kepada perbuatan yang sumbang itu akan berkembang dalam jiwa orang ramai dan selepas itu ia akan berkembang pula di dalam alam kenyataan.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an menyifatkan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang muhsan itu sebagai orang-orang yang ingin menyebarkan perbuatan sumbang yang keji di dalam kalangan orang-orang yang beriman dan mengancam mereka dengan balasan 'azab yang amat pedih di dunia dan di Akhirat.

Itulah sebahagian dari cara pendidikan dan itulah satu peraturan dari peraturan-peraturan mencegah kejahatan seks yang diatur berdasarkan pengalaman dengan selok-belok jiwa manusia dan berdasarkan pengetahuan mengenai cara perkembangan perasaan-perasaan manusia dan arah-arah tujuannya. Oleh sebab itulah ia iringi dengan kenyataan:

وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."(19)

Tiada siapa yang mengetahui rahsia jiwa manusia melainkan hanya Allah yang telah menciptakan-Nya. Dan tiada siapa yang dapat mengendalikan manusia ini melainkan hanya Allah yang telah menjadikan-Nya. Dan tiada sesiapa yang mengetahui segala yang zahir dan segala yang batin dan tiada sesuatu pun yang tersembunyi dari ilmu Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya.

Sekali lagi Al-Qur'an mengingatkan orang-orang Mu'min terhadap limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada mereka:

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu (tentulah kamu akan ditimpa malapetaka). Dan sesungguhnya Allah Maha Penyantun Dan Maha Pengasih."(20)

Sesungguhnya peristiwa fitnah itu amat besar dan dosa perbuatan fitnah itu juga amat berat. Bala bencana yang tersembunyi di dalam peristiwa itu mematutkan seluruh masyarakat Muslimin ditimpakan malapetaka belakai tetapi mereka terselamat dari malapetaka itu kerana dilindungi limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya, kasihan belas Ilahi dan ri'ayah-Nya. Oleh sebab itu Al-Qur'an mengingatkan ni'mat ini berkali-kali ketika ia mendidik mereka dengan ujian fitnah yang amat besar itu, yang telah melibatkan seluruh kehidupan kaum Muslimin.

Apabila mereka terkenang kepada malapetaka yang hampir-hampir menimpa seluruh mereka itu andainya tidak diselamatkan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya, akan tergambarlah kepada mereka bahawa perbuatan yang telah dilakukan mereka adalah semata-mata kerana menurut jejak langkah syaitan, sedangkan mereka tidak seharusnya menurut jejak langkah musuh mereka dan musuh moyang mereka (Adam) itu dari zaman antah berantah lagi. Oleh itu Al-Qur'an mengingatkan mereka terhadap kejahatan fitnah yang seperti ini yang dipimpin oleh syaitan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ وَمَن يَتَّبِعْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ

وَٱلْمُنكَرِ ۚ وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ
مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّى مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ
سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan, dan barang siapa yang mengikut langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar. Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya tiada seorang pun dari kamu yang bersih dari (kekotoran dosa) buat selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(21)

Memanglah satu gambaran yang amat buruk apabila syaitan mengorak langkah, maka orang-orang Mu'min pun turut mengikut jejak langkahnya, sedangkan mereka merupakan golongan manusia yang paling wajar menjauhkan diri dari jalan syaitan dan memilih satu jalan yang lain dari jalan syaitan yang terkutuk itu. Gambaran menjadi pak turut syaitan itu merupakan satu gambaran yang amat keji yang dijijik oleh tabi'at orang yang beriman dan ditakuti oleh perasaan dan khayalnya. Lukisan gambaran ini yang kemudian dibentangkan kepada orang-orang yang beriman itu dapat melahirkan di dalam hati mereka rasa waspada, hati-hati dan peka (terhadap tipu daya syaitan):

وَمَن يَتَّبِعْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ
وَٱلْمُنكَرِ ۚ

"Barang siapa yang mengikuti langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar"(21)

dan cerita fitnah dusta itu merupakan salah satu contoh dari perbuatan mungkar yang telah menjerumuskan orang-orang yang beriman yang turut memperkatakannya. Itulah satu contoh yang amat keji dan buruk.

Manusia itu amat lemah. Mereka sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai kecenderungan dan keinginan dan kepada kecemaran-kecemaran akhlak kecuali mereka diselamatkan oleh limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya apabila mereka bertawajjuh kepada Allah dan berjalan mengikut peraturan-Nya.

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ
أَبَدًا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّى مَن يَشَآءُ ۗ

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya tiada seorang pun dari kamu yang bersih dari (kekotoran dosa) buat selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendaki-Nya."(21)

Nur hidayat Allahlah yang memancar di dalam hati lalu membersihkannya, dan andainya tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya tentulah tiada seorang pun yang bersih. Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Oleh itu dia membersihkan siapa yang layak dibersih dan siapa yang diketahui-Nya baik dan mempunyai kesediaan menerima kebaikan:

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢١﴾

"Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(21)

Sesuai dengan penerangan yang menjelaskan persoalan pembersihan diri, Al-Qur'an menyeru kaum Muslimin supaya bersikap memberi ampun dan maaf terhadap satu sama lain di dalam kalangan orang-orang yang beriman sebagaimana mereka mengharapkan keampunan dan kema'afan dari Al-lah apabila mereka melakukan kesalahan-kesalahan dan dosa-dosa.:

وَلَا يَأْتَلِ أُو۟لُوا۟ ٱلْفَضْلِ مِنكُمْ وَٱلسَّعَةِ أَن يُؤْتُوٓا۟ أُو۟لِى
ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَلْيَعْفُوا۟
وَلْيَصْفَحُوٓا۟ ۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢﴾

"Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan (kewangan) itu bersumpah bahawa mereka tidak akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah kerana agama Allah, dan hendaklah mereka (bersikap) mengampun dan mema'af. Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu, sedangkan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang?(22)

Ayat ini turun mengenai Abu Bakr r.a. setelah turunnya ayat-ayat yang membersihkan 'Aisyah as-Siddiqah r.a. dari fitnah itu. Abu Bakr telah mendapat tahu bahawa Mistah ibn Uthathah adalah di antara orang-orang yang terlibat memperkatakan cerita fitnah itu, sedangkan Mistah dari kaum kerabatnya sendiri. Dia seorang miskin dari golongan Muhajirin dan selama ini Abu Bakrlah yang memberi bantuan tetap kepadanya. Oleh sebab perbuatannya itu Abu Bakr telah bersumpah tidak akan memberi apa-apa bantuan lagi kepadanya buat selama-lamanya.

Ayat ini diturun untuk mengingatkan Abu Bakr r.a. dan sekalian kaum Muslimin bahawa mereka pernah melakukan kesalahan-kesalahan kemudian mereka berharap kepada Allah supaya mengampunkan kesalahan mereka. Oleh sebab itu mereka juga harus bersikap maaf-mema'af terhadap satu sama lain sebagaimana mereka mengharapkan kema'afan dari Allah, dan janganlah mereka bersumpah untuk menahan bantuan kepada mereka yang memerlukannya apabila mereka melakukan kesalahan dan kesilapan.

Di sini kita dapat melihat satu taraf jiwa yang tinggi dari jiwa-jiwa manusia yang bersih dan suci dengan nur hidayat Allah, iaitu taraf tinggi jiwa Abu Bakr r.a. yang telah merasa tersinggung dengan peristiwa fitnah hingga ke dasar hatinya dan telah menanggung penderitaan yang pahit kerana menerima tuduhan jahat terhadap rumahtangga dan maruahnya, tetapi sebaik sahaja dia mendengar seruan Allah supaya mengambil sikap memberi kema'afan dan sebaik sahaja hatinya disentuh pertanyaan Allah yang bertanya:

أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَكُمْ ۗ

"Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu?"(22)

maka dia terus menepikan segala penderitaan jiwanya yang pedih itu, menepikan segala perasaan kecil hatinya sebagai manusia dan logik masyarakatnya. Jiwanya menjadi halus dan bercahaya dengan nur hidayat Allah. Dia terus menyahuti seruan Allah itu dengan tenang dan jujur seraya berkata: "Ia, demi Allah, aku amat ingin Allah mengurniakan keampunan kepada aku", lalu diapun menyambung semula bantuan sara hidup yang tetap kepada Mistah yang selama ini diberikan kepadanya. Dan dia bersumpah: "Demi Allah aku tidak akan menarik balik bantuan ini darinya buat selama-lamanya" sebagai ganti sumpahnya yang telah silam: "Demi Allah, aku tidak akan memberi apa-apa bantuan lagi kepadanya buat selama-lamanya".

Demikian cara Allah menyapu penderitaan yang pedih dari hati Abu Bakr yang besar itu dan membersihkannya dari kekotoran peperangan (yang dilancarkan oleh kaum Munafiqin) supaya hati itu selama-lamanya tinggal bersih, suci dan berseri dengan nur hidayat Allah.

* * * * * *

Keampunan yang disebut Allah kepada kaum Mu'min itu hanya untuk mereka yang bertaubat dari dosa menuduh wanita-wanita yang muhsan dan dosa menyebarkan perbuatan yang sumbang itu di kalangan orang-orang yang beriman. Ada pun orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang muhsan dengan niat yang jahat dan merancangkannya dengan degil seperti Abdullah ibn Ubay, maka tiada sebarang keampunan dan kema'afan untuk mereka. Walaupun mereka terlepas dari hukuman hudud di dunia, kerana tidak ada saksi-saksi yang sanggup tampil menjadi saksi, tetapi 'azab Allah tetap menunggu mereka di Akhirat dan pada hari itu para saksi tidak akan diperlukan lagi:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَرْمُونَ ٱلْمُحْصَنَٰتِ ٱلْغَٰفِلَٰتِ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ لُعِنُوا۟ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾ يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾ يَوْمَئِذٍ يُوَفِّيهِمُ ٱللَّهُ دِينَهُمُ ٱلْحَقَّ وَيَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ ٱلْمُبِينُ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membuat tuduhan zina terhadap wanita-wanita muhsan, yang terlalai dan beriman itu akan dilaknatkan di dunia dan Akhirat dan mereka akan mendapat 'azab yang amat besar (23). Pada hari mereka disaksikan oleh lidah, tangan dan kaki mereka sendiri terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka (24). Pada hari itu Allah akan menyempurnakan balasan mereka yang sebenar dan mereka akan mengetahui bahawa Allah itulah yang benar dan jelas kebenaran-Nya."(25)

Ayat ini menggambarkan betapa besar dan kejinya jenayah yang dilakukan oleh mereka iaitu menuduh wanita-wanita muhsan ketika wanita-wanita itu berada dalam keadaan tidak berwaspada dan hati-hati dari kemungkinan dituduh orang, sedangkan mereka mempunyai hati yang baik dan bersih, tenang dan yakin, tidak takut kepada sesiapa kerana mereka tidak pernah melakukan sesuatu kesalahan yang ditakuti mereka. Jenayah menuduh wanita-wanita Mu'min yang muhsan itu adalah satu jenayah yang nampak jelas keburukan dan kekejiannya, oleh sebab itulah orang-orang yang melakukan jenayah ini mendapat hukuman laknat yang segera. Mereka dilaknatkan Allah dan diusir dari rahmat-Nya di dunia dan di Akhirat. Kemudian Al-Qur'an menggambarkan pemandangan bagaimana mereka dihukum pada hari Qiamat:

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾

"Pada hari mereka disaksikan oleh lidah, tangan dan kaki mereka sendiri terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka."(24)

Di sana mereka menuduh satu sama lain dengan tuduhan yang benar kerana merekalah orang-orang yang sebenar menuduh wanita-wanita yang muhsan yang berada dalam keadaan yang tidak berwaspada dengan fitnah yang dusta, sedangkan mereka adalah wanita-wanita yang beriman. Ia merupakan satu pemandangan balasan yang setimpal yang amat berkesan mengikut cara keseimbangan seni dalam penggambaran Al-Qur'an.

يَوْمَئِذٍ يُوَفِّيهِمُ ٱللَّهُ دِينَهُمُ ٱلْحَقَّ

"Pada hari itu Allah akan menyempurnakan balasan mereka yang sebenar"(25)

Allah akan membalaskan mereka dengan balasan yang adil dan menyelesaikan hisab mereka dengan rapi. Pada hari itu barulah mereka mendapat keyakinan terhadap apa yang diragui mereka:

وَيَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ ٱلْمُبِينُ ﴿٢٥﴾

"Dan mereka akan mengetahui bahawa Allah itulah yang benar dan jelas kebenarannya."(25)

Penjelasan mengenai peristiwa fitnah yang dusta itu diakhiri dengan satu kenyataan yang menerangkan keadilan Allah dalam pemilihan kongsi hidup yang ditanam dalam fitrah manusia dan merealisasikannya dalam realiti hidup mereka, di mana wanita yang jahat sesuai dengan lelaki yang jahat dan lelaki yang jahat sesuai dengan wanita yang jahat, wanita yang baik sesuai dengan lelaki yang baik dan lelaki yang baik sesuai dengan perempuan yang baik. Inilah asas hubungan di antara suami dan isteri. Oleh itu (berdasarkan hakikat ini) 'Aisyah mustahil melakukan perbuatan yang keji seperti yang dituduh oleh mereka, kerana dia telah dijodohkan Allah dengan sebaik-baik suami di muka bumi ini:

ٱلْخَبِيثَٰتُ لِلْخَبِيثِينَ وَٱلْخَبِيثُونَ لِلْخَبِيثَٰتِ ۖ
وَٱلطَّيِّبَٰتُ لِلطَّيِّبِينَ وَٱلطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَٰتِ ۚ
أُو۟لَٰٓئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَ ۖ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٢٦﴾

"Wanita-wanita yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat dan lelaki-lelaki yang jahat adalah untuk wanita-wanita yang jahat, dan wanita-wanita yang baik adalah untuk lelaki-lelaki yang baik dan lelaki-lelaki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik. Mereka adalah bersih dari tuduhan-tuduhan yang dikatakan mereka (para penuduh) dan mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang amat murah."(26)

Rasulullah s.a.w. menaruh perasaan kasih yang amat besar terhadap 'Aisyah dan tentulah mustahil bagi Allah menjadikan 'Aisyah itu dikasihi oleh Nabi-Nya yang ma'sum, jika dia bukannya seorang wanita yang suci, yang wajar menerima kasih yang besar itu.

Mereka adalah lelaki-lelaki yang baik dan perempuan-perempuan yang baik belaka:

أُو۟لَٰٓئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَ ۖ

"Mereka adalah bersih dari tuduhan-tuduhan yang dikatakan mereka (para penuduh)"(26)

yakni bersih dengan fitrah dan sifat semulajadi mereka. Tiada sesuatu pun yang dapat diragui dari segala tuduhan yang dilemparkan terhadap mereka.

لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٢٦﴾

"Dan mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang amat murah."(26)

Dengan ini berakhirlah cerita fitnah yang dusta, yang telah mendedahkan masyarakat Muslimin kepada satu ujian yang amat besar, iaitu ujian kepercayaan terhadap kesucian rumahtangga Rasulullah dan terhadap jaminan pemeliharaan Allah yang sentiasa melindungi Nabi-Nya, iaitu Allah tidak akan meletakkan di dalam rumahtangga beliau melainkan hanya unsur yang suci dan mulia sahaja. Allah telah menjadikan ujian ini sebagai satu pertunjukkan untuk mendidik masyarakat Muslimin supaya jiwa mereka menjadi halus dan meningkat ke alam nur di dalam Surah an-Nur.

(Kumpulan ayat-ayat 27 - 34)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَدْخُلُوا۟ بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ
حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوا۟ وَتُسَلِّمُوا۟ عَلَىٰٓ أَهْلِهَا ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٧﴾
فَإِن لَّمْ تَجِدُوا۟ فِيهَآ أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّىٰ يُؤْذَنَ
لَكُمْ ۖ وَإِن قِيلَ لَكُمُ ٱرْجِعُوا۟ فَٱرْجِعُوا۟ ۖ هُوَ أَزْكَىٰ
لَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨﴾
لَّيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَدْخُلُوا۟ بُيُوتًا غَيْرَ مَسْكُونَةٍ
فِيهَا مَتَٰعٌ لَّكُمْ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا
تَكْتُمُونَ ﴿٢٩﴾
قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَٰرِهِمْ وَيَحْفَظُوا۟
فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا
يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾
وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ
وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا
مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ وَلَا
يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ ءَابَآئِهِنَّ
أَوْ ءَابَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَآئِهِنَّ أَوْ أَبْنَآءِ بُعُولَتِهِنَّ
أَوْ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ أَخَوَٰتِهِنَّ
أَوْ نِسَآئِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ أَوِ ٱلتَّٰبِعِينَ
غَيْرِ أُو۟لِى ٱلْإِرْبَةِ مِنَ ٱلرِّجَالِ أَوِ ٱلطِّفْلِ ٱلَّذِينَ

لَمْ يَظْهَرُوا۟ عَلَىٰ عَوْرَٰتِ ٱلنِّسَآءِ ۖ وَلَا يَضْرِبْنَ
بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِن زِينَتِهِنَّ ۚ وَتُوبُوٓا۟ إِلَى
ٱللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾
وَأَنكِحُوا۟ ٱلْأَيَٰمَىٰ مِنكُمْ وَٱلصَّٰلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ
وَإِمَآئِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا۟ فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ
وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾
وَلْيَسْتَعْفِفِ ٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ ٱللَّهُ مِن
فَضْلِهِۦ ۗ وَٱلَّذِينَ يَبْتَغُونَ ٱلْكِتَٰبَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ
فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا ۖ وَءَاتُوهُم مِّن مَّالِ ٱللَّهِ
ٱلَّذِىٓ ءَاتَىٰكُمْ ۚ وَلَا تُكْرِهُوا۟ فَتَيَٰتِكُمْ عَلَى ٱلْبِغَآءِ إِنْ أَرَدْنَ
تَحَصُّنًا لِّتَبْتَغُوا۟ عَرَضَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَمَن يُكْرِههُّنَّ
فَإِنَّ ٱللَّهَ مِنۢ بَعْدِ إِكْرَٰهِهِنَّ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٣﴾
وَلَقَدْ أَنزَلْنَآ إِلَيْكُمْ ءَايَٰتٍ مُّبَيِّنَٰتٍ وَمَثَلًا مِّنَ ٱلَّذِينَ
خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُمْ وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٣٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memasuki rumah-rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu lebih dahulu meminta izin dan memberi salam kepada penghuni-penghuninya. Itulah yang lebih baik bagi kamu supaya kamu mengambil peringatan (27). Dan sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa pun dalam rumah itu, maka janganlah kamu memasukinya sehingga kamu diberi izin dan jika dikatakan kepada kamu: Baliklah! Maka hendaklah kamu balik. Itulah cara yang lebih bersih bagi kamu, dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (28). Tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu memasuki rumah-rumah yang tidak didiami, di mana terdapat barang-barang kepunyaan kamu, dan Allah mengetahui segala apa yang dizahir dan segala apa yang disembunyikan kamu (29). (Wahai Muhammad) katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman supaya mereka menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota-anggota kelamin mereka. Itulah cara yang lebih bersih kepada kamu. Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (30). Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota-anggota kelamin mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan mana-mana bahagian yang ternampak darinya sahaja, dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara lelaki mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara perempuan mereka atau perempuan-perempuan Islam sesama mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka atau pembantu-pembantu rumah dari lelaki-lelaki yang tidak mempunyai keinginan atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang 'aurat-'aurat perempuan, dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka (dengan tujuan) supaya diketahui orang perhiasan yang disembunyikan mereka, dan hendaklah kamu sekalian bertaubat kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu mendapat keberuntungan (31). Dan kahwinkanlah orang-orang yang bujang dari kamu dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan. Sekiranya mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas (limpah kurnia-Nya) dan Maha Mengetahui (32). Dan hendaklah orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin menjaga kesucian diri mereka sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, dan orang-orang yang ingin mengadakan perjanjian mukatabah (untuk memerdeka diri mereka), maka hendaklah kamu laksanakan perjanjian mukatabah itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada kebaikan pada mereka, dan berikanlah kepada mereka (zakat) harta yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, dan janganlah kamu memaksa hamba-hamba perempuan kamu melacurkan dirinya, sedangkan mereka sendiri inginkan kesucian diri, kerana kamu inginkan kesenangan hidup dunia. Dan barang siapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah - sesudah paksaan yang dilakukan ke atas mereka - Maha Pengampun dan Maha Pengasih (33). Dan sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu ayat-ayat yang memberi penerangan yang jelas dan contoh teladan dari umat-umat yang telah berlalu sebelum kamu serta nasihat pengajaran kepada para Muttaqin".(34)

Cara Islam Membina Masyarakat Yang Bersih

Islam - sebagaimana telah kami tegaskan sebelum ini - tidak hanya bergantung kepada hukuman-hukuman keseksaan dalam usaha mewujudkan masyarakat yang bersih, malah sebelum segala sesuatu yang lain ia bergantung kepada usaha-usaha pencegahan. Islam tidak memerangi keinginan-keinginan semulajadi, tetapi ia mengatur keinginan-keinginan itu dan mengadakan untuknya suasana-suasana yang bersih dari unsur-unsur penggoda nafsu dari bikinan manusia yang merangsangkan keinginan itu.

Tujuan utama sistem pendidikan Islam dalam bidang ini ialah menyempitkan peluang-peluang yang menggoda nafsu manusia dan menjauhkan faktor-faktor yang membangkitkan keberahian seks dan menutup segala jalan yang membawa kepada sebab-sebab yang menggalak dan merangsangkan nafsu mereka, di samping menghapuskan segala halangan yang menyekat manusia dari kemudahan memuaskan nafsu keinginan mereka menerusi jalan-jalan yang bersih dan halal.

Dari sinilah Islam menjadikan rumah-rumah kediaman itu mempunyai kehormatan yang tidak boleh disentuh, di mana orang-orang asing tidak boleh memasuki rumah itu secara mendadak

melainkan setelah diminta kebenaran dan diizinkan masuk kerana dibimbangi kemungkinan mata mereka melihat rahsia-rahsia rumahtangga orang dan ternampak 'aurat-'aurat penghuninya tanpa disedari mereka. Di samping itu Islam melarangkan lelaki dan perempuan memandang sesuatu yang haram, juga melarang kaum perempuan dari menunjuk-nunjukkan perhiasan badan mereka untuk membangkitkan nafsu keberahian lelaki.

Dari sinilah juga Islam memudahkan perkahwinan kepada orang-orang yang miskin lelaki dan perempuan kerana perkahwinan itulah jaminan yang haqiqi bagi kepuasan nafsu keinginan. Islam melarang mendedahkan hamba-hamba wanita kepada pelacuran supaya perbuatan zina tidak menjadi begitu mudah dilakukan manusia, kerana kemudahan itu menggalakkan mereka ke arah perzinaan yang keji.

Sekarang marilah kita meneliti secara terperinci jaminan-jaminan yang boleh mencegah perbuatan zina yang dipraktiskan Islam.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَدۡخُلُواْ بُيُوتًا غَيۡرَ بُيُوتِكُمۡ حَتَّىٰ تَسۡتَأۡنِسُواْ وَتُسَلِّمُواْ عَلَىٰٓ أَهۡلِهَاۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ٢٧

فَإِن لَّمۡ تَجِدُواْ فِيهَآ أَحَدٗا فَلَا تَدۡخُلُوهَا حَتَّىٰ يُؤۡذَنَ لَكُمۡۖ وَإِن قِيلَ لَكُمُ ٱرۡجِعُواْ فَٱرۡجِعُواْۖ هُوَ أَزۡكَىٰ لَكُمۡۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ عَلِيمٞ ٢٨

لَّيۡسَ عَلَيۡكُمۡ جُنَاحٌ أَن تَدۡخُلُواْ بُيُوتًا غَيۡرَ مَسۡكُونَةٖ فِيهَا مَتَٰعٞ لَّكُمۡۚ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا تُبۡدُونَ وَمَا تَكۡتُمُونَ ٢٩

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memasuki rumah-rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu lebih dahulu meminta izin dan memberi salam kepada penghuni-penghuninya. Itulah yang lebih baik bagi kamu supaya kamu mengambil peringatan (27). Dan sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa pun dalam rumah itu, maka janganlah kamu memasukinya sehingga kamu diberi izin dan jika dikatakan kepada kamu: Baliklah! Maka hendaklah kamu balik. Itulah cara yang lebih bersih bagi kamu dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (28). Tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu memasuki rumah-rumah yang tidak didiami, di mana terdapat barang-barang kepunyaan kamu dan Allah mengetahui segala apa yang dizahir dan segala apa yang disembunyikan kamu."(29)

Adab Berkunjung Ke Rumah Orang

Allah telah menjadikan rumah-rumah itu sebagai tempat-tempat kediaman, di mana manusia pulang berlindung mencari ketenangan jiwa dan ketenteraman hati, di mana mereka merasa aman terhadap 'aurat-'aurat dan kehormatan mereka dan di mana mereka dapat membuang beban-beban kewajipan berwaspada dan berhati-hati yang memenatkan saraf mereka.

Rumah-rumah kediaman itu tidak akan berfungsi sedemikian melainkan apabila ia menjadi kawasan suci yang aman, yang tidak boleh dimasuki oleh sesiapa pun melainkan dengan pengetahuan dan keizinan penghuni-penghuninya dan melainkan pada masa-masa yang disukai mereka dan melainkan dengan keadaan dan suasana, di mana mereka suka menemui para pengunjungnya.

Perbuatan (orang-orang luar) memasuki rumah-rumah kediaman tanpa meminta keizinan boleh membuat mereka terpandang 'aurat-'aurat penghuninya dan ternampak pemandangan-pemandangan yang boleh merangsangkan nafsu keberahian mereka. Perbuatan itu membuka peluang untuk melepaskan nafsu keberahian yang timbul akibat dari pertemuan-pertemuan seimbas lalu dan pandangan-pandangan selayang pandang, yang berulang-ulang kali dan kemudian berubah kepada pemandangan yang sengaja yang dirangsangkan oleh pertemuan-pertemuan pertama yang tidak sengaja, dan dalam beberapa langkah kemudian ia berubah kepada hubungan-hubungan yang berdosa atau kepada nafsu-nafsu keberahian yang tersekat, yang akan menimbulkan berbagai-bagai kompleks jiwa dan bermacam-macam penyelewengan.

Di zaman jahiliyah mereka memasuki rumah-rumah kediaman orang lain dengan bebas. Seorang pengunjung terus sahaja masuk ke rumah orang dan berkata: "Aku sudah masuk! "Kadang-kadang berlaku tuan rumah sedang berdua-duaan dengan isterinya dalam keadaan yang tidak seharusnya dilihat oleh sesiapa pun. Kadang-kadang berlaku si isteri sedang berbogel atau terdedah 'auratnya. Perbuatan itu boleh menyakiti dan melukakan hati dari menjadikan rumah kediaman itu hilang keamanan dan ketenteramannya di samping mendedah manusia di sana sini kepada nafsu keberahian yang liar apabila mata mereka terpandang pandangan-pandangan yang merangsangkan nafsu mereka.

Memandangkan kepada sebab-sebab inilah Allah mengajar peradaban-peradaban yang tinggi ini kepada orang-orang Islam, iaitu peradaban meminta izin memasuki rumah-rumah kediaman orang dan memberi salam kepada penghuninya untuk menenangkan mereka dan menghapuskan perasaan bimbang dari hati mereka sebelum memasuki rumah mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَدْخُلُوا۟ بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوا۟ وَتُسَلِّمُوا۟ عَلَىٰٓ أَهْلِهَا ۚ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memasuki rumah-rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu lebih dahulu meminta izin dan memberi salam kepada penghuni-penghuninya."(27)

Di sini permintaan izin diungkapkan dengan kata-kata "isti'nas" (الإستئناس yang bererti meminta kemesraan), iaitu satu pengungkapan yang membayangkan kehalusan cara meminta izin dan kehalusan cara memasuki rumah orang, iaitu cara yang boleh menimbulkan perasaan mesra di hati penghuni rumah itu dan kesudian mereka untuk menyambut kedatangannya. Pengungkapan ini merupakan satu cara penarikan perhatian yang halus dan lemah lembut untuk menjaga hati penghuni-penghuni rumah dan menjaga keadaan-keadaan diri mereka di rumah mereka serta lain-lain keperluan yang tidak seharusnya menyebabkan kesulitan kepada mereka atau meletakkan mereka dalam keadaan serba salah di hadapan para pengunjung sama ada di waktu malam atau siang.

Selepas meminta izin di sana akan timbul sama ada rumah itu ada penghuninya atau tidak ada. Dan andainya ada penghuninya, maka dia tidak harus terus menyerbu masuk selepas meminta keizinan itu, kerana dia belum lagi boleh masuk tanpa diberi keizinan:

فَإِن لَّمْ تَجِدُوا۟ فِيهَآ أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّىٰ يُؤْذَنَ لَكُمْ ۖ

"Dan sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa pun dalam rumah itu, maka janganlah kamu memasukinya sehingga kamu diberi izin"(28)

dan andainya di sana ada penghuninya, maka meminta izin sahaja adalah tidak cukup untuk mengharuskannya masuk, kerana permintaan itu hanya suatu permintaan sahaja. Jika tuan rumah tidak memberi keizinan, maka dia tidak boleh masuk dan dia pasti berundur dari situ tanpa teragak-agak dan menunggu apa-apa lagi:

وَإِن قِيلَ لَكُمُ ٱرْجِعُوا۟ فَٱرْجِعُوا۟ ۖ هُوَ أَزْكَىٰ لَكُمْ ۚ

"Dan jika dikatakan kepada kamu: Baliklah! Maka hendaklah kamu balik. Itulah cara yang lebih bersih bagi kamu"(28)

baliklah tanpa merasa apa-apa perasaan tersinggung atau merasa bahawa tuan rumah itu telah melakukan sesuatu yang menyakitkan hati kamu atau merasa bahawa mereka menaruh perasaan benci terhadap kamu, kerana orang ramai itu mempunyai bermacam-macam rahsia dan alasan-alasan keuzuran. Oleh itu kepada mereka sahaja seharusnya ditinggalkan persoalan menentu dan menilaikan keadaan dan suasana yang melingkungi mereka pada setiap waktu.

وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(28)

Dialah sahaja yang mengetahui rahsia-rahsia di dalam hati manusia dan mengetahui segala motif dan pendorongnya.

Adapun rumah-rumah tumpangan awam seperti hotel-hotel, tempat-tempat kediaman umum dan rumah-rumah yang disediakan untuk para tetamu yang terpisah dari rumah kediaman, maka tidak ada apa-apa kesalahan memasukinya tanpa meminta keizinan kerana mengelakkan dari kesulitan selama sebab yang wajar untuk meminta izin itu tidak wujud:

لَّيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَدْخُلُوا۟ بُيُوتًا غَيْرَ مَسْكُونَةٍ فِيهَا مَتَٰعٌ لَّكُمْ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا تَكْتُمُونَ ﴿٢٩﴾

"Tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu memasuki rumah-rumah yang tidak didiami, di mana terdapat barang-barang kepunyaan kamu dan Allah mengetahui segala apa yang dizahir dan segala apa yang disembunyikan kamu."(29)

Perintah ini adalah diletakkan di bawah penglihatan Allah yang melihat dan mengawasi segala apa yang zahir dan segala apa yang tersembunyi dari urusan kamu. Pengawasan ini menjamin keta'atan hati dan kesanggupannya untuk mematuhi peradaban yang tinggi yang telah ditetapkan Allah di dalam kitab suci-Nya yang menggariskan peraturan yang lengkap dan sempurna untuk manusia di dalam segenap bidang hidup mereka.

Pengertian 'Aurat Yang Luas

Al-Qur'an merupakan satu peraturan hidup. Oleh sebab itulah ia memberi perhatiannya yang wajar kepada perkara-perkara yang kecil-kecil seperti ini yang ada hubungan dengan kehidupan kemasyarakatan, kerana Al-Qur'an mengatur seluruh peraturan hidup sama ada yang besar atau yang kecil dengan tujuan untuk menyelaraskan di antara semua bahagiannya dengan gagasan umumnya yang tertinggi. Peradaban meminta keizinan untuk memasuki rumah-rumah kediaman itu mewujudkan kehormatan bagi rumah kediaman agar ia menjadi sebuah tempat kediaman yang benar-benar aman, di mana penghuninya terselamat dari keadaan segan dan serba salah akibat gangguan dimasuk orang luar secara mendadak, juga terselamat dari perasaan tersinggung kerana terbuka berbagai-bagai 'aurat, kerana 'aurat itu memang banyak, bukannya hanya satu 'aurat biasa sahaja yang difaham oleh seseorang apabila mendengar kata-kata 'aurat itu. 'Aurat itu bukannya 'aurat tubuh badan sahaja, malah di sana ada 'aurat-'aurat makanan, 'aurat-'aurat pakaian dan 'aurat-'aurat perabot yang para penghuninya tidak suka dilihat orang-orang secara mendadak tanpa

diatur, dikemas dan disediakan lebih dahulu, juga 'aurat-'aurat perasaan-perasaan dan keadaan-keadaan jiwa, kerana siapakah di antara kita yang suka dilihat orang ketika berada dalam keadaan yang lemah seperti dalam keadaan menangis kerana diharui oleh sesuatu perkara atau dalam keadaan marah kerana sesuatu kejadian yang mendidihkan perasaannya atau dalam keadaan merintih sakit yang mahu disembunyikannya kepada orang-orang asing?

Semua persoalan-persoalan yang halus ini dikawal oleh peraturan Al-Qur'an dengan satu peradaban yang tinggi, iaitu peradaban meminta izin sebelum memasuki rumah kediaman orang dengan tujuan mengurangkan peluang-peluang terpandang atau terlihat atau terserempak dengan (anak-anak gadis atau isteri orang) yang seringkali membangkitkan hawa nafsu dan seringkali mewujudkan perhubungan-perhubungan dan pertemuan-pertemuan yang haram yang dirancangkan oleh syaitan di luar kesedaran dan pengawasan mata para penjaga dan penasihat di sana sini.

Peradaban ini telah dipatuhi oleh orang-orang yang beriman sejak mula diperintahkan Allah dengan menurunkan ayat-ayat ini, dan Rasulullah s.a.w. sendiri telah memulakan peradaban itu.

Abu Daud dan an-Nasa'i telah mengeluarkan sebuah hadith dari Abu Umar al-Auza'i dengan sanadnya daripada Qais ibn Sa'd iaitu anak 'Ubadah katanya: Rasulullah s.a.w. telah berkunjung ke rumah kami lalu beliau memberi salam: "Assalamualaikum warahmatullah". Lalu dijawab oleh Sa'd dengan jawapan yang perlahan. Kata Qais: Aku berkata: "Mengapakah engkau tidak izinkan Rasulullah s.a.w. masuk?" Jawab Sa'd: "Biarkan beliau banyak memberi salam kepada kita". Rasulullah s.a.w. berkata lagi: "Assalamualaikum warahmatullah". Lalu dijawab oleh Sa'd dengan jawapan yang perlahan. Kemudian Rasulullah s.a.w. berkata pula: "Assalamualaikum Warahmatullah". Kemudian Rasulullah s.a.w. terus berpatah balik lalu diikuti oleh Sa'd dengan katanya: "Wahai Rasulullah, hamba memang dengar ucapan salam anda, tetapi hamba jawab dengan jawapan yang perlahan supaya anda banyak mengucap salam kepada kami". Kata Qais: Rasulullah s.a.w. pun beredar masuk bersama Sa'd. Kemudian Sa'd menyuruh orang menyediakan air mandi untuk beliau. Lalu beliau pun mandi. Kemudian Sa'd menghulurkan kepada beliau sehelai kain yang bercelup za'faran atau wars (sejenis tumbuhan yang mengeluarkan warna), lalu beliau berselimut dengannya. Kemudian Rasulullah s.a.w. mengangkat dua belah tangannya sambil berdo'a: "Ya Allah, cucurkanlah limpah rahmat-Mu ke atas keluarga Sa'd ibn 'Ubadah"...... al-hadith sehingga akhir.

Abu Daud juga telah mengeluarkan sebuah, hadith dengan sanadnya daripada Abdullah ibn Bisyr katanya: Biasanya Rasulullah s.a.w. apabila beliau datang ke pintu rumah seseorang, beliau tidak menghadapi pintu itu secara berdepan tetapi beliau menghadapinya dari sudutnya yang kanan atau yang kiri sambil berkata: "Assalamualaikum. Assalamualaikum" kerana pintu-pintu rumah pada masa itu tidak ditabiri.

Abu Daud juga telah meriwayatkan sebuah hadith dengan sanadnya daripada Huzayl katanya: Ada seorang lelaki datang (ke rumah Rasulullah), kata 'Uthman: "Iaitu Sa'd", lalu dia berdiri di atas pintu rumah Nabi s.a.w. meminta izin masuk. Dia terus berdiri di atas pintu. Kata 'Uthman: "Yakni menghadapi pintu", lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya, "Begini minta izin darimu, sebenarnya minta izin itu ialah untuk melihat (ke dalam rumah)".

Tersebut di dalam hadith al-Bukhari dan Muslim daripada Rasulullah s.a.w. sabdanya:

لو أنّ امرأ اطّلع عليك بغير إذن ، فحذفته بحصاة
ففقأت عينه ما كان عليك من جناح

"Jika ada orang mengintai engkau tanpa izin kemudian engkau campakkan sebiji batu ke arahnya lalu membutakan matanya, maka tidak ada apa kesalahan di atas engkau."

Abu Daud telah meriwayatkan sebuah hadith dengan sanadnya dari Rab'i katanya: Ada seorang lelaki datang meminta izin untuk menemui Rasulullah s.a.w. di rumah beliau lalu dia berkata: "Bolehkah hamba masuk?" Nabi s.a.w. pun bersabda kepada khadamnya: "Keluarlah berjumpa orang ini dan ajarkannya bagaimana cara meminta izin. Katakan kepadanya: Katalah: "Assalamualaikum, bolehkah saya masuk?" Lalu didengar oleh lelaki itu, maka dia pun terus berkata: "Assalamualaikum bolehkah hamba masuk?" Lalu Nabi s.a.w. pun memberi izin dia masuk dan dia pun masuk.

Kata Husyaim: Kata Mughirah: Kata Mujahid: Ibn Umar datang dari tempat dia menunaikan hajatnya. Kedua kakinya kesakitan kerana diselar pasir yang panas lalu dia pun datang ke rumah seorang perempuan Quraysy dan berkata: "Assalamualaikum, bolehkah saya masuk?" Jawab perempuan itu: "Masuklah dengan aman sentosa". Tetapi dia ulangi meminta izin dan perempuan itu pun memberi jawapan yang sama. Lalu dia pun berkata sedangkan dua kakinya terloncat-loncat kerana kepanasan: Katakanlah: Masuklah! Perempuan itu pun berkata: Masuklah! Maka barulah dia masuk.

'Ata' ibn Rabah telah meriwayatkan dari Ibnu 'Abbas r.a. katanya: "Adakah hamba kena meminta izin untuk masuk menemui saudara-saudara perempuan hamba yang yatim yang berada di bawah jagaan hamba dalam satu rumah yang sama?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ya". Lalu dia ulangi lagi pertanyaannya dengan tujuan supaya beliau memberi kebenaran kepadanya (masuk tanpa meminta izin), lalu beliau enggan memberi kebenaran dan bertanya: "Adakah engkau suka melihat saudara perempuan engkau dalam keadaan yang bogel?" Jawabku:

"Tidak suka". Lalu beliau pun bersabda: "Kerana itulah engkau kena meminta izin". Katanya pula: Aku ulangi permintaanku sekali lagi. Lalu beliau bertanya: "Adakah engkau suka ta'atkan perintah Allah?" Jawabku: "Ya". Beliau pun bersabda: "Jika begitu! Hendaklah engkau minta izin".

Tersebut di dalam as-Sahih daripada Rasulullah s.a.w. bahawa beliau melarang seseorang mendatangi ahli rumahnya di waktu malam. Dan di dalam satu riwayat yang lain: Mendatangi ahli rumahnya di waktu malam dengan tujuan mencari kesalahan-kesalahan mereka.

Dalam sebuah hadith yang lain Rasulullah s.a.w. sampai di Madinah pada waktu siang hari lalu beliau menurunkan untanya (berhenti) di luar kota Madinah dan bersabda: (Kepada sahabat-sahabat yang ada bersama beliau) "Tunggulah di sini sehingga kita masuk (ke Madinah) di waktu senja nanti supaya si isteri yang ditinggalkan itu dapat menyikat rambutnya yang bergerunsing dan dapat menaruhkan bau-bauan".

Demikianlah halusnya perasaan Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya hingga sampai ke batas ini setelah menerima peradaban yang tinggi dan cemerlang yang diajar Allah kepada mereka.

Kita pada hari ini adalah orang-orang Islam belaka, tetapi kepekaan kita terhadap perkara-perkara yang halus seperti ini telah menjadi kasar. Seorang dari kita memasuki rumah saudaranya secara mendadak sahaja pada bila-bila waktu sama ada malam atau siang dan terus mengetuk pintunya dan tidak berundur dari situ sehingga penghuni rumah itu terkejut dan membuka pintu untuknya. Kadang-kadang rumahnya ada telefon yang dapat dia hubungi saudaranya untuk meminta izin sebelum dia datang ke sana supaya ia mendapat keizinan atau mengetahui sama ada masa itu tidak sesuai untuk kunjungannya, tetapi dia tidak menggunakan cara hubungan telefon kerana lebih suka datang terus secara mendadak tanpa penentuan masa lebih dahulu, di samping itu kebetulan adat pula tidak menerima bahawa kedatangannya boleh ditolak dari rumah itu walaupun penghuni rumah itu tidak sukakan kedatangannya yang mendadak itu tanpa sebarang pemberian tahu atau tanpa ditunggu itu.

Kita pada hari ini adalah orang-orang Islam belaka, tetapi kita tidak segan datang ke rumah saudara-saudara kita pada bila-bila waktu sahaja di masa makan. Jika mereka tidak menjemput kita makan bersama dengan mereka, kita merasa tersinggung. Kita juga bebas mengetuk pintu rumah mereka di waktu lewat malam, dan andainya mereka tidak mengajak kita bermalam di rumah mereka, kita merasa terkilan di dalam hati kita tanpa kita menimbangkan keuzuran-keuzuran mereka.

Ini disebabkan kerana kita tidak mengikut peradaban Islam dan kita tidak memaksa nafsu kesukaan kita mengikut ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Kita telah menjadi hamba kepada satu adat yang salah, yang tidak disokong oleh ajaran yang diturunkan dari Allah.

Sementara itu kita melihat orang-orang lain yang bukan penganut Islam menjaga adat tingkahlaku mereka yang sama dengan peradaban yang diajar oleh agama kita supaya menjadi peradaban diri kita dan menjadi salah satu adat resam tingkahlaku kita. Kita kadang-kadang kagum melihat peradaban mereka dan kadang-kadang kita menyebut-nyebutnya sebagai satu peradaban yang amat menarik, sedangkan kita tidak cuba melihat peradaban-peradaban agama kita yang sebenar supaya kita dapat mengamalkannya dengan penuh keyakinan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 31)

Setelah selesai menerangkan peradaban meminta izin untuk memasuki rumah-rumah kediaman orang lain iaitu satu peraturan pencegahan untuk membersihkan perasaan manusia dan menghindarkannya dari sebab-sebab sepintas lalu yang boleh menggoda nafsu mereka, maka Al-Qur'an terus menutup jalan godaan nafsu berahi manusia supaya ia tidak terlepas bebas dari tali tambatannya, iaitu godaan nafsu berahi yang dirangsangkan oleh mata yang melihat bahagian tubuh badan yang memberahikan atau dirangsangkan oleh gerakgeri-gerakgeri wanita yang menimbulkan nafsu keinginan:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَٰرِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ ءَابَآئِهِنَّ أَوْ ءَابَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَآئِهِنَّ أَوْ أَبْنَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ أَخَوَٰتِهِنَّ أَوْ نِسَآئِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ أَوِ ٱلتَّٰبِعِينَ غَيْرِ أُو۟لِى ٱلْإِرْبَةِ مِنَ ٱلرِّجَالِ أَوِ ٱلطِّفْلِ ٱلَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَٰتِ ٱلنِّسَآءِ ۖ وَلَا يَضْرِبْنَ

بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِن زِينَتِهِنَّ ۚ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman supaya mereka menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota-anggota kelamin mereka. Itulah cara yang lebih bersih kepada kamu. Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (30). Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota-anggota kelamin mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan mana-mana bahagian yang ternampak darinya sahaja, dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara lelaki mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara perempuan mereka atau perempuan-perempuan Islam sesama mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka atau pembantu-pembantu rumah dari lelaki-lelaki yang tidak mempunyai keinginan atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang 'aurat-'aurat perempuan, dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka (dengan tujuan) supaya diketahui orang perhiasan yang disembunyikan mereka, dan hendaklah kamu sekalian bertaubat kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu mendapat keberuntungan."(31)

Disiplin Menahan Mata Dari Memandang Sesuatu Yang Haram

Islam bertujuan membangun sebuah masyarakat yang bersih, di mana nafsu syahwat dan keinginan daging dan darah tidak dirangsangkan pada setiap masa dan ketika, kerana proses perangsangan nafsu yang berterusan itu akan membawa manusia kepada kegilaan seks yang tidak kunjung padam dan puas. Pemandangan mata yang mengandungi hasrat yang khianat, lenggang-lenggok tubuh yang menimbulkan keberahian, perhiasan dan solekan yang terdedah dan tubuh badan yang bogel semuanya tidak melakukan sesuatu selain dari membangkit dan merangsangkan kegilaan nafsu seks kebinatangan dan selain dari melepaskan tali kekang saraf dan kemahuan liar manusia. (Akibatnya hanya dua) iaitu pemuasan nafsu secara liar tanpa terikat kepada sesuatu peraturan atau pengidapan penyakit-penyakit saraf dan kompleks-kompleks jiwa yang terjadi akibat menahan nafsu selepas ia dirangsangkan. Proses ini merupakan satu proses yang hampir sama dengan penyeksaan jiwa.

Salah satu cara dan usaha Islam ke arah membangunkan masyarakat yang bersih itu ialah menghalangkan faktor-faktor yang merangsang dan membangkitkan nafsu keinginan manusia dan mengekalkan keinginan seks semulajadi yang mendalam di antara lelaki dan perempuan itu berada dalam paras yang selamat, sentosa dan kekal dengan paras kekuatannya yang biasa tanpa dirangsangkan secara bikinan-bikinan serta menyalurkannya kepada tempat pemuasan yang selamat dan bersih.

Pada suatu masa dahulu telah tersebar satu pendapat yang mengatakan bahawa pandangan, percakapan dan percampuran yang bebas di antara lelaki dan perempuan, gurau senda yang meriah di antara muda dan mudi, melihat bahagian-bahagian badan yang sulit dan memberahikan itu boleh merehatkan jiwa manusia dan boleh melepaskan keinginan-keinginan mereka yang terpenjara dan seterusnya dapat memelihara mereka dari akibat penekanan dan pemendaman terhadap nafsu berahi, juga dapat menyelamatkan mereka dari kompleks-kompleks jiwa dan dapat meringankan mereka dari desakan keinginan seks dan tindakan liar yang tidak selamat untuk memuaskan hawa nafsu di sebaliknya.

Teori Freud Yang Merbahaya

Pendapat ini telah tersebar berikutan dengan tersebarnya beberapa teori kebendaan yang diasaskan di atas lunas menghapuskan sifat-sifat yang membezakan di antara manusia dengan binatang dan membawa manusia kembali ke taraf binatang yang bergelimang di dalam lumpur terutama sekali teori Freud.[14] Tetapi pendapat ini hanya merupakan andaian-andaian teori sahaja. Saya telah melihat dengan mata kepala saya sendiri di negeri yang paling bebas yang terlepas dari segala ikatan sosial, akhlak, agama dan kemanusiaan, dan di sana saya mendapat bukti-bukti yang membohong dan meruntuhkan teori ini dari asasnya lagi.

Ya, saya telah menyaksi sendiri di negeri yang tidak mempunyai sebarang pantang larang mendedahkan tubuh badan dan membenarkan percampuran lelaki perempuan yang bebas dalam berbagai-bagai bentuk dan rupa, tetapi semua kebebasan ini tidak membawa kepada menghaluskan keinginan seks dan menjinakkannya, malah ia membawa kepada kegilaan nafsu seks yang tak kunjung puas dan tenang, malah ia terus dahaga dan terburu-buru. Saya telah melihat mereka mengidap berbagai-bagai penyakit dan kompleks jiwa yang selama ini difaham tidak akan berlaku melainkan apabila wujudnya penafian atau pengharaman, dan apabila wujudnya keinginan yang kuat untuk melihat perempuan atau jenis lawan yang terlindung. Saya melihat gejala ini begitu banyak dan melihat bagaimana ia melahirkan berbagai-bagai jenis kelakukan seks yang ganjil. Itulah hasil secara langsung dari percampuran yang bebas lepas yang tidak terikat dengan sebarang ikatan dan tidak mempunyai had berhenti. Itulah hasil secara langsung dari persahabatan-persahabatan muda mudi yang menghalalkan segala-galanya. Itulah hasil secara langsung dari pendedahan tubuh badan wanita di

---

[14] *Sila semak bab "المشكلة الجنسية" dalam buku "الإنسان بين المادية والإسلام" karangan Muhammad Qutb.*

tengah-tengah jalan, dari lenggang-lenggok yang memberahikan, dari pandangan mata yang terus terang dan dari tolehan-tolehan yang menimbulkan nafsu. Di sini bukannya ruang untuk menghuraikan peristiwa-peristiwa dan pemandangan-pemandangan itu secara terperinci.[15] Semua akibat itu menunjukkan dengan jelas betapa perlunya diadakan semakan kembali terhadap teori-teori yang telah didustakan oleh bukti-bukti yang dapat dilihat di alam kenyataan.

Keinginan seks semulajadi di antara lelaki dan perempuan adalah sesuatu keinginan yang amat mendalam dalam pembentukan hidup manusia, kerana Allah telah meletakkan kelanjutan hidup manusia di muka bumi ini di atas keinginan itu untuk membolehkan mereka menjadi khalifah Allah di bumi ini. Keinginan seks itu adalah suatu keinginan yang berterusan yang hanya tenang sebentar kemudian kembali galak. Oleh sebab itu perbuatan merangsangkan keinginan itu pada setiap waktu akan menambahkan lagi kegalakannya dan akan mendorongkannya ke arah tindakan memuaskan nafsu itu untuk mendapat kerehatan. Dan andainya pemuasan nafsu itu tidak dapat dilaksanakan, maka saraf-saraf manusia yang dirangsangkan itu akan menderita kepenatan dan kelesuan. Ini samalah dengan perbuatan mengazab dan menyeksa yang berterusan, di mana segala-galanya membangkitkan nafsu, iaitu pandangan mata, gerak-geri, lenggang-lenggok, ketawa hilai, senda gurau, dan suara-suara manja yang membayangkan hasrat nafsu. Oleh itu jalan yang selamat dan aman ialah mengurangkan faktor-faktor yang menimbulkan nafsu berahi itu dan mengekalkan keinginan itu berada dalam lingkungan batasnya yang tabi'i. Kemudian keinginan itu disambut dan dipuas dengan cara yang tabi'i pula. Inilah cara yang dipilih oleh Islam di samping mengasuh tabi'at manusia dan mengisikan tenaga mereka dengan kesibukan tugas-tugas hidup yang lain dari semata-mata sibuk memuaskan hawa nafsu daging dan darah sahaja supaya pemuasan nafsu itu tidaklah menjadi satu-satunya jalan keluar.

Di dalam dua ayat yang berikut terdapat contoh-contoh usaha untuk mengurangkan peluang-peluang yang boleh merangsangkan nafsu berahi dari kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَٰرِهِمْ وَيَحْفَظُوا۟ فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman supaya mereka menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota-anggota kelamin mereka. Itulah cara yang lebih bersih kepada kamu. Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(30)

Menahan mata dari memandang wanita dari pihak lelaki merupakan satu peradaban diri dan satu usaha untuk mengatasi keinginan melihat bahagian-bahagian yang jelita dari wajah dan tubuh badan wanita. Ia juga merupakan satu usaha menutup jendela pertama dari jendela-jendela nafsu berahi dan satu tindakan mencegah sampainya tikaman anak panah nafsu yang beracun.

Pemeliharaan anggota kelamin (dari zina) itulah hasil yang tabi'i dari amalan menahan mata dari memandang (yang haram) atau ia merupakan satu langkah selanjut bagi mengukuhkan kawalan kemahuan dan mengetatkan kewaspadaan untuk mengatasi keinginan nafsu pada peringkat-peringkatnya yang awal. Oleh sebab itulah Allah mengumpulkan perintah menahan mata dari memandang yang haram dan perintah memelihara anggota kelamin dalam satu ayat sahaja dengan sifat keduanya sebagai sebab dan natijah atau dengan menganggapkan keduanya sebagai dua langkah yang beriringan di alam hati nurani dan di alam kenyataan kerana kedua-duanya mempunyai hubungan yang amat dekat.

ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ

"Itulah cara yang lebih bersih kepada kamu"(30)

ia lebih bersih kepada perasaan-perasaan kamu dan lebih selamat kerana ia tidak tercemar dengan nafsu berahi pada bukan tempatnya yang halal dan bersih, dan kerana ia tidak terjerumus jatuh ke taraf haiwan yang rendah, malah ia lebih mendatangkan kebersihan kepada masyarakat Muslimin dan lebih memelihara kehormatan dan maruahnya, juga memelihara kebersihan suasana hidup, di mana mereka hidup dan bernafas.

Allah menyuruh mereka melaksanakan langkah pencegahan ini kerana Dia Maha Mengetahui struktur jiwa manusia dan kejadian semulajadinya dan Maha Mengerti dengan gerak-geri hati dan harakat tubuh badan mereka:

إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(30)

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ

"Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota kelamin mereka"(31)

janganlah mereka melepaskan pandangan mereka yang lapar dan mencuri atau jelingan mata yang membisik dan membangkitkan nafsu berahi yang terpendam di dalam dada lelaki. Dan janganlah mereka menyerahkan anggota kelamin mereka melainkan dalam pernikahan yang halal, yang menyahut panggilan keinginan seks semulajadi dalam

[15] *Dalam buku (Amerika Yang Saya Lihat) sedang dicetak.*

suasana yang bersih, di mana kanak-kanak yang lahir dari hubungan ini tidak merasa malu untuk menghadapi masyarakat dan kehidupan.

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

"Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan mana-mana bahagian yang ternampak darinya sahaja."(31)

Hukum Memperlihatkan Perhiasan-perhiasan Tubuh Wanita

Perhiasan itu halal bagi perempuan untuk memenuhi keinginan semulajadinya. Setiap perempuan ingin menjadi cantik dan dipandang cantik. Walaupun perhiasan itu berbeza-beza dari satu zaman ke satu zaman, namun asas perhiasan itu adalah sama sahaja dalam fitrah perempuan, iaitu ingin mendapat dan menyempurnakan sifat-sifat kejelitaan dan menunjukkannya kepada kaum lelaki.

Islam tidak menentang keinginan semulajadi ini, tetapi Islam mahu mengatur dan mengawalnya. Islam mahu menjadikan keinginan semulajadi itu menuju ke arah yang terang, iaitu ke arah suaminya yang tunggal selaku kongsi hidupnya, yang dapat memandang bahagian-bahagian badannya, yang tidak boleh dipandang oleh orang-orang yang lain darinya. Dan turut sama boleh memandang beberapa bahagian badannya ialah mahram-mahramnya yang disebut di dalam ayat selepas ini, yang terdiri dari orang-orang yang tidak timbul nafsu berahi mereka dengan pandangan itu.

Adapun perhiasan yang ternampak pada tangan dan muka, maka ia harus didedahkannya kerana mendedahkan muka dan dua tangan diharuskan. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. kepada Asma' binti Abu Bakr: [16]

يا أسماء إن المرأة إذا بلغت المحيض ، لم يصلح أن يرى منها إلا هذا — وأشار إلى وجهه وكفيه

"Wahai Asma'! Sesungguhnya seseorang perempuan itu apabila dia sampai usia datang haid tidak boleh dilihat bahagian badannya melainkan hanya bahagian ini sahaja." - Lalu beliau memberi isyarat kepada muka dan dua tapak tangannya.

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

"Dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka."(31)

Belahan leher baju ialah bahagian dada yang terbuka pada baju. Kain kelubung ialah kain penutup kepala, leher dan dada untuk melindungkan bahagian-bahagian badan mereka yang menimbulkan nafsu berahi agar tidak terdedah kepada pandangan-pandangan mata yang lapar atau kepada pandangan mendadak atau terserempak, iaitu pandangan yang dijaga oleh orang-orang yang bertaqwa supaya tidak dipanjang atau diulangkan pandangan itu. Perempuan kadang-kadang boleh meninggalkan perasaan berahi yang terpendam di dalam hati lelaki apabila mereka terpandang kepada bahagian-bahagian badannya yang menggiurkan sekiranya bahagian-bahagian itu didedahkan olehnya.

Allah tidak mahu mendedahkan hati lelaki kepada ujian dan godaan dalam bala yang seperti ini.

Cara Wanita-wanita Islam Menyambut Perintah Berkelubung

Wanita-wanita Islam yang menerima larangan-larangan ini dengan hati yang diterangi hidayat Allah akan mematuhinya tanpa teragak-agak lagi walaupun mereka ditekan oleh keinginan semulajadi mereka yang mahu menunjukkan perhiasan dan kecantikan mereka. Wanita-wanita di zaman jahiliyah sama dengan wanita-wanita sekarang di zaman jahiliyah moden. Mereka lalu di tengah-tengah kaum lelaki dengan dada yang terdedah tanpa dilindungi seurat benang pun. Kadang-kadang mereka menampakkan leher, rambut dan subang-subang telinga mereka, tetapi apabila Allah memerintah kaum wanita supaya menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung dan melarang supaya jangan memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan bahagian yang ternampak sahaja, mereka terus mematuhinya sebagaimana telah diceritakan oleh 'Aisyah r.a. katanya: "Allah cucurkan rahmat ke atas anggota perempuan-perempuan Muhajirin yang pertama, kerana sebaik sahaja turun ayat:

"Dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka"(31)

mereka terus membelah kain lepas mereka untuk dijadikan kain kelubung lalu mereka berkelubung dengannya".[17] Di riwayatkan dari Safiyah binti Syaibah katanya: "Ketika kami berada bersama 'Aisyah katanya: Mereka telah menyebut tentang perempuan Quraysy dan kelebihan mereka lalu 'Aisyah r.a. berkata: Memang benar perempuan-perempuan Quraysy itu mempunyai kelebihan-kelebihan, tetapi demi Allah, aku tidak pernah lihat perempuan yang lebih besar kelebihannya dari perempuan-perempuan Ansar, mereka amat kuat kepercayaan dan keimanan mereka kepada kitab Allah dan kepada ayat-ayat yang diturunkan Allah. Sebaik sahaja turun di dalam Surah an-Nur:

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

---

[16] Diriwayatkan oleh Abu Daud dalam sunannya dan katanya: Hadith ini mursal.

[17] Dikeluarkan oleh al-Bukhari.

"Dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka"(31)

maka suami-suami mereka pun pulang kepada mereka membaca ayat-ayat yang telah diturunkan itu kepada mereka. Setiap orang membaca ayat itu kepada isterinya, kepada anak perempuannya dan kepada saudara perempuannya, juga kepada kaum kerabatnya, maka setiap perempuan dari mereka terus bangkit mendapatkan kain lepasnya lalu berkelubung dengannya kerana percaya dan beriman kepada ayat-ayat yang diturunkan Allah di dalam kitabnya. Selepas itu mereka kelihatan berada di belakang Rasul dengan berkelubung seolah-olah ada burung-burung gagak di atas kepala mereka".[18]

Islam telah mempertingkatkan adirasa masyarakat Islàm dan membersihkan perasaan dan tanggapan mereka terhadap kejelitaan. Oleh itu kejelitaan terdedah yang bersifat haiwaniyah tidak lagi disukai mereka, malah kejelitaan yang diminati mereka ialah kejelitaan yang bersifat insaniyah yang bersih. Kejelitaan mendedah tubuh badan adalah kejelitaan haiwaniyah yang diminati seseorang dengan perasaan haiwan, biar bagaimana pun rapi dan sempurnanya kejelitaan itu, tetapi kejelitaan dalam bentuk yang sopan santun itulah kejelitaan yang bersih yang mengangkatkan adirasa kejelitaan dan menjadikannya sesuai dengan manusia. Itulah kejelitaan yang dilingkungi kebersihan dan kesucian di dalam tanggapan dan khayalan.

Beginilah juga Islam bertindak pada hari ini dalam barisan wanita-wanita yang beriman walaupun adirasa orang ramai terhadap kejelitaan itu telah menurun jatuh dan walaupun konsep kejelitaan itu telah dikongkongi oleh sifat kebinatangan, di mana mereka cenderung kepada mendedah dan membogelkan tubuh badan dan memuaskan nafsu seperti haiwan. Namun demikian wanita-wanita yang beriman tetap menutup bahagian-bahagian tubuh badan mereka yang menimbulkan nafsu lelaki dengan penuh kepatuhan dalam masyarakat yang mendedah dan menonjolkan hiasan badan yang menggiur, di mana wanita-wanita mengajak dan membisik kepada lelaki sebagaimana yang dilakukan oleh haiwan betina terhadap haiwan jantan.

Mereka Yang Dikecualikan Dari Hukum Haram

Berpakaian yang sopan santun itu merupakan salah satu sarana pencegahan untuk melindungi individu dan masyarakat (dari godaan nafsu), oleh sebab itulah Al-Qur'an mengharuskan wanita meninggalkan pakaian itu ketika aman dari fitnah nafsu, iaitu dengan mengecualikan mahram-mahram yang pada adatnya tidak menaruh nafsu keinginan terhadap mereka. Para mahram itu ialah bapa-bapa, anak-anak, bapa-bapa suami dan anak-anak lelaki mereka, saudara-saudara lelaki dan anak-anak lelaki mereka, juga anak-anak lelaki saudara-saudara perempuan. Begitu juga Al-Qur'an mengecualikan perempuan-perempuan yang beriman.

أَوْ نِسَآئِهِنَّ

"Atau perempuan-perempuan Islam sesama mereka"(31)

tetapi perempuan-perempuan yang bukan Islam tidak dikecualikan kerana mereka mungkin menceritakan kepada suami-suami mereka, saudara-saudara lelaki mereka dan lelaki-lelaki yang seagama dengan mereka kecantikan dan 'aurat-'aurat tubuh badan wanita-wanita Islam jika dilihat mereka. Tersebut di dalam hadith al-Bukhari dari Muslim:

لا تباشر المرأة المرأة تنعتها لزوجها كأنه يراها

"Janganlah perempuan menggauli perempuan yang lain kemudian. menceritakan sifat-sifat perempuan itu kepada suaminya seolah-olah ia melihatnya."

Adapun wanita-wanita Islam mereka dianggap amanah kerana kesedaran keagamaan yang ada pada mereka akan menghalangkan mereka dari menceritakan kepada suami-suami mereka sifat-sifat tubuh badan seseorang wanita Islam yang lain dan perhiasan-perhiasannya. Al-Qur'an juga mengecualikan hamba-hamba.

أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ

"Atau hamba-hamba yang dimiliki mereka"(31)

menurut satu pendapat ialah hamba-hamba perempuan sahaja, dan menurut satu pendapat yang lain pula termasuk hamba-hamba lelaki, kerana hamba lelaki tidak menaruh nafsu berahi terhadap tuanmasnya yang perempuan. Pendapat yang pertama lebih aula, kerana hamba lelaki juga manusia yang mempunyai nafsu berahi manusia walaupun ia mempunyai kedudukan khas dalam sesuatu masa yang tertentu. Al-Qur'an mengecualikan lagi:

أَوِ ٱلتَّٰبِعِينَ غَيْرِ أُوْلِي ٱلْإِرْبَةِ مِنَ ٱلرِّجَالِ

"Atau pembantu-pembantu rumah dari lelaki-lelaki yang tidak mempunyai keinginan."(31)

mereka ialah lelaki-lelaki yang tidak menaruh keinginan terhadap perempuan kerana salah satu sebab dari sebab-sebab seperti mati pucuk, bodoh dan gila dan lain-lain sebab yang menahan lelaki dari mengingini perempuan, kerana fitnah nafsu keinginan tidak wujud di sini. Seterusnya Al-Qur'an mengecualikan:

أَوِ ٱلطِّفْلِ ٱلَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُواْ عَلَىٰ عَوْرَٰتِ ٱلنِّسَآءِ

"Atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang 'aurat-'aurat perempuan"(31)

iaitu kanak-kanak yang tidak menaruh nafsu berahi apabila melihat tubuh badan perempuan, tetapi apabila mereka meningkat kepada usia mumayyiz dan mempunyai nafsu berahi walaupun mereka belum

[18] *Dikeluarkan oleh Abu Daud.*

baligh, maka kanak-kanak kumpulan ini tidak termasuk di bawah pengecualian.

Seluruh mereka - selain para suami - tidak ada apa-apa kesalahan kepada mereka dan kepada perempuan memandang tubuh badan perempuan kecuali bahagian-bahagian anggota di bawah pusat hingga ke bawah lutut kerana tidak wujud fitnah nafsu yang kerananyalah anggota-anggota itu wajib ditutupkan, tetapi bagi para suami ia boleh melihat seluruh badan isterinya tanpa kecuali.

Oleh kerana tujuan mengadakan peraturan ini ialah pencegahan dan kawalan, maka Al-Qur'an melarang perempuan-perempuan yang beriman dari memperlihatkan gerak-geri dan lenggang-lenggok yang menunjukkan adanya perhiasan-perhiasan yang tersembunyi, yang boleh membangkitkan keberahian yang terpendam dan nafsu yang tidur walaupun mereka tidak mendedahkan perhiasan itu:

وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِن زِينَتِهِنَّ ۚ

"Dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka (dengan tujuan) supaya diketahui orang perhiasan yang disembunyikan mereka."(31)

Perintah ini membuktikan satu pengertian yang amat mendalam terhadap tabi'at jiwa manusia, emosi-emosinya, sambutan-sambutan atau reaksi-reaksinya, kerana daya khayalan manusia kadang-kadang lebih kuat merangsangkan nafsu berahi dari pandangan mata kasar. Ramai lelaki yang tergerak nafsu berahi mereka dengan hanya melihat kasut perempuan atau bajunya atau perhiasannya dan nafsu berahi mereka lebih kuat terangsang dengan melihat benda-benda itu dari melihat tubuh perempuan itu sendiri. Begitu juga ramai lelaki yang tergerak hawa nafsu mereka dengan hanya mengenangkan rupa perempuan itu di dalam khayalan mereka dan hawa nafsu mereka lebih kuat terangsang dengan kenangan itu dari melihat tubuh perempuan itu sendiri di hadapan mereka. Kes-kes yang seperti ini memang terkenal di sisi pakar-pakar penyakit jiwa pada hari ini. Mendengar bunyi gemercang barang-barang perhiasan perempuan atau menghidu bau minyak wangi yang dipakai olehnya dari jauh kadang-kadang dapat menimbulkan nafsu berahi ramai lelaki. Ia mengacau saraf-saraf perasaan mereka dan menggoda mereka dengan keinginan seks yang kuat, yang tidak dapat ditolak mereka. Oleh itu Al-Qur'an menutup segala jalan nafsu ini, kerana yang menurunkan Al-Qur'an ini ialah Allah yang mencipta dan mengetahui jiwa makhluk yang diciptakan-Nya dan Dia Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya.

Pada akhirnya Al-Qur'an memulangkan seluruh hati manusia kepada Allah dan membuka pintu taubat untuk mereka dari kesalahan-kesalahan yang dilakukan mereka sebelum turunnya ayat-ayat Al-Qur'an ini:

وَتُوبُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

"Dan hendaklah kamu sekalian bertaubat kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu mendapat keberuntungan."(31)

Dengan seruan ini Al-Qur'an menggerakkan kesedaran mereka terhadap pengawasan Allah, kasihan belas dan ri'ayah-Nya serta pertolongan-Nya terhadap kelemahan mereka dalam menghadapi nafsu keinginan semulajadi yang amat mendalam, yang tidak dapat dikawal mereka melainkan dengan perasaan kesedaran dan taqwa terhadap Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 33)

Setakat ini persoalan seks hanya diatasi dengan langkah-langkah mengubati jiwa dan langkah-langkah pencegahan sahaja, tetapi keinginan seks itu merupakan satu hakikat alam kenyataan yang pasti dihadapi dengan jalan-jalan penyelesaian yang positif, yang berpijak di alam kenyataan. Jalan-jalan penyelesaian yang realistik itu ialah memudahkan perkahwinan, iaitu mengadakan langkah-langkah tolong-menolong untuk memudahkan perkahwinan itu serta menyulitkan segala jalan-jalan yang lain atau menutup semuanya bagi menghalangi mereka memuaskan hawa nafsu (dengan jalan-jalan yang haram itu):

وَأَنكِحُوا۟ ٱلْأَيَٰمَىٰ مِنكُمْ وَٱلصَّٰلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَآئِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا۟ فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

وَلْيَسْتَعْفِفِ ٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ وَٱلَّذِينَ يَبْتَغُونَ ٱلْكِتَٰبَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا ۖ وَءَاتُوهُم مِّن مَّالِ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ ءَاتَىٰكُمْ ۚ وَلَا تُكْرِهُوا۟ فَتَيَٰتِكُمْ عَلَى ٱلْبِغَآءِ إِنْ أَرَدْنَ تَحَصُّنًا لِّتَبْتَغُوا۟ عَرَضَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَمَن يُكْرِههُّنَّ فَإِنَّ ٱللَّهَ مِنۢ بَعْدِ إِكْرَٰهِهِنَّ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٣﴾

"Dan kahwinkanlah orang-orang yang bujang dari kamu dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan. Sekiranya mereka miskin, Allah akan

memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas (limpah kurnia-Nya) dan Maha Mengetahui (32). Dan hendaklah orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin menjaga kesucian diri mereka sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, dan orang-orang yang ingin mengadakan perjanjian mukatabah (untuk memerdeka diri mereka), maka hendaklah kamu laksanakan perjanjian mukatabah itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada kebaikan pada mereka, dan berikanlah kepada mereka (zakat) harta yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, dan janganlah kamu memaksa hamba-hamba perempuan kamu melacurkan dirinya, sedangkan mereka sendiri inginkan kesucian diri, kerana kamu inginkan kesenangan hidup dunia. Dan barang siapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah - sesudah paksaan yang dilakukan ke atas mereka - Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(33)

Kewajipan Masyarakat Mengadakan Kemudahan Perkahwinan

Perkahwinan itulah satu-satunya jalan yang tabi'i untuk menghadapi keinginan seks yang semulajadi. Itulah satu-satunya matlamat yang bersih bagi keinginan-keinginan yang amat mendalam ini. Oleh sebab itu segala halangan di tengah jalan perkahwinan itu pastilah dihapuskan supaya kehidupan dapat berlangsung secara tabi'i dan mudah. Halangan kewangan merupakan halangan utama di tengah jalan untuk mendirikan rumahtangga dan memperkukuhkan pertahanan diri (dari digoda nafsu). Sebagai satu sistem hidup yang lengkap dan sepadu, Islam tidak mewajibkan manusia menjaga kesucian diri melainkan setelah ia menyediakan segala jalan keluar ke arah itu dan menjadikannya mudah digunakan oleh semua individu yang normal. Ketika itu tiada lagi individu yang ingin menggunakan jalan yang sumbang (untuk memuaskan nafsu mereka) melainkan individu-individu yang menyeleweng dari jalan yang bersih dan mudah dengan sengaja tanpa terpaksa.

Oleh sebab itu Allah memerintah masyarakat Muslimin supaya menolong orang-orang yang dihalangi kesulitan kewangan untuk membolehkannya melangsungkan pernikahan yang halal:

وَأَنكِحُوا۟ ٱلْأَيَٰمَىٰ مِنكُمْ وَٱلصَّٰلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ
وَإِمَآئِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا۟ فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ

"Dan kahwinkanlah orang-orang yang bujang dari kamu dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan. Sekiranya mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya."(32)

Maksudnya, "*orang-orang yang bujang*" itu ialah orang-orang yang belum bersuami atau beristeri dari lelaki dan perempuan yang merdeka. Dan selepas itu Al-Qur'an menyebut hamba secara khusus dengan firman-Nya:

وَٱلصَّٰلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَآئِكُمْ ۚ

"Dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan."(32)

Semua orang-orang ini tidak mempunyai kewangan untuk berkahwin sebagaimana dapat difahamkan dari firman-Nya selepas ayat itu:

إِن يَكُونُوا۟ فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ

"Sekiranya mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya."(32)

Itulah perintah kepada masyarakat Muslimin supaya mengahwinkan orang-orang yang bujang itu. Menurut jumhur ulama' perintah itu adalah perintah sunnah (bukannya wajib) alasan mereka ialah di zaman Rasulullah s.a.w. sendiri terdapat orang-orang bujang yang tidak dikahwinkan dan andainya perintah ini suatu perintah yang wajib tentulah beliau mengahwinkan mereka.

Tetapi kami berpendapat perintah itu adalah suatu perintah yang wajib, tetapi bukan dengan erti perintah wajib memaksa orang-orang yang bujang itu supaya berkahwin, malah dengan erti perintah wajib memberi pertolongan kepada orang-orang yang ingin berkahwin dan mahu mengukuhkan pertahanan diri mereka (dari godaan nafsu), kerana perkahwinan itu merupakan salah satu sarana pencegahan (maksiat zina) yang amali dan dapat membersihkan masyarakat Islam dari kejahatan seks. Dan ini adalah satu perkara yang wajib dan (menurut kaedah) sesuatu sarana bagi perkara yang wajib itu adalah hukumnya wajib.

Di samping itu kita harus meletakkan dalam perhitungan kita bahawa Islam - selaku satu sistem hidup yang sepadu - mengubati masalah-masalah ekonomi dengan pengubatan yang asasi. Ia menganggapkan semua individu yang normal itu sebagai orang-orang yang mampu berusaha dan bekerja untuk mendapatkan sara hidup tanpa memerlukan kepada bantuan Baitulmal, tetapi dalam keadaan-keadaan yang luar biasa Islam mewajibkan Baitulmal mengeluarkan bantuan-bantuan yang tertentu. Oleh itu yang menjadi pokok di dalam sistem ekonomi Islam ialah setiap individu harus berdikari dengan pendapatannya. Dan Islam menjadikan urusan mengadakan kemudahan bekerja dan upah yang cukup sebagai kewajipan kerajaan terhadap rakyat. Adapun pemberian bantuan dari kumpulan wang Baitulmal, maka ia merupakan satu langkah pengecualian yang bukan menjadi asas sistem ekonomi di dalam Islam.

Dan andainya selepas itu masih terdapat orang-orang bujang yang miskin lelaki dan perempuan, yang mempunyai pendapatan peribadi yang tidak membolehkan mereka untuk berkahwin, maka wajiblah di atas masyarakat Muslimin mengahwinkan mereka. Begitu juga masalah para hamba lelaki dan perempuan, tetapi mereka adalah menjadi tanggungjawab tuanmas-tuanmas mereka selama mereka mempunyai kemampuan.

Kemiskinan tidak seharusnya menjadi halangan perkahwinan selama mereka layak dan ingin berkahwin sama ada lelaki atau perempuan, kerana rezeki di tangan Allah dan Allah telah memberi jaminan untuk memberi kekayaan kepada mereka jika mereka telah memilih jalan pembersihan diri yang suci:

إِن يَكُونُوا۟ فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ

"Sekiranya mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya"(32)

dan sabda Rasulullah s.a.w.:

ثلاثة حق على الله عونهم : المجاهد في سبيل الله ، والمكاتب الذي يريد الأداء ، والناكح الذي يريد العفاف

"Ada tiga golongan yang terhak di atas Allah menolong mereka iaitu: Pejuang fi Sabilillah, mukatib yang mahu membayar untuk menebuskan kemerdekaan dirinya dan orang yang mahu berkahwin kerana ingin menjaga kesucian dirinya."[19]

Sementara menunggu usaha masyarakat Muslimin mengahwinkan orang-orang yang bujang itu, maka Al-Qur'an menyuruh mereka memelihara kesucian diri mereka sehingga Allah memberi kemudahan perkahwinan kepada mereka:

وَلْيَسْتَعْفِفِ ٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ

"Dan hendaklah orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin menjaga kesucian diri mereka sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya."(33)

"Dan Allah Maha Luas (limpah kurnia-Nya) dan Maha Mengetahui."(32)

Dia tidak menyempitkan limpah kurnia-Nya terhadap orang yang ingin mencari kebersihan dirinya dan dia mengetahui niat hatinya yang bersih dan kelayakannya untuk berkahwin.

Demikianlah Islam menghadapi persoalan ini dengan satu langkah yang am, iaitu menyediakan kemudahan bagi setiap orang yang layak berkahwin supaya dapat berkahwin walaupun dia tidak berkemampuan dari segi kewangan, kerana kewanganlah biasanya yang menjadi batu penghalang yang sukar di tengah jalan orang yang ingin mengawalkan kebersihan diri dengan perkahwinan.

[19] *Dikeluarkan oleh at-Tirmizi dan an-Nasa'i.*

Perjanjian Mukatabah Untuk Membebaskan Diri Dari Perhambaan

Oleh kerana wujudnya golongan hamba di dalam masyarakat Islam itu membantu meruntuhkan taraf akhlak dan menolong ke arah kebebasan seks, kerana mereka mempunyai kesedaran yang lemah terhadap kehormatan insaniyah, sedangkan kewujudan golongan ini merupakan satu keperluan untuk bertindak balas terhadap musuh-musuh Islam yang memperhambakan tawanan-tawanan Muslimin.... oleh kerana inilah Islam berusaha untuk menghapuskan perhambaan itu pada bila-bila waktu sahaja yang terluang sehingga suasana antarabangsa benar-benar bersedia untuk menghapuskan seluruh sistem perhambaan, lalu ia mewajibkan ke atas tuanmas supaya memperkenankan permintaan hambanya yang ingin bermukatabah untuk menebuskan kemerdekaan dirinya iaitu dengan membayar sejumlah wang kepada tuanmasnya dan dengan pembayaran itu dia memperolehi kemerdekaannya:

وَٱلَّذِينَ يَبْتَغُونَ ٱلْكِتَٰبَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا

"Dan orang-orang yang ingin mengadakan perjanjian mukatabah (untuk memerdekakan diri mereka), maka hendaklah kamu laksanakan perjanjian mukatabah itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada kebaikan pada mereka."(33)

Pendapat para Fuqaha' berselisih tentang hukum wajib (bagi tuanmas memperkenankan permintaan hambanya yang mahu bermukatabah) ini, tetapi kami memilih pendapat yang pertama (pendapat wajib) kerana ia sesuai dengan strategi pokok Islam terhadap kebebasan dan kehormatan insaniyah. Apabila mukatabah itu telah dipersetujui, maka semua wang pendapatan dan upahan kerja yang diperolehi oleh hamba itu menjadi miliknya supaya dengan kumpulan wang pendapatan ini dia dapat membayar kepada tuanmasnya (untuk menebuskan kemerdekaannya) mengikut jumlah yang dipersetujui, dan wajiblah tuanmas memberi kepadanya bahagian di dalam harta zakat (yang diwajibkan ke atasnya):

وَءَاتُوهُم مِّن مَّالِ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ ءَاتَىٰكُمْ

"Dan berikanlah kepada mereka (zakat) harta yang telah dikurniakan Allah kepada kamu."(33)

Semuanya ini dengan syarat tuanmas itu mengetahui ada kebaikan pada hamba itu, dan yang dimaksudkan dengan kebaikan itu ialah dia memeluk agama Islam dan mempunyai kemampuan untuk berusaha mencari rezeki. Tuanmas tidak boleh membiarkan bekas hambanya itu hidup menjadi beban kepada orang lain selepas dia bebas dari perhambaan kerana dia mungkin menggunakan saluran pencarian makan yang paling rendah untuk

menyarakan hidupnya dan memenuhi keperluannya. Islam adalah satu sistem hidup bantu membantu di antara satu sama lain. Yang penting bukannya supaya dikatakan hamba itu telah merdeka kerana Islam tidak mementingkan nama dan gelaran, malah Islam mementingkan hakikat kemerdekaan yang sebenar di dalam alam kenyataan hidup kerana seorang hamba tidak akan mencapai kemerdekaannya yang sebenar kecuali dia mampu berusaha mencari makan selepas dia bebas dari perhambaan dan tidak menjadi beban kepada orang lain, serta tidak mencari makan dari saluran yang kotor dengan menjual maruah yang lebih mahal dari kemerdekaan kulit luar itu. Islam memerdekakan hamba itu dengan tujuan untuk membersihkan masyarakat bukan untuk mengotorkan hamba itu semula dengan pekerjaan yang lebih keji dan buruk.[20]

Yang paling bahaya dari kewujudan para hamba di dalam masyarakat ialah adanya setengah-setengah hamba yang mencari makan dengan melacurkan diri mereka. Orang-orang yang memilik hamba perempuan di zaman jahiliyah menyuruh hamba itu melacurkan dirinya dengan mengenakan hasil yang tertentu yang diambil dari pendapatannya. Inilah bentuk pelacuran yang masih terkenal sehingga pada masa sekarang. Apabila Islam mahu membersihkan masyarakat Islam ia mengharamkan perzinaan secara umum dan menyebut pelacuran dengan nas khusus yang berikut:

وَلَا تُكْرِهُوا۟ فَتَيَـٰتِكُمْ عَلَى ٱلْبِغَآءِ إِنْ أَرَدْنَ تَحَصُّنًا لِّتَبْتَغُوا۟ عَرَضَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَمَن يُكْرِههُّنَّ فَإِنَّ ٱللَّهَ مِنۢ بَعْدِ إِكْرَٰهِهِنَّ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٣﴾

"Dan janganlah kamu memaksa hamba-hamba perempuan kamu melacurkan dirinya, sedangkan mereka sendiri inginkan kesucian diri, kerana kamu inginkan kesenangan hidup dunia. Dan barangsiapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah - sesudah paksaan yang dilakukan ke atas mereka - Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(33)

Allah melarang orang-orang yang memaksa hamba-hamba perempuan melakukan pelacuran yang amat keji itu dan mencela mereka kerana bertujuan mencari kesenangan hidup dunia melalui saluran pencarian yang jahat. Dan pada akhirnya Allah berjanji memberi keampunan dan rahmat kepada hamba-hamba perempuan yang dipaksa melacurkan dirinya, iaitu satu paksaan yang tidak dapat dihindari mereka.

Ujar as-Suddi: "Ayat yang mulia ini diturunkan mengenai Abdullah ibn Ubay ibn Salul kepala Munafiq. Dia mempunyai seorang hamba perempuan yang bernama Mu'azah. Biasanya apabila ada tetamu berkunjung ke rumahnya dia menghantar hamba itu kepadanya untuk ditidurinya kerana ingin mendapat ganjaran dari tetamu ini dan memberi penghormatan kepadanya. Hamba ini telah datang mengadu kepada Abu Bakr r.a. dan Abu Bakr terus membawa perkara ini kepada Nabi s.a.w., lalu beliau pun memerintah Abu Bakr supaya menahankan hamba itu. Ini menyebabkan Abdullah ibn Ubay itu berpekik-pekik: 'Siapakah yang sanggup menolong kami untuk menentang Muhammad? Dia telah menahan hamba perempuan milik kami'. Lalu Allah menurunkan ayat untuk menerangkan hal mereka dalam perkara ini."

Kewajipan Masyarakat Menghapuskan Kegiatan Pelacuran

Larangan memaksa hamba-hamba wanita melacurkan diri - sedangkan mereka ingin menjaga kesucian diri - dengan maksud mencari harta kekayaan yang murah itu merupakan sebahagian dari perancangan Al-Qur'an untuk membersihkan masyarakat Islam dan untuk menutup jalan-jalan yang kotor bagi memuaskan nafsu seks. Kewujudan pelacuran itu akan menggalakkan ramai lelaki kerana mereka dapat memuaskan nafsu mereka dengan mudah. Andainya mereka tidak boleh mendapat perempuan-perempuan pelacur tentulah mereka akan berusaha mencari keni'matan seks pada tempatnya yang mulia dan bersih.

Kita tidak dapat menerima alasan yang mengatakan bahawa pelacuran itu merupakan saluran melepaskan nafsu tanpa mengganggu orang lain dan ia dapat memelihara keselamatan rumahtangga orang-orang yang baik, kerana tidak ada jalan yang lain untuk menghadapi keinginan nafsu semulajadi ini melainkan dengan cara yang kotor ini sahaja ketika mereka tidak mampu berkahwin atau ketika lelaki-lelaki serigala yang gila nafsu itu mengganas untuk mencabul kehormatan wanita-wanita yang baik kerana tidak mendapat padang ragut yang halal.

Fikiran yang seperti ini menterbalik - songsangkan sebab dan akibat, kerana keinginan seks pastilah kekal bersih dan suci dengan matlamatnya untuk membekalkan kehidupan manusia dengan generasi-generasi yang baru. Setiap masyarakat berkewajipan membetulkan sistem-sistem ekonominya supaya setiap individu dalam masyarakat berada dalam kedudukan yang membolehkan mereka hidup dan berkahwin. Dan andainya selepas itu terdapat kes-kes yang luar biasa, maka bolehlah kes-kes ini diubati dengan cara khusus yang tersendiri agar dengan ini ia tidak memerlukan kepada pelacuran dan mengadakan tempat-tempat manusia yang kotor untuk dijadikan tempat persinggahan bagi sesiapa sahaja yang mahu meringankan desakan nafsu seksnya yang berat dan membuang kotoran-kotoran nafsunya dengan bebas di bawah pendengaran dan penglihatan masyarakat.

---

[20] *Seluruh sistem perhambaan telah berakhir sebaik sahaja wujudnya perjanjian-perjanjian antarabangsa yang mengharamkan perhambaan tawanan-tawanan perang. Sistem perhambaan hanya merupakan satu sistem sementara sahaja di dalam Islam, iaitu satu sistem yang terikat dengan dasar "layanan yang sama" (terhadap musuh-musuh yang kafir).*

Sistem-sistem ekonomi itulah yang pasti diubati dan dibaiki supaya tidak menghasilkan akibat-akibat yang kotor dan busuk itu. Kepincangan sistem ekonomi tidak boleh dijadikan hujjah untuk mengadakan tempat-tempat sampah umum dalam bentuk manusia-manusia pelacuran yang hina.

Inilah yang diusahakan Islam dengan sistem hidupnya yang sepadu, bersih dan suci yang menghubungkan manusia dengan Allah dan mengangkatkan mereka ke ufuk yang gemilang yang diambil dari nur hidayat Allah.

******

(Pentafsiran ayat 34)

Peranan Al-Qur'an Memberi Penerangan Yang Jelas Dan Contoh Teladan Dari umat-umat Yang Silam

Kemudian pusingan ini diiringi dengan satu ulasan yang menjelaskan sifat Al-Qur'an yang sesuai dengan maudhu' pembicaraannya dan suasananya:

وَلَقَدْ أَنزَلْنَآ إِلَيْكُمْ ءَايَٰتٍ مُّبَيِّنَٰتٍ وَمَثَلًا مِّنَ ٱلَّذِينَ خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُمْ وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٣٤﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu ayat-ayat yang memberikan penerangan yang jelas dan contoh teladan dari umat-umat yang telah berlalu sebelum kamu serta nasihat pengajaran kepada para Muttaqin."(34)

Maksudnya, Al-Qur'an itu adalah kumpulan ayat-ayat yang memberi penerangan yang amat jelas, yang tidak meninggal sebarang ruang kekeliruan, ta'wilan dan penyelewengan dari jalan yang lurus. Ia membentangkan nasib kesudahan. yang telah menimpa umat-umat yang silam, yang telah menyeleweng dari jalan Allah. Nasib kesudahan mereka ialah 'azab keseksaan. Ia juga merupakan pengajaran kepada para Muttaqin, yang hati mereka sentiasa merasa diawasi Allah dan kerana itulah mereka menaruh perasaan takut kepada Allah dan berjalan mengikut jalan yang lurus.

Hukum-hukum yang terkandung di dalam pusingan ini adalah selaras dengan ulasan ini yang menghubungkan hati manusia dengan Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an ini.

(Kumpulan ayat-ayat 35 - 45)

ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ مَثَلُ نُورِهِۦ كَمِشْكَوٰةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۖ ٱلْمِصْبَاحُ فِى زُجَاجَةٍ ۖ ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّىٌّ يُوقَدُ مِن شَجَرَةٍ مُّبَٰرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِىٓءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ۚ نُّورٌ عَلَىٰ نُورٍ ۗ يَهْدِى ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُ ۚ وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَٰلَ لِلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾

فِى بُيُوتٍ أَذِنَ ٱللَّهُ أَن تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا ٱسْمُهُۥ يُسَبِّحُ لَهُۥ فِيهَا بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْءَاصَالِ ﴿٣٦﴾

رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ ٱلزَّكَوٰةِ ۙ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ ٱلْقُلُوبُ وَٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٣٧﴾

لِيَجْزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا۟ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٨﴾

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَعْمَٰلُهُمْ كَسَرَابٍۭ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ ٱلظَّمْـَٔانُ مَآءً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَهُۥ لَمْ يَجِدْهُ شَيْـًٔا وَوَجَدَ ٱللَّهَ عِندَهُۥ فَوَفَّىٰهُ حِسَابَهُۥ ۗ وَٱللَّهُ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٣٩﴾

أَوْ كَظُلُمَٰتٍ فِى بَحْرٍ لُّجِّىٍّ يَغْشَىٰهُ مَوْجٌ مِّن فَوْقِهِۦ مَوْجٌ مِّن فَوْقِهِۦ سَحَابٌ ۚ ظُلُمَٰتٌۢ بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَآ أَخْرَجَ يَدَهُۥ لَمْ يَكَدْ يَرَىٰهَا ۗ وَمَن لَّمْ يَجْعَلِ ٱللَّهُ لَهُۥ نُورًا فَمَا لَهُۥ مِن نُّورٍ ﴿٤٠﴾

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱلطَّيْرُ صَٰٓفَّٰتٍ ۖ كُلٌّ قَدْ عَلِمَ صَلَاتَهُۥ وَتَسْبِيحَهُۥ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٤١﴾

وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٤٢﴾

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُزْجِى سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُۥ ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ رُكَامًا فَتَرَى ٱلْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَٰلِهِۦ وَيُنَزِّلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن جِبَالٍ فِيهَا مِنۢ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ وَيَصْرِفُهُۥ عَن مَّن يَشَآءُ ۖ يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِۦ يَذْهَبُ بِٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٣﴾

يُقَلِّبُ ٱللَّهُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُو۟لِى ٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٤﴾

وَٱللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَآبَّةٍ مِّن مَّآءٍ ۖ فَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰ بَطْنِهِۦ وَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰ رِجْلَيْنِ وَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰٓ أَرْبَعٍ ۚ يَخْلُقُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤٥﴾

"Allah adalah cahaya langit dan bumi. Perbandingan cahaya-Nya laksana misykat (sebuah lubang dinding yang tumpat), yang berisi sebuah lampu yang amat terang di dalam sebuah kaca dan kaca itu bersinar laksana bintang mutiara, ia dinyalakan dengan minyak dari satu pokok yang amat berkat, iaitu pokok zaitun yang tumbuh tidak di sebelah Timur dan tidak pula di sebelah Barat. Minyaknya sahaja hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang walaupun belum disentuh api. Iaitu cahaya yang berlapis cahaya. Allah menunjukkan kepada cahaya-Nya siapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Dan Allah membuat perbandingan-perbandingan kepada manusia dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu (35). (Nur itu terang benderang) di rumah-rumah ibadat yang telah diizinkan Allah supaya ditinggikan kedudukannya dan disebutkan nama Allah juga bertasbih kepada-Nya di waktu pagi dan petang....(36) Oleh orang-orang yang hati mereka tidak dapat dilalaikan urusan perniagaan dan jualbeli dari menyebut nama Allah, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Mereka takut kepada hari (Qiamat), di mana seluruh hati dan penglihatan berbalik-balik (37). Supaya Allah memberi balasan kepada mereka dengan balasan yang sebaik-baiknya terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan mereka serta menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka, dan Allah memberi rezeki tanpa hisab kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya (38). Adapun orang-orang yang kafir, maka amalan-amalan mereka laksana bayangan air di padang yang luas. Ia disangkakan air oleh orang yang dahaga, tetapi apabila dia datang mendapatkannya, dia tidak mendapati suatu apa pun, malah dia dapati Allah berada di sisinya, lalu Allah menyelesaikan hisab-Nya dan Allah amat pantas hisab-Nya (39). Atau (amalan mereka) laksana gelap-gelita di lautan yang dalam yang diselubungi gelombang demi gelombang dan di atasnya (dilingkupi) awan, gelap-gelita yang menyelubungi satu sama lain, apabila dia mengeluarkan tangannya, hampir-hampir dia tidak dapat melihatnya, dan barangsiapa yang tidak diberikan Allah nur-Nya, maka tiada lagi sebarang nur yang boleh didapatinya (40). Tidakkah engkau melihat bahawa penghuni langit dan bumi bertasbih kepada-Nya, juga burung-burung yang mengembangkan sayapnya. (Semuanya) masing-masing mengetahui cara solatnya dan tasbihnya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka (41). Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kepada Allah kembalinya (seluruh makhluk) (42). Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menggerakkan awan kemudian dia mengumpulkan di antara (tompokan-tompokannya) kemudian dia jadikannya berlapis-lapisan dan (di sana) engkau melihat hujan keluar dari celah-celahnya, dan dia menurunkan hujan beku dari langit iaitu dari gunung-gunung (awan) yang ada padanya lalu Dia menimpakannya ke atas sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan menghindarkannya dari siapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Pancaran kilat-Nya hampir-hampir menghilangkan penglihatan (43). Allah menukarkan malam dan siang sesungguhnya pertukaran itu memberi pengajaran kepada orang yang mempunyai mata hati yang melihat (44). Dan Allah telah menciptakan segala binatang itu dari air. Di antaranya ada yang berjalan di atas perutnya. Di antaranya pula ada yang berjalan di atas dua kaki dan di antaranya lagi ada yang berjalan di atas empat kaki. Allah mencipta apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(45)

Di dalam dua pelajaran yang lepas dari surah ini Al-Qur'an memperkatakan tentang perkara yang paling berat dan kasar di dalam diri manusia untuk menghalus, membersih dan mengangkatkannya ke ufuk-ufuk cahaya, iaitu ia memperkatakan tentang nafsu daging dan darah, keinginan berahi mata dan anggota kelamin, keinginan jahat untuk mencacat dan menjatuhkan nama baik orang lain pada pandangan umum, juga tentang tekanan perasaan marah dan dendam. Ia memperkatakan tentang kejahatan seks yang merebak dalam jiwa, merebak dalam masyarakat dan merebak di dalam percakapan. Al-Qur'an mengubati perkara ini dengan mengenakan hukum hudud yang berat terhadap jenayah zina dan qazaf. Ia menjelaskannya dengan mengemukakan satu contoh yang buruk dan keji dari satu peristiwa yang melemparkan tuduhan zina terhadap wanita-wanita Islam yang muhsan, yang terlalai dari berwaspada dan menjaga diri dan mengubatinya dengan langkah-langkah pencegahan iaitu mengadakan peraturan meminta izin sebelum memasuki rumah-rumah kediaman orang lain, peraturan menahan mata (dari memandang yang haram), peraturan menyembunyikan perhiasan badan wanita dan mengenakan larangan terhadap segala pendedahan badan yang boleh membangkitkan nafsu berahi manusia. Kemudian Al-Qur'an menyeru supaya mengukuhkan pertahanan diri dengan perkahwinan, mengharamkan pelacuran dan menggalakkan pembebasan hamba abdi. Semua langkah ini adalah dituju untuk menutup jalan yang membangkitkan nafsu berahi dan menyediakan jalan-jalan yang baik bagi manusia untuk menjaga kesucian, keluhuran, kehalusan dan kecemerlangan diri mereka.

Selepas peristiwa fitnah yang dusta itu, Al-Qur'an mengubati kesan-kesan buruk yang telah ditinggalkannya, iaitu kesan-kesan perasaan marah dan dendam, kesan menggunakan neraca pertimbangan yang tidak betul dan kesan kegelisahan yang berkecamuk di dalam hati. (Dan di sana kita melihat) hati Nabi Muhammad s.a.w. menjadi tenang tenteram, hati Aisyah r.a. juga turut menjadi tenang tenteram, hati Abu Bakr r.a. kembali menjadi pema'af dan jernih hening dan seterusnya hati Safwan ibn al-Mu'attal juga turut berpuas hati dengan penyaksian dan pembersihan dari Allah, dan seluruh hati kaum Muslimin kembali bertaubat kepada Allah setelah mereka menyedari bahawa mereka telah meraba-raba di dalam kesesatan. Mereka akhirnya kembali kepada Allah dengan bersyukur terhadap limpah kurnia-Nya, rahmat-Nya dan hidayat-Nya.

Dengan pengajaran, asuhan dan panduan ini Al-Qur'an mengubati jiwa manusia supaya jernih dan bersinar dengan cahaya dan supaya menyintai ufuk nur yang gemilang, supaya mereka mengangkatkan mata mereka melihat nur yang agung yang memancar di merata pelosok langit dan bumi dan bersiap sedia untuk menerima pancaran cahaya yang menyelubungi alam yang seluruhnya bermandi dalam sinaran nur.

ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Allah adalah cahaya langit dan bumi."(35)

Nurullah Yang Membawa Cahaya Agung Yang Syumul

Sebaik sahaja munculnya ayat yang mengkagumkan ini, maka terpancarlah nur yang tenang dan terang benderang menyelubungi seluruh alam buana, menyoroti perasaan dan tubuh badan manusia dan mencurah ke dalam hati dan rongga dada mereka sehingga seluruh alam buana bermandi dalam pancaran nur yang gemilang. Seluruh mata kasar dan mata hati manusia berpeluk dengan nur. Ia menjadikan seluruh hijab terhapus, seluruh hati diterangi cahaya, seluruh jiwa mengembangkan kepaknya, segala sesuatu merenangi banjir nur, segala sesuatu bersih hening di dalam lautan cahaya, segala sesuatu dapat membebaskan dirinya dari tebal dan beratnya. Semuanya membayangkan kebebasan, pertemuan, perkenalan, percantuman, kemesraan, kemeriahan dan kegembiraan. Seluruh alam buana dengan segala isi dan penghuninya bertukar menjadi nur yang bebas dari segala ikatan dan batas, di mana langit dapat bertemu dengan bumi, makhluk hidupan dapat bertemu dengan makhluk bekuan, yang jauh dapat bertemu dengan yang dekat, segala lorong dapat bertemu dengan jalan besar, yang batin dapat bertemu dengan yang zahir dan pancaindera dapat bertemu dengan hati.

ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Allah adalah cahaya langit dan bumi."(35)

Itulah nur yang menjadi asas kejadian langit bumi dan peraturannya. Itulah nur yang memberi hakikat kewujudan langit dan bumi. Itulah nur yang memberikan undang-undang kepada langit dan bumi. Pada masa kebelakangan ini, manusia melalui ilmu pengetahuan sains mereka telah dapat mengetahui sebahagian dari hakikat yang agung ini apabila sesuatu yang bernama "benda" itu telah berubah - setelah dileburkan atomnya - kepada sinar-sinar radiasi yang bebas, yang asasnya tiada lain melainkan cahaya dan bahannya juga tiada lain melainkan cahaya. Atom benda itu adalah terdiri dari proton-proton dan elektron-elektron yang terpancar - ketika dileburkan benda - dalam bentuk sinar radiasi yang berasaskan cahaya. Hati nurani manusia telah memahami hakikat yang agung ini berkurun-kurun lamanya sebelum diketahui oleh ilmu pengetahuan sains. Hati nurani memahami hakikat nur ini setiap kali ia menjadi halus dan terbang melayang-layang menuju kepada ufuk-ufuk cahaya. Hakikat nur ini telah difahami dengan sempurnanya oleh hati nurani Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w. dan ia memenuhi hatinya ketika beliau pulang dari Ta'if dan membersihkan tangannya dari (mengharapkan pertolongan) manusia dan memohon perlindungan dengan nur wajah Allah dalam do'anya:

أعوذ بنور وجهك الذى أشرقت به الظلمات ، وصلح عليه أمر الدنيا والآخرة

"Aku pohon perlindungan dengan nur wajah-Mu yang menerangi segala gelap-gelita dan menjadi asas kebaikan segala urusan dunia dan Akhirat."

Nur inilah juga yang memenuhi hati nurani beliau dalam perjalanan Isra' dan Mi'raj apabila Siti Aisyah bertanya beliau: Adakah anda melihat Allah Tuhan anda? Jawab beliau: "نور أني أراه" (Dia itu nur bagaimana aku dapat melihat-Nya).

Tetapi manusia tidak tahan lama menerima pancaran nur yang melimpah dan berterusan itu. Ia tidak tahan lama mengangkat matanya melihat ufuk nur yang jauh itu. Oleh kerana itu setelah Al-Qur'an memperlihatkan ufuk nur yang jauh saujana itu, ia kembali mendekatkan jaraknya yang menghampirkannya kepada pemahaman akal manusia yang terbatas dengan mengemukakan satu perbandingan yang dekat yang dapat dirasakan:

مَثَلُ نُورِهِۦ كَمِشْكَوٰةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۖ ٱلْمِصْبَاحُ فِى زُجَاجَةٍ ۖ ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّىٌّ يُوقَدُ مِن شَجَرَةٍ مُّبَٰرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِىٓءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ۚ نُّورٌ عَلَىٰ نُورٍ ۗ يَهْدِى ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُ ۚ وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَٰلَ لِلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾

"Perbandingan cahaya-Nya laksana misykat (sebuah lubang dinding yang tumpat), yang berisi sebuah lampu yang amat terang di dalam sebuah kaca dan kaca itu bersinar laksana bintang mutiara, ia dinyalakan dengan minyak dari satu pokok yang amat berkat, iaitu pokok zaitun yang tumbuh tidak di sebelah Timur dan tidak pula di sebelah Barat. Minyaknya sahaja hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang walaupun belum disentuh api. Iaitu cahaya yang berlapis cahaya."(35)

Itulah satu perbandingan yang mendekatkan kepada pemahaman manusia yang terbatas gambaran nur yang tidak terbatas. Ia melukiskan satu contoh kecil yang dapat diteliti oleh hati manusia yang tidak dapat memahami hakikat nur yang asli. Ia merupakan satu perbandingan yang mendekatkan untuk memahami sifat nur itu apabila pemahaman manusia

tidak berupaya untuk menyusur jarak dan ufuk-ufuknya yang jauh saujana dan di luar jangkauan pemahaman mereka yang lemah.

Dari langit dan bumi yang amat lebar itu dibandingkan kepada misykat iaitu sebuah lubang kecil yang tumpat di dinding. Ia diisikan dengan sebuah lampu, di mana seluruh cahayanya dapat dikumpul dan dipusatkan dalam lubang itu sehingga cahaya itu kelihatan begitu kuat dan terang benderang:

كَمِشْكَوٰةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۖ ٱلْمِصْبَاحُ فِى زُجَاجَةٍ ۖ

"Laksana misykat (sebuah lubang dinding yang tumpat) yang berisi sebuah lampu yang amat terang di dalam sebuah kaca"(35)

misykat itu memelihara lampu itu dari diganggu angin dan menjernihkan pancaran cahayanya dan menjadikannya bertambah cemerlang dan terang:

ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّىٌّ

"Dan kaca itu bersinar laksana bintang mutiara"(35)

yakni kaca itu sendiri amat jernih, berkilat dan terang benderang. Di sini Al-Qur'an menghubungkan di antara contoh dengan hakikat atau di antara contoh dengan asal apabila ia meningkat dari kaca yang kecil kepada bintang yang besar supaya pemerhatian mereka tidak hanya tertumpu pada contoh yang kecil itu, yang hanya dibawa untuk mendekatkan pemahaman terhadap hakikat asal yang amat besar itu. Selepas memberi gambaran yang menarik ini Al-Qur'an kembali semula kepada contoh iaitu lampu:

يُوقَدُ مِن شَجَرَةٍ مُّبَٰرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ

"Ia dinyalakan dengan minyak dari satu pokok yang amat berkat, iaitu pokok zaitun"(35)

cahaya minyak zaitun memanglah suatu cahaya yang paling jernih yang umum diketahui oleh orang-orang yang ditujukan ayat ini kepada mereka, tetapi ia dijadikan contoh bukanlah kerana kejernihan ini sahaja, malah kerana bayangan suci yang diterapkan oleh pokok yang amat berkat itu, iaitu bayangan perlembahan suci atau al-Wadil-Muqaddas di Bukit Tursina, iaitu tempat tumbuh pokok zaitun yang paling dekat dengan Semenanjung Tanah Arab. Di dalam Al-Qur'an terdapat isyarat dan bayangan mengenai pokok ini:

وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِن طُورِ سَيْنَآءَ تَنۢبُتُ بِٱلدُّهْنِ
وَصِبْغٍ لِّلْءَاكِلِينَ ﴿٢٠﴾

"(Dan kami jadikan) sejenis pokok yang keluar dari Tursina yang mengeluarkan minyak dan lauk kepada para pemakan."

(Surah al-Mu'minun: 20)

Pokok zaitun adalah sejenis pokok yang hidup lama. Segala apa yang ada padanya adalah berguna belaka kepada manusia, iaitu minyaknya, kayunya, daunnya dan buahnya. Kemudian sekali lagi Al-Qur'an berpaling dari contoh yang kecil itu untuk menyebut asal yang amat besar, iaitu pokok ini bukannya satu pokok yang tertentu itu sendiri, bukannya satu pokok yang terletak pada satu tempat dan arah yang tertentu, malah ia hanya merupakan satu perbandingan untuk mendekatkan kefahaman:

لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ

"Yang tumbuh tidak di sebelah Timur dan tidak pula di sebelah Barat"(35)

dan minyaknya pula bukanlah minyak dari jenis minyak yang tertentu yang pernah dilihat manusia, malah ianya suatu minyak lain yang amat menakjubkan:

يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِىٓءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ۚ

"Minyaknya sahaja hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang walaupun belum disentuh api"(35)

yakni ia begitu jernih dan berkilat sehingga hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang tanpa dinyalakan atau "*walaupun belum disentuh api*":

نُّورٌ عَلَىٰ نُورٍ ۗ

"Iaitu cahaya yang berlapis cahaya"(35)

dan dengan penerangan sedemikian marilah kita kembali kepada nur yang amat mendalam yang memancar bebas di akhir penjelajahan kita.

Itulah cahaya Allah yang menerangi segala gelap-gelita di langit dan di bumi, iaitu cahaya yang kita tidak mengetahui hakikatnya dan ruang lingkupnya. Ini hanya suatu percubaan untuk menghubungkan hati dengannya dan untuk menyatakan harapan dapat melihatnya:

يَهْدِى ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُ ۚ

"Allah menunjukkan kepada cahaya-Nya siapa sahaja yang dikehendaki-Nya"(35)

iaitu dari orang-orang yang membuka pintu hati mereka kepada cahaya itu dan merekalah yang dapat melihatnya. Cahaya itu memancar di merata pelosok langit dan bumi, ia membanjiri dan menerangi selama-lamanya di langit dan bumi. Ia tidak pernah terputus, tidak pernah tersekat dan tidak pernah malap dan padam. Di mana sahaja hati manusia menghadapinya dia akan melihatnya dan di mana sahaja hati yang sesat mengharapkannya, maka Allah akan menunjukkannya dan di mana sahaja hati manusia berhubung dengannya dia akan menemui Allah.

Itulah perbandingan yang dibuat oleh Allah terhadap nur-Nya sebagai satu cara untuk mendekatkan kepada pemahaman manusia, kerana

Allah amat mengetahui sejauh mana daya tenaga manusia:

وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَٰلَ لِلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾

"Dan Allah membuat perbandingan-perbandingan kepada manusia dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(35)

Nurullah Yang Menerangi Rumah-rumah Ibadat

Nur yang memancar bebas menerangi dan membanjiri seluruh pelosok langit dan bumi itu menjelma dan menerangi pula di rumah-rumah ibadat, di mana hati manusia berhubung mesra dengan Allah, merindui, mengingati, menaruh perasaan takut dan membulatkan keikhlasan kepada Allah serta mengutamakan-Nya dari segala keni'matan hidup yang lain yang mempesonakan manusia:

فِى بُيُوتٍ أَذِنَ ٱللَّهُ أَن تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا ٱسْمُهُۥ يُسَبِّحُ لَهُۥ فِيهَا بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْءَاصَالِ ﴿٣٦﴾

رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ ٱلزَّكَوٰةِ ۙ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ ٱلْقُلُوبُ وَٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٣٧﴾

لِيَجْزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا۟ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٨﴾

"(Nur itu terang benderang) di rumah-rumah ibadat yang telah diizinkan Allah supaya ditinggikan kedudukannya dan disebutkan nama Allah juga bertasbih kepada-Nya di waktu pagi dan petang (36). Oleh orang-orang yang hati mereka tidak dapat dilalaikan urusan perniagaan dan jual beli dari menyebut nama Allah, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Mereka takut kepada hari (Qiamat), di mana seluruh hati dan penglihatan berbalik-balik (37). Supaya Allah memberi balasan kepada mereka dengan balasan yang sebaik-baiknya terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan mereka serta menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka, dan Allah memberi rezeki tanpa hisab kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya."(38)

Di sana terdapat hubungan ilustrasi di antara pemandangan misykat dengan pemandangan rumah-rumah ibadat mengikut cara penyelarasan Al-Qur'an dalam membentangkan pemandangan-pemandangan yang mempunyai rupa bentuk yang sama atau hampir sama. Di sana juga terdapat hubungan yang seperti ini di antara lampu yang terang benderang di dalam misykat dengan hati yang terang benderang di dalam rumah-rumah ibadat Allah.

Rumah-rumah ibadat itu:

أَذِنَ ٱللَّهُ أَن تُرْفَعَ

"Telah diizinkan Allah supaya ditinggikan kedudukannya"(36)

keizinan Allah merupakan suatu perintah supaya dilaksanakannya. Rumah-rumah ibadat itu tinggi tersergam sebagai rumah-rumah suci yang mulia. Pemandangannya yang tinggi itu selaras dengan cahaya yang bersinar cemerlang di langit dan di bumi dan sifatnya yang tinggi itu selaras dengan sifat cahaya yang terang dan cemerlang. Dengan kedudukannya yang mulia dan tinggi, maka rumah-rumah itu mempunyai persediaan untuk disebutkan nama Allah:

وَيُذْكَرَ فِيهَا ٱسْمُهُۥ

"Dan disebutkan nama Allah"(36)

dan rumah-rumah itu juga secocok dengan hati yang terang dan suci, hati yang sentiasa bertasbih dan takut kepada Allah, hati yang bersembahyang dan memberi zakat itulah hati:

رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ ٱلزَّكَوٰةِ

"... orang-orang yang hati mereka tidak dapat dilalaikan urusan perniagaan dan jual beli dari menyebut nama Allah, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat"(37)

Kegiatan perniagaan dan jualbeli ialah untuk menghasilkan pendapatan dan kekayaan. Walaupun mereka sibuk dengan kegiatan itu, namun mereka tidak lalai dari menunaikan hak Allah dalam ibadat solat dan hak manusia di dalam ibadat zakat:

يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ ٱلْقُلُوبُ وَٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٣٧﴾

"Mereka takut kepada hari (Qiamat), dimana seluruh hati dan penglihatan berbalik-balik."(37)

Hati-hati itu terus bergoyang dan berbalik-balik tidak pernah tetap dan tenang kerana malapetaka hari itu terlalu hebat, terlalu sengsara dan huru-hara. Oleh kerana mereka amat takut kepada hari Qiamat, maka hati mereka tidak pernah dilalaikan oleh kesibukan perniagaan dan jualbeli dari menyebut Allah.

لِيَجْزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا۟ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِۦ ۗ

"Supaya Allah memberi balasan kepada mereka dengan balasan yang sebaik-baiknya terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan mereka serta menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka."(38)

Harapan mereka untuk mendapat limpah kurnia Allah tidak akan kecewa:

وَٱللَّهُ يَرۡزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ﴿٣٨﴾

"Dan Allah memberi rezeki tanpa hisab kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya"(38)

dari limpah kurnia-Nya yang tidak mempunyai sebarang batasan dan sekatan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 39 - 40)

Amalan-amalan Orang Kafir Laksana Fatamorgana

Sebagai tandingan dari pemandangan nur yang menerangi langit dan bumi, menerangi rumah-rumah ibadat dan menerangi hati ahlul-iman, Al-Qur'an membentangkan satu pemandangan yang lain pula, iaitu pemandangan gelap-gelita, di mana tiada sebarang cahaya dan tiada sebarang keamanan dan pemandangan kerugian yang sia-sia, di mana tiada sebarang kebaikan yang dapat diperolehi. Itulah pemandangan kekafiran yang dihayati oleh orang-orang kafir:

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَعۡمَٰلُهُمۡ كَسَرَابِۭ بِقِيعَةٖ يَحۡسَبُهُ ٱلظَّمۡـَٔانُ مَآءً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَهُۥ لَمۡ يَجِدۡهُ شَيۡـٔٗا وَوَجَدَ ٱللَّهَ عِندَهُۥ فَوَفَّىٰهُ حِسَابَهُۥۗ وَٱللَّهُ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ﴿٣٩﴾ أَوۡ كَظُلُمَٰتٖ فِي بَحۡرٖ لُّجِّيّٖ يَغۡشَىٰهُ مَوۡجٞ مِّن فَوۡقِهِۦ مَوۡجٞ مِّن فَوۡقِهِۦ سَحَابٞۚ ظُلُمَٰتُۢ بَعۡضُهَا فَوۡقَ بَعۡضٍ إِذَآ أَخۡرَجَ يَدَهُۥ لَمۡ يَكَدۡ يَرَىٰهَاۗ وَمَن لَّمۡ يَجۡعَلِ ٱللَّهُ لَهُۥ نُورٗا فَمَا لَهُۥ مِن نُّورٍ ﴿٤٠﴾

"Adapun orang-orang yang kafir, maka amalan-amalan mereka laksana bayangan air di padang yang luas. Ia disangkakan air oleh orang yang dahaga, tetapi apabila dia datang mendapatkannya, dia tidak mendapati suatu apa pun, malah dia dapati Allah berada di sisinya, lalu Allah menyelesaikan hisab-Nya dan Allah amat pantas hisab-Nya (39). Atau (amalan mereka) laksana gelap-gelita di lautan yang dalam yang diselubungi gelombang demi gelombang dan di atasnya (dilingkupi) awan, gelap-gelita yang menyelubungi satu sama lain, apabila dia mengeluarkan tangannya, hampir-hampir dia tidak dapat melihatnya, dan barangsiapa yang tidak diberikan Allah nur-Nya, maka tiada lagi sebarang nur yang boleh didapatinya."(40)

Ayat-ayat ini menggambarkan dua pemandangan keadaan dan nasib kesudahan orang-orang kafir yang menarik dan penuh harakat dan hayat.

Dalam pemandangan yang pertama ia menggambarkan amalan-amalan mereka laksana Fatamorgana atau bayangan air di padang yang luas. Ia memancarkan kilatan-kilatan air yang palsu lalu dituju oleh orang yang sedang dahaga dengan harapan mendapat meminum air yang menghilangkan hausnya tanpa mengetahui keadaan yang sebenar yang menunggunya di sana. Kemudian secara mendadak pemandangan itu bergerak dengan pantas, di mana orang yang dahaga dan sedang berjalan menuju ke tempat bayangan air dengan harapan mendapatkan air telah sampai di sana, tetapi malangnya ia tidak mendapat setitis air pun yang boleh menghilangkan hausnya. Ia tiba-tiba dikejutkan oleh satu pemandangan yang membingungkannya, yang tidak terlintas di dalam hatinya, satu pemandangan yang benar-benar mencemas dan melumpuhkan segala anggota dan sendi tulangnya, satu pemandangan yang menyebabkan akalnya terpinga-pinga bebal iaitu:

وَوَجَدَ ٱللَّهَ عِندَهُۥ

"Dia dapati Allah berada di sisinya"(39)

iaitu Allah yang dikufuri dan diingkarinya selama ini, Allah yang ditentang dan dimusuhinya selama ini. Dia dapati Allah sedang menunggunya di sana. Andainya dalam keadaan yang mendadak seperti ini dia bertemu dengan musuhnya dari bangsa manusia sekalipun tentulah pertemuan itu akan mencemas dan menakutkannya kerana dia sama sekali tidak menduga dan bersedia, inikan pula bertemu dengan Allah Yang Maha Gagah dan Perkasa dan Maha Keras Balasan-Nya.

فَوَفَّىٰهُ حِسَابَهُۥۗ

"Lalu Allah menyelesaikan hisab-Nya"(39)

demikianlah hisab itu dilakukan dengan pantas selaras dengan suasana yang mengejut dan mendadak.

وَٱللَّهُ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ﴿٣٩﴾

"Dan Allah amat pantas hisab-Nya."(39)

Ini merupakan satu kesimpulan yang selaras dengan pemandangan sepintas lalu yang menakutkan.

Di dalam pemandangan yang kedua dikemukakan gambaran gelap-gelita setelah dikemukakan gambaran kilatan sinar bayangan air yang dusta. Di sini tergambar satu pemandangan yang dahsyat yang menunjukkan kegelapan-kegelapan lautan yang amat dalam, yang diliputi gelombang yang berlapis gelombang dan di atasnya diselubungi awan yang gelap. Gelap-gelita berlapis-lapis hingga apabila seseorang mengeluarkan tangannya di hadapan matanya, ia tidak nampak apa-apa kerana terlalu cemas dan gelap.

Itulah gelap-gelita kekafiran, iaitu gelap kerana terputus dari nur hidayat Allah yang melimpah di alam buana. Itulah gelap-gelita kesesatan, di mana hati tidak dapat melihat alamat-alamat hidayat yang paling dekat. Itulah gelap-gelita ketakutan yang tidak terdapat sebarang keamanan dan kemantapan:

وَمَن لَّمۡ يَجۡعَلِ ٱللَّهُ لَهُۥ نُورٗا فَمَا لَهُۥ مِن نُّورٍ ﴿٤٠﴾

"Dan barangsiapa yang tidak diberikan Allah nur-Nya, maka tiada lagi sebarang nur yang boleh didapatinya."(40)

Nur Allah itu menjadi hidayat di dalam hati manusia. Ia membuka mata hati nurani mereka. Ia menghubungkan fitrah manusia dengan undang-undang Allah di langit dan di bumi, ia mempertemukan fitrah manusia dengan Allah selaku nur langit dan bumi. Oleh sebab itu barangsiapa yang tidak mempunyai hubungan dengan nur hidayat Allah, maka selama-lamanya dia akan berada di dalam kegelapan yang tidak akan terang, akan berada dalam kecemasan dan ketakutan yang tidak akan aman dan akan berada dalam kesesatan yang tidak akan dapat pulang ke pangkal jalan, sedangkan kesudahan amalannya hanya li'la atau Fatamorgana yang kosong, yang membawa kepada kebinasaan dan 'azab keseksaan, kerana tiada amalan yang sebenar tanpa agama dan tiada kebaikan yang sebenar tanpa iman. Sesungguhnya hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar dan nur Allah itulah nur yang sebenar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 42)
Seluruh Makhluk Bertasbih Kepada Allah

Itulah pemandangan kekafiran, kesesatan dan kegelapan di alam manusia, kemudian diikuti pula dengan pemandangan iman, hidayat dan nur yang menerangi alam buana yang amat luas, pemandangan yang memperlihatkan seluruh alam al-wujud dengan isi dan penghuninya sedang bertasbih kepada Allah, iaitu makhluk manusia dan jin, makhluk malaikat dan bintang-bintang, makhluk yang bernyawa dan yang beku. Seluruh alam al-wujud bersahut-sahutan mengucap tasbih di merata pelosoknya dalam satu pemandangan yang membuat hati nurani yang menghayatinya menggigil dan gementar:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱلطَّيْرُ صَٰٓفَّٰتٍ ۖ كُلٌّ قَدْ عَلِمَ صَلَاتَهُۥ وَتَسْبِيحَهُۥ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٤١﴾

"Tidakkah engkau melihat bahawa penghuni langit dan bumi bertasbih kepada-Nya, juga burung-burung yang mengembangkan sayapnya. (Semuanya) masing-masing mengetahui cara solatnya dan tasbihnya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(41)

Manusia tidak keseorangan di alam buana yang amat luas ini, kerana di sekelilingnya, di kanan kirinya, di atas dan di bawahnya dan di mana sahaja matanya memandang dan khayalnya mengembara di sana terdapat saudara-saudaranya dari makhluk-makhluk Allah yang lain, dan walaupun makhluk-makhluk ini mempunyai berbagai-bagai tabi'at, berbagai-bagai rupa dan bentuk namun seluruh makhluk itu mempunyai titik pertemuan pada Allah. Mereka turut bertawajjuh dan bertasbih memuji Allah:

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(41)

Al-Qur'an menyuruh manusia supaya memandang makhluk-makhluk yang diciptakan Allah di sekelilingnya di langit dan di bumi, iaitu makhluk-makhluk yang sentiasa bertasbih memuji Allah dan bertaqwa kepada-Nya. Al-Qur'an mengarah penglihatan manusia dan hatinya secara khusus supaya memperhatikan pemandangan yang dapat dilihatnya setiap hari, iaitu pemandangan yang selama ini tidak menarik perhatiannya dan menggerakkan hatinya kerana terlalu lumrah melihatnya. Itulah pemandangan burung-burung yang menyusun kakinya ketika terbang di udara bertasbih memuji Allah:

كُلٌّ قَدْ عَلِمَ صَلَاتَهُۥ وَتَسْبِيحَهُۥ

"(Semuanya) masing-masing mengetahui cara solatnya dan tasbihnya"(41)

hanya manusia sahaja yang lalai dari bertasbih kepada Tuhannya, sedangkan dialah makhluk Allah yang paling layak dengan kegiatan iman, tasbih dan solat.

Seluruh alam buana di dalam pemandangan yang khusyu' ini kelihatan bertawajjuh kepada Allah Penciptanya, sambil bertasbih memuji-Nya dan mendirikan solat-Nya. Dan memang begitulah sifat alam buana pada fitrah semulajadinya dan pada kepatuhannya menjunjung kehendak-kehendak Allah yang dijelmakan di dalam undang-undangnya (alam buana).

Apabila hati manusia telah menjadi halus dan hening, ia dapat menanggap pemandangan ini tersergam di dalam perasaannya seolah-olah ia dapat melihatnya dan dapat mendengar suara alam buana sedang bertasbih kepada Allah, ia dapat merasa bahawa ia sedang ikut serta bersama setiap makhluk di alam buana ini dalam solat dan munajatnya kepada Allah. Demikianlah halnya dengan Nabi Muhammad bin Abdullah s.a.w. apabila beliau berjalan, beliau mendengar suara tasbih anak-anak batu di bawah tapak kakinya. Begitu juga bacaan Nabi Daud a.s. diikuti oleh gunung-ganang dan burung apabila beliau membaca kitab Zaburnya.

"Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kepada Allah kembalinya (seluruh makhluk)."(42)

Oleh itu tiada hala lain yang dituju melainkan kepada Allah, dan tiada tempat perlindungan yang lain melainkan hanya pada Allah, tiada jalan lari dari bertemu dengan Allah, tiada suatu yang dapat

melindungkan seseorang dari balasan Allah dan hanya kepada Allah kembalinya seluruh makhluk.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 43)

Ada satu lagi pemandangan dari pemandangan-pemandangan alam buana yang dilalui manusia dengan hati yang lalai, sedangkan pemandangan itu memberi keni'matan kepada mata dan memberi pengajaran kepada hati. Pemandangan itu juga merupakan satu bidang untuk meneliti ciptaan dan tanda-tanda kekuasaan Allah, juga untuk mendapatkan dalil-dalil nur, hidayat dan iman:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُزْجِى سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُۥ ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ
رُكَامًا فَتَرَى ٱلْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَٰلِهِۦ وَيُنَزِّلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ
مِن جِبَالٍ فِيهَا مِنۢ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ وَيَصْرِفُهُۥ عَن
مَّن يَشَآءُ ۖ يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِۦ يَذْهَبُ بِٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٣﴾

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menggerakkan awan kemudian dia mengumpulkan di antara (tompokan-tompokannya) kemudian dia jadikannya berlapis-lapisan dan (di sana) engkau melihat hujan keluar dari celah-celahnya, dan dia menurunkan hujan beku dari langit iaitu dari gunung-gunung (awan) yang ada padanya lalu Dia menimpakannya ke atas sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan menghindarkannya dari siapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Pancaran kilat-Nya hampir-hampir menghilangkan penglihatan."(43)

Pergerakan Awan Yang Membawa Hujan

Pemandangan ini ditayangkan dengan perlahan dan panjang, di mana bahagian-bahagiannya ditinggalkan untuk perhatian manusia sebelum bahagian-bahagian itu bertemu dan berkumpul supaya semuanya dapat memenuhi tujuan dari penayangannya, iaitu untuk menyentuh dan menggerakkan hati supaya memberi perhatian dan mengambil pengajaran dan seterusnya supaya memikirkan hikmat ciptaan Allah di sebaliknya.

Qudrat Allah menggerakkan awan dan menolaknya dari satu tempat ke satu tempat yang lain, kemudian ia mencantum dan mengumpulkan tompokan-tompokan awan itu untuk menjadikannya berlonggok-longgok dan berlapis-lapisan dan apabila awan itu tebal dan memberat, maka keluarlah air darinya dan turunlah hujan yang lebat. Tompokan awan itu kelihatan seperti gunung-gunung yang besar dan tebal dan di dalamnya terdapat kepingan-kepingan air beku yang kecil. Pemandangan awan yang seperti gunung-ganang itu tidak benar-benar kelihatan melainkan kepada penumpang-penumpang kapalterbang yang terbang di atas awan atau di celah-celahnya. Di sanalah pemandangan itu benar-benar seperti pemandangan gunung-ganang dan bukit-bukau dari segi besar kecilnya dan tinggi rendahnya. Itulah satu pengungkapan yang menggambarkan hakikat yang sebenar yang tidak dapat dilihat manusia melainkan sesudah mereka dapat naik ke angkasa dengan kapalterbang.

Gunung-ganang awan ini sentiasa tunduk kepada perintah Allah mengikut undang-undang-Nya yang mengendalikan alam buana ini. Mengikut peraturan undang-undang inilah Allah mencurahkan air hujan kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan menghindarkannya dari sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Kemudian pemandangan yang amat hebat ini disempurnakan pula dengan sebuah kenyataan:

يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِۦ يَذْهَبُ بِٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٣﴾

"Pancaran kilat-Nya hampir-hampir menghilangkan penglihatan"(43)

supaya selaras dengan suasana nur yang agung yang menerangi alam buana yang lebar mengikut cara pengimbangan dalam penggambaran Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 44)

Kemudian ditayangkan pula satu pemandangan alam buana yang ketiga iaitu pemandangan malam dan siang:

يُقَلِّبُ ٱللَّهُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُو۟لِى
ٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٤﴾

"Allah menukarkan malam dan siang sesungguhnya pertukaran itu memberi pengajaran kepada orang yang mempunyai mata hati yang melihat."(44)

Mengapa Pemandangan Pertukaran Malam Dan Siang Menjadi Hambar

Memikirkan hikmat pertukaran malam dan siang yang berlangsung mengikut satu peraturan yang tidak pernah mungkir itu menimbulkan dalam hati perasaan peka dan keinginan untuk memikirkan undang-undang Allah yang mengendalikan alam buana ini di samping memikirkan ciptaan Allah. Al-Qur'an menarik hati manusia kepada pemandangan ini, iaitu pemandangan yang telah hilang pengaruh keberkesanannya kerana terlalu lumrah dilihat dengan tujuan supaya hati mereka menghadapi alam buana ini selama-lamanya dengan perasaan dan emosi yang baru. Kejadian malam dan siang yang mengkagumkan itu amatlah mengasyikkan hati manusia ketika dia mengamatinya pada kali yang pertama dan ke'ajaiban malam dan siang tetap seperti itu juga tidak pernah berubah, hanya hati manusia sahaja yang berkarat dan hambar hingga tidak lagi berdebar melihatnya. Berapa banyak kita kehilangan hidup kita dan berapa banyak kita kerugian keindahan alam buana ini apabila kita melihat gejala pertukaran malam dan siang ini dengan hati yang lalai, sedangkan gejala-gejala telah mengasyikkan

perasaan kita sewaktu kita baru melihatnya atau sewaktu perasaan kita sentiasa segar dan baru.

Al-Qur'an membarui perasaan kita yang mati, menggerakkan pancaindera kita yang jemu dan bosan dan merangsangkan hati kita yang tumpul supaya kita sentiasa menjelajahi alam buana ini sebagaimana kita telah menjelajahinya pada kali yang pertama. Di sana kita berhenti di hadapan setiap gejala alam dan memperhatikannya dengan penuh minat dan menanyakan rahsia dan tarikan yang tersembunyi di sebaliknya. Di sana kita memperhatikan bagaimana Qudrat Allah memperlihatkan tindakan-Nya pada setiap kejadian yang terdapat di sekeliling kita. Di sana kita memikirkan hikmat ciptaan-Nya dan mengambil pengajaran dari bukti-bukti kekuasaan-Nya yang bertaburan di merata pelosok alam.

Allah S.W.T. mahu melimpahkan kurnia-Nya kepada kita dengan memberikan alam buana ini sekali lagi kepada kita apabila kita melihat salah satu dari gejala-gejalanya dan dengan itu kita dapat meni'matinya kembali seolah-olah kita melihatnya bagi kali yang pertama. Ini bererti kita dapat meni'mati keindahan alam buana berkali-kali tanpa terkira dan pada setiap kali kita melihatnya seolah-olah kita dikurniakan semula alam buana ini dan kita dapat meni'mati semula keindahannya.

Alam buana ini amat indah, gemilang dan permai. Fitrah semulajadi kita secocok dengan fitrah semulajadinya, iaitu ia diambil dari sumber yang sama yang diambil oleh fitrah kita. Ia ditegakkan di atas undang-undang yang sama yang menjadi tapak tegaknya fitrah kita. Oleh sebab itulah perhubungan hati kita dengan hati alam buana memberikan kemesraan dan ketenteraman kepada kita. Ia memberikan ikatan yang rapat, perkenalan yang mesra dan rasa gembira yang sama dengan perasaan gembira yang dirasai oleh orang yang bertemu dengan kerabat yang selama ini menghilangkan diri atau tidak ternampak.

Di sanalah kita menemui nur Allah, kerana Allah adalah nur langit dan bumi, kita dapat menemui nur Allah di merata pelosok alam dan di dalam diri kita tepat pada sa'at kita sedang melihat alam buana dengan perasaan yang sedar, dengan hati yang terbuka dan dengan pemerhatian yang menyampaikan kita kepada hakikat tadbir Ilahi.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an menggerakkan kita sekali demi sekali dan menarik hati dan jiwa kita menonton berbagai-bagai pemandangan alam buana yang indah dan permai supaya kita tidak melaluinya dengan hati yang lalai dan mata yang tertutup hingga menyebabkan kita kelak keluar dari penjelajahan hidup di muka bumi ini tanpa suatu hasil atau keluar dengan hasil yang amat sedikit dan kecil.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 45)

Al-Qur'an terus menayangkan pemandangan-pemandangan alam buana dan menggerakkan kita supaya memperhati dan menelitinya. (Dalam ayat berikut) ia menayangkan kisah kelahiran makhluk yang hidup yang diciptakan Allah dari asal yang sama dan tabi'at yang sama kemudian berpecah kepada berbagai-bagai jenis di samping mempunyai persamaan asal kelahiran dan tabi'at itu:

وَٱللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَآبَّةٖ مِّن مَّآءٖۖ فَمِنۡهُم مَّن يَمۡشِي عَلَىٰ بَطۡنِهِۦ وَمِنۡهُم مَّن يَمۡشِي عَلَىٰ رِجۡلَيۡنِ وَمِنۡهُم مَّن يَمۡشِي عَلَىٰٓ أَرۡبَعٖۚ يَخۡلُقُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٤٥

"Dan Allah telah menciptakan segala binatang itu dari air. Di antaranya ada yang berjalan di atas perutnya. Di antaranya pula ada yang berjalan di atas dua kaki dan di antaranya lagi ada yang berjalan di atas empat kaki. Allah mencipta apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(45)

Seluruh Makhluk Yang Hidup Di Bumi Lahir Dari Air

Inilah satu hakikat agung yang diterangkan oleh Al-Qur'an dengan cara yang begini mudah, iaitu hakikat bahawa setiap makhluk yang bernyawa itu adalah diciptakan dari air. Ayat ini mungkin bermaksud menjelaskan tentang persamaan unsur asasi dalam struktur kejadian seluruh makhluk yang bernyawa, iaitu semuanya bermula dari unsur air dan mungkin pula ayat ini bermaksud menerangkan seperti yang mahu ditegakkan oleh pendapat dari hasil kajian sains moden bahawa makhluk yang bernyawa itu adalah keluar dari laut atau pada mulanya terjadi di dalam air kemudian barulah berpecah kepada berbagai-bagai jenis.

Tetapi kita tetap berpegang dengan cara kita, iaitu kita tidak mahu menggantungkan hakikat-hakikat yang thabit yang diterangkan Al-Qur'an itu di atas pendapat teori-teori 'ilmiyah yang masih boleh menerima pindaan dan perubahan. Kita tidak mahu menambah apa-apa terhadap hakikat yang dibayangkan Al-Qur'an itu. Kita hanya berpada dengan menegakkan hakikat yang diterangkan Al-Qur'an itu iaitu Allah telah menciptakan seluruh makhluk yang hidup itu dari air. Semuanya dari asal-usul yang sama kemudian berpecah kepada berbagai-bagai jenis dan rupa bentuk seperti yang disaksikan oleh mata kita. Di antaranya ialah jenis-jenis haiwan yang merangkak di atas perutnya, di antaranya ialah jenis-jenis haiwan yang berjalan di atas dua kaki seperti manusia dan burung dan di antaranya ialah jenis-jenis haiwan yang berjalan di atas empat kaki. Semua makhluk ini adalah diciptakan mengikut undang-undang dan kehendak Allah belaka, bukannya terjadi secara mendadak atau secara kebetulan:

يَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ ۚ

"Allah mencipta apa sahaja yang dikehendakinya"(45)

tanpa terikat dengan sesuatu rupa bentuk. Seluruh undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di alam buana ini adalah dikehendaki dan diluluskan oleh masyi'ah Allah yang bebas:

إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(45)

Tiada Makhluk Yang Terjadi Secara Mendadak Atau Secara Kebetulan

Wujudnya makhluk-makhluk hidup yang berbagai-bagai bentuk rupa, berbagai-bagai jenis dan bangsa dan berbagai paras dan warna kulit, dan semuanya dari asal-usul yang sama menyarankan adanya tadbir dan kehendak Ilahi yang mengaturkannya dengan sengaja dan menafikan konsep bahawa makhluk-makhluk itu adalah terjadi secara mendadak dan secara kebetulan. Apakah ertinya makhluk itu terjadi secara mendadak, sedangkan kejadiannya membuktikan adanya perancangan dan pentadbiran yang rapi? Apakah ertinya makhluk itu terjadi secara kebetulan, sedangkan kejadiannya membuktikan adanya penyusunan dan penentuan yang halus? Malah semuanya adalah dari ciptaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana yang telah memberi kepada setiap makhluk itu sifat-sifat yang sesuai dengannya kemudian Dia memberi hidayat (yang dapat memandu kehidupan masing-masing).

(Kumpulan ayat-ayat 46 - 57)

لَّقَدْ أَنزَلْنَا آيَاتٍ مُّبَيِّنَاتٍ ۚ وَاللَّهُ يَهْدِي مَن يَشَاءُ
إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤٦﴾

وَيَقُولُونَ آمَنَّا بِاللَّهِ وَبِالرَّسُولِ وَأَطَعْنَا ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ
فَرِيقٌ مِّنْهُم مِّن بَعْدِ ذَٰلِكَ ۚ وَمَا أُولَٰئِكَ بِالْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

وَإِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ إِذَا فَرِيقٌ
مِّنْهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٤٨﴾

وَإِن يَكُن لَّهُمُ الْحَقُّ يَأْتُوا إِلَيْهِ مُذْعِنِينَ ﴿٤٩﴾

أَفِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ أَمِ ارْتَابُوا أَمْ يَخَافُونَ أَن يَحِيفَ اللَّهُ
عَلَيْهِمْ وَرَسُولُهُ ۚ بَلْ أُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٥٠﴾

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ
لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُولَٰئِكَ
هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

وَمَن يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشَ اللَّهَ وَيَتَّقْهِ فَأُولَٰئِكَ
هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٥٢﴾

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَئِنْ أَمَرْتَهُمْ لَيَخْرُجُنَّ ۖ
قُل لَّا تُقْسِمُوا ۖ طَاعَةٌ مَّعْرُوفَةٌ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا
تَعْمَلُونَ ﴿٥٣﴾

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْهِ
مَا حُمِّلَ وَعَلَيْكُم مَّا حُمِّلْتُمْ ۖ وَإِن تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا ۚ
وَمَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ ﴿٥٤﴾

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ
الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي
ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا ۚ
يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا ۚ وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ
فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ ۚ
وَمَأْوَاهُمُ النَّارُ ۖ وَلَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿٥٧﴾

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan ayat-ayat yang memberi penerangan-penerangan yang jelas dan Allah memberi hidayat ke jalan yang lurus kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya (46). Dan mereka (kaum Munafiqin) berkata: Kami beriman kepada Allah dan Rasul dan kami menta'ati (keduanya), kemudian segolongan dari mereka berpaling sesudah (pengakuan) itu dan sebenarnya mereka bukanlah orang-orang yang beriman (47). Dan apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi hakim mengadili di antara mereka, tiba-tiba segolongan dari mereka enggan (datang kepadanya) (48). Dan jika mereka

memperolehi hak (dalam pengadilan itu) mereka akan datang kepadanya dengan patuh (49). Apakah dalam hati mereka ada penyakit atau apakah mereka ragu-ragu atau takut Allah dan Rasul-Nya berlaku zalim terhadap mereka, malah sebenarnya merekalah orang-orang yang zalim? (50) Sebenarnya jawapan orang-orang yang beriman apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi hakim mengadili di antara mereka ialah mereka menjawab: Kami mendengar dan kami patuh, merekalah orang-orang yang mendapat keberuntungan (51). Dan barangsiapa yang menta'ati Allah dan Rasul-Nya, serta takut dan bertaqwa kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan (52). Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah sekuat-kuat sumpah jika engkau menyuruh mereka (keluar berperang) nescaya mereka pasti keluar. Katakanlah: Tak usahlah kamu bersumpah (kerana keta'atan kamu adalah) suatu keta'atan yang terkenal. Sesungguhnya Allah Maha Mendalam ilmu-Nya terhadap apa sahaja yang dilakukan kamu (53). Katakanlah: Ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul, dan andainya mereka berpaling, maka tanggungjawab Rasul ialah kewajipan yang ditugaskan kepadanya dan tanggungjawab kamu ialah kewajipan yang ditugaskan kepada kamu. Dan jika kamu menta'atinya, nescaya kamu akan mendapat hidayat dan tiada tanggungjawab Rasul melainkan hanya menyampaikan perintah dengan penerangan yang jelas (54). Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dari kamu dan mengerjakan amalan yang soleh bahawa Dia akan melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi ini sebagaimana Dia telah melantikkan orang-orang sebelum mereka menjadi khalifah dan Dia akan memberi kedudukan yang teguh kepada agama mereka yang diredhai-Nya dan akan menggantikan keamanan kepada mereka setelah mereka berada di dalam ketakutan. Mereka beribadat kepada-Ku tanpa mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain. Dan barangsiapa yang kafir selepas (penganugerahan ni'mat-ni'mat) itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq (55). Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat dan ta'atilah Rasul supaya kamu dilimpahkan rahmat (Allah) (56). Janganlah engkau mengira orang-orang yang kafir itu dapat melemahkan kekuasaan Allah di bumi ini. Tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(57)

Setelah selesai melakukan penjelajahan yang besar di alam nur dan di dalam pemandangan-pemandangan alam buana yang amat luas, ayat-ayat surah ini kembali semula kepada maudhu' pokoknya, iaitu maudhu' peradaban yang menjadi asas pendidikan Al-Qur'an untuk mendidik masyarakat Islam supaya hati mereka bersih dan bercahaya dan dapat berhubung dengan nur Allah yang menerangi langit dan bumi itu.

Di dalam pelajaran yang telah lalu ayat-ayat surah ini telah memperkatakan tentang golongan orang-orang yang tidak dapat dilalaikan hati mereka oleh kegiatan perniagaan dan jualbeli dari mengingati Allah, mendirikan solat dan menunaikan zakat, juga memperkatakan tentang orang-orang kafir, amalan-amalan dan nasib kesudahan mereka serta kegelapan kekufuran mereka yang menyelubungi mereka berlapis-lapisan.

Sekarang di dalam pelajaran ini ia memperkatakan tentang orang-orang Munafiqin yang tidak mengambil manfa'at dan panduan dari ayat-ayat Al-Qur'an yang memberi penerangan yang amat jelas itu. Mereka berpura-pura Islam pada zahirnya, tetapi mereka tidak mengikut peradaban orang-orang Mu'minin yang menta'ati Rasulullah s.a.w. dan rela menjunjung hukuman dan keputusan beliau serta yakin kepadanya sambil membandingkan di antara mereka dengan orang-orang yang beriman dengan sebenar. Merekalah orang-orang yang dijanjikan Allah untuk melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi ini, mengukuhkan kedudukan agama mereka dan mengurniakan keamanan hidup kepada mereka sebagai balasan terhadap adab sopan mereka kepada Allah dan Rasul-Nya walaupun mereka ditentang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu tidak dapat melemahkan Allah di bumi ini dan tempat kediaman mereka kelak ialah Neraka seburuk-buruk tempat kembali.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 54)

لَّقَدْ أَنزَلْنَا آيَاتٍ مُّبَيِّنَاتٍ ۚ وَاللَّهُ يَهْدِي مَن يَشَاءُ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan ayat-ayat yang memberi penerangan-penerangan yang jelas dan Allah memberi hidayat ke jalan yang lurus kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya."(46)

Memanglah ayat-ayat Al-Qur'an itu merupakan ayat-ayat yang amat jelas penerangannya. Ia memperlihatkan nur Allah, mendedahkan sumber-sumber hidayat-Nya, menentukan kebaikan dan kejahatan sama ada yang elok atau yang buruk dan menerangkan sistem hidup Islam dengan sempurna dan halus tanpa apa-apa kekeliruan dan kesamaran lagi. Seterusnya ia menggariskan hukum-hukum Allah di dunia ini dengan jelas tanpa sebarang kekeliruan dan kekaburan. Apabila manusia berhakimkan hukum-hukum Allah, maka bererti mereka berhakimkan kepada satu syari'at yang amat jelas dan betul, di mana ampunya hak tidak merasa bimbang terhadap haknya, dan di mana yang benar tidak akan dikeliru dengan yang batil dan yang halal tidak akan dikeliru dengan yang haram.

وَاللَّهُ يَهْدِي مَن يَشَاءُ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤٦﴾

"Dan Allah memberi hidayat ke jalan yang lurus kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya."(46)

Kehendak masyi'ah Allah adalah bebas tidak terikat dengan sesuatu ikatan, tetapi Allah S.W.T. telah menjadikan hidayat itu mempunyai jalannya yang tersendiri. Sesiapa yang membawa dirinya ke jalan itu, di sana dia akan menemui hidayat dan nur Allah dan di sanalah dia dapat berhubung dengan Allah dan dapat berjalan di atas jalan yang betul sehingga sampai ke matlamatnya dengan kehendak masyi'ah

Allah, dan sesiapa yang menyeleweng dan berpaling dari jalan itu bererti dia akan kehilangan nur yang terang dan memasuki jalan yang sesat mengikut undang-undang Allah yang berkaitan dengan hidayat dan kesatuan.

Walaupun ayat-ayat Al-Qur'an itu begitu jelas dan terang, namun terdapat juga segolongan manusia Munafiq yang berpura-pura menganut Islam tetapi tidak mengikut peradaban-peradaban Islam:

وَيَقُولُونَ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلرَّسُولِ وَأَطَعْنَا ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ
فَرِيقٌ مِّنْهُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ ۚ وَمَآ أُو۟لَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾
وَإِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ إِذَا فَرِيقٌ
مِّنْهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٤٨﴾
وَإِن يَكُن لَّهُمُ ٱلْحَقُّ يَأْتُوٓا۟ إِلَيْهِ مُذْعِنِينَ ﴿٤٩﴾
أَفِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ أَمِ ٱرْتَابُوٓا۟ أَمْ يَخَافُونَ أَن يَحِيفَ ٱللَّهُ
عَلَيْهِمْ وَرَسُولُهُۥ ۚ بَلْ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan mereka (kaum Munafiqin) berkata: Kami beriman kepada Allah dan Rasul dan kami menta'ati (keduanya), kemudian segolongan dari mereka berpaling sesudah (pengakuan) itu dan sebenarnya mereka bukanlah orang-orang yang beriman (47). Dan apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi hakim mengadili di antara mereka, tiba-tiba segolongan dari mereka enggan (datang kepadanya) (48). Dan jika mereka memperolehi hak (dalam pengadilan itu) mereka akan datang kepadanya dengan patuh (49). Apakah dalam hati mereka ada penyakit atau apakah mereka ragu-ragu atau takut Allah dan Rasul-Nya berlaku zalim terhadap mereka, malah sebenarnya merekalah orang-orang yang zalim? "(50)

Apabila iman yang sebenar itu terpacak di dalam hati seseorang, maka kesan-kesannya akan dapat dilihat pada tingkahlakunya, kerana Islam itu suatu 'aqidah yang bergerak cergas dan dinamis bukannya kaku beku dan negatif. Sebaik sahaja ia bertapak kukuh di alam perasaan ia terus bergerak menunjukkan buktinya di alam luar, ia terus menterjemahkan dirinya kepada gerakan dan tindakan di alam kenyataan.

Sikap Kaum Munafiqin Di Setiap Zaman

Sistem pendidikan Islam yang jelas adalah ditegakkan di atas asas menyalurkan kesedaran batin yang menjunjung 'aqidah dan peradaban-peradabannya itu kepada harakat tingkahlaku di alam kenyataan dan mengubahkan harakat ini menjadi adat kebiasaan yang tetap atau menjadi undang-undang, di samping menghidupkan dorongan perasaan kesedaran yang pertama itu pada setiap harakat supaya harakat itu hidup dan bersambung dengan sumbernya yang asal.

Orang-orang Munafiqin itu berkata:

ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلرَّسُولِ وَأَطَعْنَا

"Kami beriman kepada Allah dan Rasul dan kami men-ta'ati kedua-duanya"(47)

mereka ucapkan kata-kata ini dengan mulut mereka, tetapi bukti pengakuan ini tidak ternyata di dalam tingkahlaku mereka. Sikap mereka menolak dan berpaling tadah. Perbuatan mereka membohongi perkataan yang dihamburkan lidah mereka:

وَمَآ أُو۟لَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"Sebenarnya mereka bukanlah orang-orang yang beriman."(47)

Kerana orang-orang yang beriman perbuatan mereka sama dengan perkataan mereka. Iman itu bukanlah barang mainan yang dapat dipermain-mainkan oleh seseorang kemudian melemparkannya dan terus berlalu begitu sahaja, malah iman itu ialah suatu penentuan sikap di dalam jiwa, suatu pendapan kesan di dalam hati dan suatu tindakan di alam kenyataan. Kemudian dia itu tidak akan berpatah balik dari iman itu setelah hakikatnya tertanam kukuh di dalam hatinya.

Orang-orang Munafiqin yang mendakwa beriman itu tidak dapat menunjukkan buktinya apabila mereka diajak supaya mereka berhakimkan Rasulullah s.a.w. mengikut syari'at Allah yang dibawa oleh-Nya:

وَإِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ إِذَا فَرِيقٌ
مِّنْهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٤٨﴾
وَإِن يَكُن لَّهُمُ ٱلْحَقُّ يَأْتُوٓا۟ إِلَيْهِ مُذْعِنِينَ ﴿٤٩﴾

"Dan apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi hakim mengadili di antara mereka, tiba-tiba segolongan dari mereka enggan (datang kepadanya) (48). Dan jika mereka memperolehi hak (dalam pengadilan itu) mereka akan datang kepadanya dengan patuh."(49)

Mereka memang tahu bahawa hukum Allah dan Rasul-Nya tidak pernah menyeleweng dari kebenaran, tidak pernah melencong dibawa hawa nafsu dan tidak pernah terpengaruh kepada perasaan pilih kasih dan menolak musuh, tetapi golongan Munafiqin sebenarnya tidak inginkan kebenaran dan keadilan. Oleh sebab itulah mereka menolak dari berhakimkan Rasulullah s.a.w. Mereka enggan datang berhakimkannya. Tetapi andainya mereka merupakan pihak yang berhak di dalam mana-mana kes, mereka akan datang dengan segera berhakimkan Rasulullah s.a.w., mereka akan menerima keputusan beliau dengan penuh rela dan patuh, kerana mereka yakin bahawa beliau akan membuat keputusan menyerahkan hak mereka kepada mereka mengikut

peraturan syari'at Allah yang tidak pernah menzalimi dan mengurangkan apa sahaja hak.

Golongan yang mendakwa beriman kemudian bertindak dengan kelakuan yang menyeleweng itu merupakan contoh golongan Munafiqin yang wujud di setiap zaman dan tempat. Golongan Munafiqin memang tidak berani menyatakan kekafiran mereka dengan kata-kata yang terus terang. Oleh sebab itulah mereka berpura-pura menganut agama Islam, tetapi mereka tidak rela diadili dan dihukumkan dengan syari'at atau undang-undang Islam. Kerana itu apabila mereka diseru supaya berhakimkan kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, mereka enggan dan menolak dengan mengemukakan berbagai-bagai alasan dan dalihan:

وَمَآ أُوْلَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"Sebenarnya mereka bukanlah orang-orang yang beriman."(47)

Kerana keimanan mereka tidak betul apabila mereka enggan menerima hukum Allah dan Rasul-Nya. Kecuali mereka mempunyai sesuatu kepentingan barulah mereka rela berhakimkan kepada syari'at atau undang-undang Islam.

Kerelaan menerima hukum Allah dan Rasul-Nya itu menjadi bukti keimanan yang sebenar. Itulah tanda yang membayangkan bahawa hakikat keimanan itu telah tertanam di dalam hati seseorang. Kepatuhan menjunjung hukum Allah dan Rasul-Nya itu merupakan satu peradaban yang wajib (dari setiap Mu'min) terhadap Allah dan Rasulullah. Tiada yang menolak hukum Allah dan Rasul-Nya melainkan mereka yang biadab, yang tidak menjunjung adab sopan Islam dan mempunyai hati yang gelap, yang tidak bersuluhkan nur iman. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengulas perbuatan mereka dengan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang membuktikan adanya penyakit di dalam hati mereka dan memperlihatkan kehairanan terhadap keraguan mereka serta mencela tindak-tanduk mereka yang aneh:

"Apakah dalam hati mereka ada penyakit atau apakah mereka ragu-ragu atau takut Allah dan Rasul-Nya berlaku zalim terhadap mereka?"(50)

Pertanyaan yang pertama untuk membuktikan adanya penyakit di dalam hati mereka, kerana penyakit dalam hati inilah yang wajar melahirkan kesan tindak-tanduk yang seperti itu. Manusia yang mempunyai fitrah yang sihat tidak akan menyeleweng seperti ini, malah adanya penyakit hati inilah yang membuat fitrahnya menyeleweng dari jalan yang lurus dan tidak dapat mencapai hakikat keimanan dan tidak dapat berjalan di atas jalannya yang lurus.

Pertanyaan yang kedua untuk menyatakan kehairanan iaitu apakah mereka meragui hukum Allah, sedangkan mereka mengaku beriman? Apakah mereka meragui hukum itu datang dari Allah? Atau apakah mereka meragui kelayakan dan kebolehan hukum Allah itu dalam menegakkan keadilan? Kedua-dua sikap ini bukanlah jalan yang diikuti para Mu'minin.

Pertanyaan yang ketiga untuk mencela dan menyatakan kehairanan terhadap tindak tanduk mereka yang ganjil ini, iaitu apakah mereka takut Allah dan Rasul-Nya tidak berlaku adil terhadap mereka? Amatlah hairan andainya ada kebimbangan yang seperti ini pada hati seseorang, kerana Allah itu adalah Pencipta dan Tuhan seluruh makhluk. Bagaimana mungkin Allah mengenakan hukuman yang tidak adil ke atas salah seorang dari makhluk-Nya kerana menimbangkan kepentingan salah seorang makhluk-Nya yang lain?

Hukum Allah itu adalah satu-satunya hukum yang bersih dari segala kemungkinan tidak adil kerana Allah bersifat Maha Adil dan tidak pernah menzalim seseorang pun dan seluruh makhluk adalah sama sahaja di hadapan-Nya. Allah tidak pernah menzalimi seseorang kerana kepentingan seseorang yang lain. Tetapi seluruh hukum-hukum yang lain dari hukum Allah adalah mempunyai kemungkinan-kemungkinan zalim dan tidak adil, kerana manusia yang membuat dan menghukum dengan undang-undang sendiri itu tidak berupaya menahan diri mereka dari kecenderungan kepada kepentingan-kepentingan mereka sendiri sama ada mereka itu individu-individu atau golongan atau kerajaan.

Apabila seseorang itu membuat undang-undang sendiri dan menghukum dengan undang-undang itu, maka sudah tentu (dalam rangka penyusunan dan pelaksanaan undang-undang itu) dia memberi perhatiannya ke arah melindungi dirinya sendiri dan kepentingan-kepentingannya. Hal yang sama seperti ini juga akan berlaku apabila satu golongan membuat undang-undang untuk satu golongan yang lain atau apabila sebuah kerajaan membuat undang-undang untuk sebuah kerajaan yang lain atau apabila satu kumpulan negara-negara membuat undang-undang untuk satu kumpulan negara-negara yang lain, tetapi apabila undang-undang itu dibuat oleh Allah, maka di sana tidak ada lagi sebarang maksud untuk melindungi sesuatu kepentingan diri, malah undang-undang itu merupakan suatu keadilan yang mutlaq, yang tidak sanggup dipikul dan dilaksanakan oleh undang-undang dan hukum-hukum yang lain dari syari'at dan hukum Allah.

Justeru itulah orang-orang yang tidak rela menerima hukum Allah dan Rasul-Nya dianggapkan sebagai orang-orang yang zalim kerana mereka tidak mahu keadilan itu terpacak teguh dan mantap, dan tidak ingin kebenaran itu berdiri tegak. Mereka takut

hukum Allah bertindak zalim dan mereka meragui keadilan-Nya.

بَلْ أُولَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٥٠﴾

"Malah sebenarnya merekalah orang-orang yang zalim."(50)

Adapun orang-orang Mu'minin yang sebenar mereka menunjukkan peradaban yang berlainan dari peradaban (kaum Munafiqin) ini. Mereka mempunyai jawapan yang berlainan apabila mereka diseru berhakimkan kepada Allah dan Rasul-Nya mengadili di antara mereka, iaitu satu jawapan yang sesuai dengan sifat orang-orang Mu'minin dan membayangkan bahawa hati mereka telah diterangi nur hidayat Allah:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا۟ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

"Sebenarnya jawapan orang-orang yang beriman apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi hakim mengadili di antara mereka ialah mereka menjawab: Kami mendengar dan Kami patuh, merekalah orang-orang yang mendapat keberuntungan."(51)

Yakni mereka menyatakan kepatuhan dan keta'atan tanpa teragak-agak, tanpa berdolak-dalik dan tanpa menyeleweng, iaitu kepatuhan dan keta'atan yang diambil dari kepercayaan yang mutlaq bahawa hukum Allah dan Rasul-Nya itu adalah hukum yang sebenar dan hukum-hukum yang lain darinya adalah hukum-hukum dari pemikiran hawa nafsu belaka. Ia merupakan kepatuhan dan keta'atan yang terbit dari penyerahan yang mutlaq kepada Allah, Tuhan yang mengurniakan hayat dan mengendalikannya mengikut apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Ia merupakan kepatuhan dan keta'atan yang tercetus dari kepercayaan bahawa apa sahaja kebaikan yang dikehendaki Allah terhadap manusia adalah lebih baik dari kebaikan yang dikehendaki mereka terhadap diri mereka sendiri, kerana Allah yang mencipta itu lebih mengetahui kepentingan-kepentingan makhluk yang diciptakan-Nya.

وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

"Merekalah orang-orang yang yang mendapat keberuntungan."(51)

Mereka beruntung kerana Allah sendiri mentadbirkan urusan mereka, mengaturkan hubungan-hubungan mereka dan mengadili di antara mereka dengan ilmu dan keadilan-Nya. Sudah tentu mereka lebih baik dari orang-orang yang ditadbir, diatur dan diadili oleh manusia seperti mereka yang tidak sempurna dan mempunyai sekelumit ilmu pengetahuan sahaja. Mereka beruntung kerana mereka berjalan di atas satu sistem hidup yang lurus, yang tiada bengkang-bengkok dan simpang-siur. Mereka percaya kepada sistem hidup ini dan terus maju di atasnya tanpa teragak-agak. Justeru itulah daya tenaga mereka tidak berbelah bahagi, keutuhan diri mereka tidak dikotak-katikkan hawa nafsu. Mereka tidak hanyut dipimpin nafsu-nafsu keinginan kerana jalan Ilahi yang terang dan lurus telah terbentang di hadapan mereka:

وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَخْشَ ٱللَّهَ وَيَتَّقْهِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٥٢﴾

"Dan barangsiapa yang menta'ati Allah dan Rasul-Nya, serta takut dan bertaqwa kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan."(52)

Perbezaan Di Antara Pengertian Takut Dan Taqwa

Ayat-ayat yang silam membicarakan tentang keta'atan dan kepatuhan kepada hukum-hukum Allah, sekarang ayat-ayat ini memperkatakan tentang keta'atan secara keseluruhan yang merangkul segala perintah dan larangan Allah yang disertai dengan takut dan taqwa kepada-Nya. Pengertian taqwa lebih umum dari pengertian takut, kerana pengertian taqwa ialah bermuraqabah dengan Allah dan menyedari kewujudan-Nya pada segala tindakan-Nya sama ada kecil atau besar serta merasa segan melakukan sesuatu yang dibencikan Allah kerana menghormati zat-Nya Yang Maha Suci dan kerana silu-malu kepada-Nya di samping merasa takut kepada-Nya.

Barangsiapa yang menta'ati Allah dan Rasul-Nya serta takut dan bertaqwa kepada Allah, merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan dan keselamatan dunia dan Akhirat. Janji Allah tetap dikota dan Dia tidak akan menyalahi janji-Nya. Merekalah orang-orang yang wajar mendapat kejayaan kerana mereka memiliki sarana-sarana-Nya yang terdapat di alam realiti hidup mereka sendiri. Keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya memerlukan kepada kesanggupan berjalan di atas jalan agamanya yang lurus yang digaris oleh Allah untuk umat manusia dengan ilmu dan hikmat kebijaksanaan-Nya. Tabi'at agama Allah itu sendiri membawa manusia ke arah mencapai kejayaan dunia dan Akhirat. Takut dan bertaqwa kepada Allah merupakan pengawal yang menjaminkan kejujuran mereka mengikuti jalan agama Allah dan menolak panggilan pesona-pesona yang menyeru mereka di tepi-tepi jalan itu. Justeru itu mereka berjalan terus tanpa menyeleweng dan menoleh ke sana sini.

Peradaban ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya di samping takut dan bertaqwa kepada-Nya adalah satu peradaban yang amat tinggi, yang membayangkan sejauh mana hati seseorang itu telah diterangi nur hidayat Allah dan sejauh mana ia telah berhubung dengan Allah dan merasa kehebatan-Nya. Justeru itu setiap keta'atan yang tidak ditegakkan di atas keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya dan tidak diambil darinya adalah satu perbuatan menghinakan diri yang ditolak oleh orang yang berjiwa mulia dan dijijikkan oleh orang yang beriman. Hati nuraninya tidak dapat menerima keta'atan yang seperti itu,

kerana orang Mu'min yang sebenar tidak akan menundukkan kepalanya melainkan hanya kepada Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa.

Selepas membandingkan di antara kebaikan peradaban orang-orang yang beriman dengan keburukan peradaban orang-orang yang Munafiq, di mana mereka diseru supaya beriman tetapi mereka tidak juga beriman, maka Al-Qur'an kembali semula menyempurnakan pembicaraannya tentang kaum Munafiqin itu:

وَأَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَٰنِهِمْ لَئِنْ أَمَرْتَهُمْ لَيَخْرُجُنَّ ۖ قُل لَّا تُقْسِمُوا۟ ۖ طَاعَةٌ مَّعْرُوفَةٌ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٥٣﴾

قُلْ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حُمِّلَ وَعَلَيْكُم مَّا حُمِّلْتُمْ ۖ وَإِن تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا۟ ۚ وَمَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٥٤﴾

"Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah sekuat-kuat sumpah jika engkau menyuruh mereka (keluar berperang) nescaya mereka pasti keluar. Katakanlah: Tak usahlah kamu bersumpah (kerana keta'atan kamu adalah) suatu keta'atan yang terkenal. Sesungguhnya Allah Maha Mendalam ilmu-Nya terhadap apa sahaja yang dilakukan kamu (53). Katakanlah: Ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul, dan andainya mereka berpaling, maka tanggungjawab Rasul ialah kewajipan yang ditugaskan kepadanya dan tanggungjawab kamu ialah kewajipan yang ditugaskan kepada kamu. Dan jika kamu menta'atinya, nescaya kamu akan mendapat hidayat dan tiada tanggungjawab Rasul melainkan hanya menyampaikan perintah dengan penerangan yang jelas."(54)

Orang-orang Munafiqin telah bersumpah kepada Rasulullah s.a.w. iaitu jika beliau menyuruh mereka keluar berjihad, maka mereka tentu akan keluar, sedangkan Allah tahu bahawa mereka berdusta. Allah menjawab sumpah mereka dengan satu jawapan yang mengejek cara keimanan mereka itu.

قُل لَّا تُقْسِمُوا۟ ۖ طَاعَةٌ مَّعْرُوفَةٌ ۚ

"Katakanlah:Tak usahlah kamu bersumpah (kerana keta'atan kamu adalah) suatu keta'atan yang terkenal"(53)

tidak payahlah kamu bersumpah kerana keta'atan kamu memang dikenali semua orang. Ia tidak lagi memerlukan kepada sumpah atau kata-kata yang tegas. Ungkapan ini samalah dengan jawapan anda kepada orang yang anda kenal sebagai pembohong yang diketahui umum "tidak payahlah awak bersumpah untuk membuktikan awak bercakap benar, kerana ia sangat jelas dan tidak memerlukan kepada sebarang bukti lagi."

Kemudian ejekan itu diiringi dengan sebuah kenyataan:

إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٥٣﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mendalam Ilmu-Nya terhadap apa sahaja yang dilakukan mereka."(53)

Oleh sebab itulah Allah tidak memerlukan sumpah dan kata-kata yang tegas. Allah telah pun mengetahui bahawa kamu tidak akan ta'at dan tidak akan keluar berjihad.

Kerana inilah Allah kembali menyuruh mereka supaya ta'at dengan keta'atan yang sebenar bukan dengan keta'atan cara mereka yang dikenali umum itu:

قُلْ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ ۖ

"Katakanlah: Ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul"(54)

فَإِن تَوَلَّوْا۟

"Dan andainya mereka berpaling"(54)

dan menolak atau menunjuk sikap talam dua muka atau tidak melaksanakan (janji mereka):

فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حُمِّلَ

"Maka tanggungjawab Rasul ialah kewajipan yang ditugaskan kepadanya"(54)

iaitu menyampaikan perutusan Allah dan beliau telah pun menunaikan tugas ini dengan sempurnanya.

وَعَلَيْكُم مَّا حُمِّلْتُمْ ۖ

"Dan tanggungjawab kamu ialah kewajipan yang ditugaskan kepada kamu"(54)

iaitu menunjukkan keta'atan dan keikhlasan, tetapi kamu tidak pernah menunjukkan keta'atan dan keikhlasan itu:

وَإِن تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا۟ ۚ

"Dan jika kamu menta'atinya nescaya kamu akan mendapat hidayat"(54)

Menuju jalan yang lurus yang membawa kepada kejayaan dan keberuntungan.

"Dan tiada tanggungjawab Rasul melainkan hanya menyampaikan perintah dengan penerangan yang jelas"(54)

Justeru itu beliau tidak bertanggungjawab terhadap keimanan kamu dan beliau tidak dianggap sebagai tidak menunaikan tugasnya, jika kamu enggan mematuhinya, malah kamulah sendiri yang bertanggungjawab dan yang akan menerima balasan terhadap kesalahan menderhaka perintah Allah dan Rasul-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 55)

Setelah menayangkan keadaan Munafiqin yang berakhir dengan kesudahan yang baru diceritakan tadi, Al-Qur'an meninggalkan mereka dan berpaling dari mereka untuk memperkatakan tentang orang-orang Mu'min yang patuh dan ta'at. Ia menerangkan balasan keta'atan yang ikhlas, dan keimanan yang disertakan amalan yang akan diterima mereka di dunia ini lagi sebelum tibanya hari hisab terakhir:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ كَمَا ٱسْتَخْلَفَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ ٱلَّذِى ٱرْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا ۚ يَعْبُدُونَنِى لَا يُشْرِكُونَ بِى شَيْـًٔا ۚ وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٥٥﴾

"Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dari kamu dan mengerjakan amalan yang soleh bahawa Dia akan melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi ini sebagaimana Dia telah melantikkan orang-orang sebelum mereka menjadi khalifah dan Dia akan memberi kedudukan yang teguh kepada agama mereka yang diredhai-Nya dan akan menggantikan keamanan kepada mereka setelah mereka berada di dalam ketakutan. Mereka beribadat kepada-Ku tanpa mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain. Dan barangsiapa yang kafir selepas (penganugerahan ni'mat-ni'mat) itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq."(55)

Janji Allah Yang Besar Kepada Umat Muslimin

Itulah janji Allah kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dari umat Muhammad s.a.w. Allah berjanji untuk mengangkatkan mereka sebagai khalifah Allah di bumi ini dan untuk mengukuhkan kedudukan agama Islam yang telah diperkenankan-Nya untuk mereka dan seterusnya untuk menukarkan keadaan mereka yang hidup di dalam ketakutan dan kebimbangan kepada keadaan yang aman. Itulah janji Allah dan janji-Nya tetap benar, kerana Allah tidak akan menyalahi janji-Nya. Apakah hakikat keimanan itu? Dan apakah hakikat perlantikan khalifah itu?

Hakikat keimanan yang dapat mencapai janji Allah itu adalah suatu hakikat yang amat besar yang merangkul dan mempengaruhi seluruh kegiatan manusia. Sebaik sahaja hakikat keimanan itu bertunjang di dalam hati ia terus menunjukkan dirinya dalam bentuk amalan, kegiatan dan pembangunan yang ditujukan kepada Allah dan dibuat kerana Allah. Hakikat keimanan ialah keta'atan kepada Allah dan menyerah patuh kepada perintah Allah sama ada dalam perkara kecil atau besar, iaitu keta'atan yang tidak meninggal ruang kepada keinginan hawa nafsu di dalam jiwa, di dalam hati dan di dalam fitrah, malah ia hanya menta'ati ajaran-ajaran yang dibawa Rasulullah s.a.w. dari Allah S.W.T.

Itulah keimanan yang merangkul keseluruhan diri manusia, iaitu merangkul segala fikiran di dalam mindanya, segala perasaan di dalam hatinya, segala kerinduan di dalam jiwanya, segala keinginan di dalam fitrahnya, segala harakat jasmaninya, segala gerak-geri anggotanya dan segala tindak-tanduknya terhadap Allah dan terhadap manusia seluruhnya. Seluruhnya bertawajjuh kepada Allah yang digambarkan di dalam firman Allah S.W.T. di dalam ayat ini sendiri ketika memberi alasan mengenai perlantikan khalifah, pengukuhan kedudukan agama dan pemberian keamanan:

يَعْبُدُونَنِى لَا يُشْرِكُونَ بِى شَيْـًٔا ۚ

"Mereka beribadat kepada-Ku tanpa mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain."(55)

Syirik mempunyai berbagai-bagai pintu masuk dan berbagai-bagai bentuk dan warna. Bertawajjuh kepada yang lain dari Allah dengan sesuatu amalan atau perasaan merupakan salah satu bentuk syirik yang berbagai-bagai jenis.

Itulah keimanan yang menjadi satu sistem hidup yang lengkap, yang merangkumi segala apa yang diperintahkan Allah termasuk kela-kerja menyediakan sebab-sebab, kerja-kerja mengadakan alat-alat kelengkapan, kerja-kerja mengadakan sarana-sarana dan persediaan-persediaan untuk memikul tugas amanah agung di muka bumi ini, iaitu amanah menjadi khalifah.

Apakah hakikat perlantikan khalifah di bumi?

Konsep Perlantikan Manusia Sebagai Khalifah Di Bumi

Ia bukannya semata-mata berkuasa, menakluk dan memerintah, malah ia merangkumi semuanya ini dengan syarat ianya digunakan untuk islah, pembangunan dan pembinaan, dan seterusnya untuk menegakkan sistem hidup yang telah digariskan Allah untuk umat manusia supaya mereka mengikutinya dan supaya mereka sampai dengan perantaraan sistem ini ke tingkat kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah kepada mereka di muka bumi ini, iaitu tingkat kesempurnaan yang sesuai dengan makhluk manusia yang telah dimuliakan Allah.

Menjadi khalifah di bumi ini ialah menunjukkan kemampuan dan kebolehan membangun dan mengislahkan bumi bukannya meruntuh dan merosak, menunjukkan kemampuan dan kebolehan menegakkan keadilan dan ketenteraman bukannya menegakkan kezaliman dan kekerasan, juga menunjukkan kemampuan dan kebolehan meningkatkan jiwa manusia an sistem hidup manusia bukannya menurunkan individu dan masyarakat manusia ke taraf haiwan.

Perlantikan menjadi khalifah di bumi inilah yang dijanjikan Allah kepada orang-orang yang beriman dan mengelakan amalan-amalan yang soleh. Allah telah berjanji untuk melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi ini sebagaimana Allah telah melantikkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh sebelum mereka supaya mereka menegakkan cara hidup yang dikehendaki Allah, menegakkan keadilan yang dikehendaki-Nya dan supaya mereka membawa umat manusia maju ke depan menuju ke jalan kesempurnaan yang telah ditetapkan untuk mereka pada hari mereka dijadikan Allah. Adapun orang-orang yang berkuasa dan memerintah dengan melakukan kerosakan di bumi, menyebarkan kezaliman dan pencerobohan dan membawa manusia ke taraf haiwan, maka mereka bukanlah khalifah-khalifah yang dilantikkan di bumi ini, malah mereka adalah kumpulan manusia yang sedang diuji Allah dengan kekuasaan yang ada pada mereka atau kumpulan manusia yang menjadi batu ujian untuk menguji orang-orang yang lain dari mereka, iaitu rakyat jelata yang diperintah oleh mereka kerana sesuatu hikmat yang ditetapkan Allah.

Alasan kefahaman ini terhadap hakikat perlantikan khalifah itu adalah diambil dari firman Allah selepas menyatakan janji perlantikan khalifah itu iaitu:

وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ ٱلَّذِى ٱرْتَضَىٰ لَهُمْ

"Dan Dia akan memberi kedudukan yang teguh kepada agama mereka yang diredhai-Nya"(55)

pengukuhan kedudukan agama itu adalah terlaksana dengan mengukuhkan kedudukannya di dalam hati dan mengukuhkan kedudukannya dalam urusan mengendali dan mentadbirkan kehidupan manusia. Jadi, Allah telah berjanji akan melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi dan menjadi agama yang diredhai-Nya,itu menguasai (perjalanan hidup) di bumi ini. Agama mereka menyuruh melaksanakan islah, menegakkan keadilan, mengawal dan mengatasi nafsu-nafsu keinginan dunia. Ia menyuruh membangun dan memakmurkan bumi dan mengambil manfa'at dari segala kekayaan, khazanah simpanan dan tenaga-tenaga yang diisikan Allah di bumi ini serta bertawajjuh kepada Allah dengan segala kegiatan yang dilakukan mereka di muka bumi ini.

وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا

"Dan akan menggantikan keamanan kepada mereka setelah mereka berada dalam ketakutan"(55)

mereka sebelum ini berada dalam ketakutan. Mereka tidak merasa aman dan tidak pernah meletakkan senjata mereka walaupun selepas Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah selaku pengkalan pertama Islam.

Ujar ar-Rabi' ibn Anas dari Abul-'Aliyah mengenai ayat ini: Nabi s.a.w. dan para sahabatnya berada di Makkah kira-kira sepuluh tahun berda'wah kepada-Nya sahaja tanpa sebarang sekutu. Mereka berda'wah secara sembunyi-sembunyi kerana takut dan kerana mereka tidak diperintah berperang sehingga mereka disuruh berpindah ke Madinah, dan di sanalah baru mereka diperintahkan Allah supaya berperang. Mereka berada di Madinah dalam keadaan ketakutan dan kebimbangan, mereka bersenjata pagi dan petang. Mereka sabar hidup dalam keadaan seperti itu sehingga ada seorang sahabat bertanya Rasulullah s.a.w.: 'Wahai Rasulullah! Adakah selama-lamanya kita berada dalam ketakutan begini? Apakah ada satu hari nanti, di mana kita semua merasa aman dan dapat meletakkan senjata?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Kamu tidak akan dikehendaki bersabar melainkan hanya sebentar sahaja lagi sehingga (tiba satu masa) di mana seorang dari kamu dapat duduk di tengah khalayak ramai tanpa membawa satu besi pun (senjata)." Lalu Allah menurunkan ayat ini dan tidak lama kemudian Allah menjadikan Nabi-Nya berjaya menguasai seluruh Semenanjung Tanah Arab. Ketika itu barulah mereka dapat hidup aman dan dapat meletakkan senjata. Kemudian setelah Nabi Muhammad s.a.w. diwafatkan Allah dan umat Muslimin terus hidup di dalam pemerintahan Abu Bakr, 'Umar dan 'Uthman sehingga mereka terseret ke dalam pertelingkahan lalu Allah menjadikan mereka kembali berada di dalam ketakutan dan menyebabkan mereka terpaksa menggunakan pengawal-pengawal dan mata-mata. Mereka telah mengubahkan sikap mereka lalu Allah mengubahkan keadaan mereka.

وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٥٥﴾

"Dan barangsiapa yang kafir selepas (penganugerahan ni'mat-ni'mat) itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq"(55)

yang melanggar syarat-syarat Allah dan janji-Nya.

Janji Allah ditepati sekali dan akan terus ditepati dan akan terus menjadi kenyataan selama orang-orang Islam menyempurnakan syarat Allah iaitu:

يَعْبُدُونَنِى لَا يُشْرِكُونَ بِى شَيْـًٔا

"Mereka beribadat kepada-Ku tanpa mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain"(55)

samaada berupa tuhan-tuhan sembahan atau hawa nafsu. Mereka beriman dengan keimanan yang sebenar dan mengerjakan amalan yang soleh. Janji Allah itu tetap disimpan untuk mereka yang memenuhi syarat Allah dari kalangan umat Muslimin sehingga hari Qiamat. Kelewatan mendapat kemenangan, mendapat kuasa khalifah, mendapat kedudukan yang teguh dan mendapat keamanan adalah disebabkan kerana kekurangan syarat Allah dari mana-mana aspeknya yang amat luas itu atau kerana tidak sempurnanya penunaian salah satu taklif

dari taklif-taklif-Nya yang besar itu. Sehingga apabila umat Muslimin mengambil pengajaran dari ujian-ujian Allah dan berjaya mengatasinya, di mana mereka berada di dalam ketakutan lalu berjuang mencari keamanan atau berada di dalam keadaan yang hina lalu berjuang mencari kedudukan yang mulia atau berada dalam keadaan kemunduran lalu berjuang untuk memegang teraju kekuasaan khalifah. Apabila semua perjuangan ini dilakukan dengan sarana-sarana yang dikehendaki Allah dan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkannya nescaya terkotalah janji Allah yang tidak pernah mungkir, dan janji itu tidak mungkin lagi dihalang mana-mana kekuatan dari seluruh kekuatan yang ada di muka bumi ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 57)

Justeru itulah Al-Qur'an iringi janji ini dengan perintah supaya mendirikan solat, menunaikan zakat dan menunjukkan keta'atan dan kepatuhan, juga supaya Rasulullah s.a.w. dan umatnya jangan membuat perhitungan yang besar kepada kekuatan orang-orang kafir yang memerangi mereka dan menentang agama mereka yang telah diredhai-Nya:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

لَا تَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مُعْجِزِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ وَمَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ ۖ وَلَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٥٧﴾

"Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat dan ta'atilah Rasul supaya kamu dilimpahkan rahmat (Allah) (56). Janganlah engkau mengira orang-orang yang kafir itu dapat melemahkan kekuasaan Allah di bumi ini. Tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(57)

Inilah persediaan-persediaan (ke arah penepatan janji Allah) iaitu membuat perhubungan yang rapat dengan Allah, membetulkan hati dengan mendirikan solat, menguasai sifat bakhil, membersihkan diri dan masyarakat dengan menunaikan zakat, menunjukkan keta'atan kepada Rasul dan redha dengan hukuman yang diputuskan beliau, menjalankan syari'at Allah dalam segala urusan kecil dan besar dan menegakkan sistem hidup yang dikehendaki Allah:

لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

"Supaya kamu dilimpahkan rahmat (Allah)"(56)

di dunia ini dengan menyelamatkan kamu dari kerosakan, kejatuhan, ketakutan, kecemasan dan kesesatan, dan menyelamatkan kamu di Akhirat dari kemurkaan, ke'azaban dan kesengsaraan.

Apabila kamu telah berjalan lurus mengikut agama Allah, maka janganlah kamu menaruh apa-apa kebimbangan terhadap kekuatan orang-orang kafir kerana mereka tidak akan dapat melemahkan kekuasaan Allah di muka bumi ini. Kekuatan mereka yang lahir tidak akan dapat menghalangi jalan kamu, malah kamu (adalah satu umat) yang kuat dan gagah dengan keimanan kamu, gagah dan kuat dengan sistem hidup kamu, gagah dan kuat dengan persediaan dan kelengkapan yang telah disediakan sedaya upaya kamu. Mungkin juga kamu dari segi kelengkapan kebendaan tidak sekuat dan segagah mereka, tetapi hati Mu'min yang berjuang dapat melahirkan kekuatan-kekuatan yang luar biasa dan mengkagumkan.

Islam adalah satu hakikat yang amat besar, yang pasti dipenuhi oleh sesiapa yang ingin mencapai hakikat janji Allah yang disebut di dalam ayat-ayat tadi. Dia harus mencari buktinya di dalam sejarah umat manusia dengan memahami syarat-syaratnya yang sebenar sebelum dia meragui hakikat janji itu atau merasa lambat terlaksananya janji itu dalam mana-mana keadaan.

Setiap kali umat Muslimin berjalan lurus di atas agama Allah dan menjadikannya sebagai sistem hidup mereka dan merelakannya menjadi peraturan di dalam segala urusan mereka, maka akan terlaksanalah janji Allah yang mahu melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi ini, mengukuhkan kedudukan agama mereka dan menegakkan keamanan (dalam masyarakat mereka) dan setiap kali umat Muslimin melanggar ajaran agama Allah, mereka akan tertinggal di belakang angkatan umat-umat yang lain dan akan hidup dalam keadaan yang hina, di mana agama mereka akan diusir dari menguasai manusia dan hidup mereka dikongkong ketakutan dan kedudukan mereka menjadi sasaran serangan musuh-musuh.

Sesungguhnya tawaran janji Allah tetap wujud dan syarat-syarat-Nya memang diketahui umum. Oleh sebab itu sesiapa yang ingin mencapai janji Allah, maka hendaklah mereka penuhi syarat-syarat-Nya dan siapakah yang lebih sempurna melaksanakan janji-Nya selain dari Allah?

(Kumpulan ayat-ayat 58 - 64)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِيَسْتَـْٔذِنكُمُ ٱلَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ وَٱلَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا۟ ٱلْحُلُمَ مِنكُمْ ثَلَٰثَ مَرَّٰتٍ ۚ مِّن قَبْلِ صَلَوٰةِ ٱلْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُم مِّنَ ٱلظَّهِيرَةِ وَمِنۢ بَعْدِ صَلَوٰةِ ٱلْعِشَآءِ ۚ ثَلَٰثُ عَوْرَٰتٍ لَّكُمْ ۚ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌۢ بَعْدَهُنَّ ۚ طَوَّٰفُونَ عَلَيْكُم بَعْضُكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾

وَإِذَا بَلَغَ ٱلْأَطْفَٰلُ مِنكُمُ ٱلْحُلُمَ فَلْيَسْتَـْٔذِنُوا۟
كَمَا ٱسْتَـْٔذَنَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ
ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٩﴾
وَٱلْقَوَٰعِدُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ ٱلَّٰتِى لَا يَرْجُونَ نِكَاحًا
فَلَيْسَ عَلَيْهِنَّ جُنَاحٌ أَن يَضَعْنَ ثِيَابَهُنَّ غَيْرَ
مُتَبَرِّجَٰتٍۭ بِزِينَةٍ ۖ وَأَن يَسْتَعْفِفْنَ خَيْرٌ لَّهُنَّ ۗ
وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٦٠﴾

لَّيْسَ عَلَى ٱلْأَعْمَىٰ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا
عَلَى ٱلْمَرِيضِ حَرَجٌ وَلَا عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَن تَأْكُلُوا۟
مِنۢ بُيُوتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ ءَابَآئِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
أُمَّهَٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ إِخْوَٰنِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
أَخَوَٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَعْمَٰمِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
عَمَّٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَخْوَٰلِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
خَٰلَٰتِكُمْ أَوْ مَا مَلَكْتُم مَّفَاتِحَهُۥٓ
أَوْ صَدِيقِكُمْ ۚ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن
تَأْكُلُوا۟ جَمِيعًا أَوْ أَشْتَاتًا ۚ فَإِذَا دَخَلْتُم بُيُوتًا
فَسَلِّمُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُبَٰرَكَةً
طَيِّبَةً ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ
لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦١﴾

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِذَا
كَانُوا۟ مَعَهُۥ عَلَىٰٓ أَمْرٍ جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا۟ حَتَّىٰ يَسْتَـْٔذِنُوهُ ۚ
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَـْٔذِنُونَكَ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۚ فَإِذَا ٱسْتَـْٔذَنُوكَ لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ
فَأْذَن لِّمَن شِئْتَ مِنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمُ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ
ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٢﴾

لَّا تَجْعَلُوا۟ دُعَآءَ ٱلرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَآءِ
بَعْضِكُم بَعْضًا ۚ قَدْ يَعْلَمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ
مِنكُمْ لِوَاذًا ۚ فَلْيَحْذَرِ ٱلَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ
أَمْرِهِۦٓ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾
أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ قَدْ يَعْلَمُ مَآ
أَنتُمْ عَلَيْهِ وَيَوْمَ يُرْجَعُونَ إِلَيْهِ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا۟ ۗ
وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌۢ ﴿٦٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke kamar kamu) pada tiga waktu, iaitu sebelum sembahyang Subuh, dan sewaktu kamu membuka pakaian kamu kerana kepanasan tengahari dan sesudah sembahyang Isyak. Itulah tiga waktu (berlakunya) pendedahan 'aurat bagi kamu. Tiada apa-apa kesalahan bagi kamu dan bagi mereka selepas tiga waktu itu, (kerana mereka) adalah orang-orang yang selalu keluar masuk ke atas kamu kerana melayani satu sama lain. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (58). Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sebagaimana (orang-orang yang telah cukup umur yang disebut) sebelum mereka. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (59). Dan perempuan-perempuan tua yang telah putus haid, yang tidak ingin lagi berkahwin, maka tiadalah apa-apa kesalahan bagi mereka menanggalkan setengah-setengah pakaian mereka tanpa bertujuan mendedahkan perhiasan mereka, tetapi memelihara kesucian diri (tanpa menanggalkan pakaian-pakaian itu) adalah lebih baik bagi mereka, dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (60). Tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang buta, dan tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang tempang, dan tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang sakit, dan tiada apa-apa kesalahan bagi kamu (dan bagi mereka) turut makan di rumah-rumah kamu atau di rumah bapa-bapa kamu, atau di rumah ibu-ibu kamu atau di rumah saudara-saudara kamu yang lelaki atau di rumah saudara kamu yang perempuan atau di rumah bapa-bapa saudara kamu yang lelaki (sebelah bapa) atau di rumah-rumah ibu-ibu saudara kamu yang perempuan (sebelah bapa) atau di rumah bapa-bapa saudara kamu yang lelaki (sebelah ibu) atau di rumah ibu-ibu saudara kamu yang perempuan (sebelah ibu) atau di rumah yang kamu memegang anak kuncinya atau di rumah sahabat kamu. Tiada apa kesalahan bagi kamu makan bersama-sama atau berasing-asing. Dan apabila kamu masuk mana-mana rumah kediaman, maka hendaklah kamu ucapkan salam kepada diri kamu, iaitu ucapan salam dari

Allah, yang penuh keberkatan dan kebaikan. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu berfikir (61). Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah di dalam sesuatu urusan yang memerlukan perhimpunan ramai, mereka tidak pergi (dari perhimpunan itu) sehingga mereka meminta keizinan dari engkau. Merekalah orang-orang yang sebenar beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan apabila mereka meminta keizinan dari engkau kerana menunaikan beberapa urusan mereka, maka berikanlah keizinan kepada sesiapa yang engkau kehendaki di antara mereka dan pohonkanlah keampunan dari Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (62). Janganlah kamu jadikan panggilan terhadap Rasul di antara kamu sama seperti panggilan terhadap sesama kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang menyusup keluar (dari perhimpunan) secara senyap-senyap dengan melindungkan diri di antara kamu. Oleh itu hendaklah orang-orang yang melanggar perintah-Nya itu merasa takut bahawa mereka akan ditimpa bala bencana atau ditimpakan 'azab yang amat pedih (63). Ketahuilah! Sesungguhnya Allah itu memiliki segala isi langit dan bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan kamu sekarang ini dan keadaan pada hari (seluruh manusia) dikembalikan kepada-Nya, dan (di sana) Dia akan memberitahu kepada mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(64)

Islam adalah suatu sistem hidup yang lengkap. Ia mengatur kehidupan manusia dalam segala peringkat perkembangan dan tahapnya, ia menyusun segala perhubungan dan pertaliannya dan segala gerak dan diamnya. Oleh sebab itulah Islam mengambil berat menerangkan peradaban-peradaban harian yang kecil, sebagaimana ia menerangkan tugas-tugas besar yang lain dan menyelaraskan semuanya, dan pada akhirnya ia membawa mereka dengan peradaban-peradaban ini bertawajjuh kepada Allah.

Surah ini merupakan satu contoh dari penyelarasan itu. Ia mengandungi hukum-hukum hudud di samping hukum meminta keizinan untuk memasuki rumah-rumah kediaman, juga di samping penjelajahan yang jauh di merata pelosok alam al-wujud. Kemudian ayat-ayat surah ini kembali semula memperkatakan tentang kebaikan adab sopan orang-orang Islam yang patuh berhakimkan Allah dan Rasul-Nya dan kebiadaban orang-orang Munafiqin, di samping menerangkan janji Allah yang benar kepada orang-orang yang beriman untuk melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi, mengurniakan keamanan kepada mereka dan mengukuhkan kedudukan agama mereka. Kini dalam pelajaran ini, Al-Qur'an kembali semula menjelaskan peradaban minta izin di dalam rumah, di samping minta izin kerana hendak keluar dari majlis Rasulullah s.a.w. serta mengaturkan peraturan berziarah dan makan minum di antara kaum kerabat dan sahabat handal, di samping menerangkan peradaban yang wajib ketika hendak bercakap atau memanggil Rasulullah s.a.w. Semuanya merupakan peradaban-peradaban yang harus dipatuhi oleh masyarakat Islam dan merupakan peraturan-peraturan untuk mengaturkan perhubungan-perhubungan mereka. Al-Qur'an mengasuh dan mendidik masyarakat Islam dalam segala bidang hidup mereka sama ada besar atau kecil.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 59)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِيَسْتَـْٔذِنكُمُ ٱلَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ وَٱلَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا۟ ٱلْحُلُمَ مِنكُمْ ثَلَٰثَ مَرَّٰتٍ ۚ مِّن قَبْلِ صَلَوٰةِ ٱلْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُم مِّنَ ٱلظَّهِيرَةِ وَمِنۢ بَعْدِ صَلَوٰةِ ٱلْعِشَآءِ ۚ ثَلَٰثُ عَوْرَٰتٍ لَّكُمْ ۚ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌۢ بَعْدَهُنَّ ۚ طَوَّٰفُونَ عَلَيْكُم بَعْضُكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾

وَإِذَا بَلَغَ ٱلْأَطْفَٰلُ مِنكُمُ ٱلْحُلُمَ فَلْيَسْتَـْٔذِنُوا۟ كَمَا ٱسْتَـْٔذَنَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke kamar kamu) pada tiga waktu, iaitu sebelum sembahyang Subuh, dan sewaktu kamu membuka pakaian kamu kerana kepanasan tengahari dan sesudah sembahyang Isyak. Itulah tiga waktu (berlakunya) pendedahan 'aurat bagi kamu. Tiada apa-apa kesalahan bagi kamu dan bagi mereka selepas tiga waktu itu, (kerana mereka) adalah orang-orang yang selalu keluar masuk ke atas kamu kerana melayani satu sama lain. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(58)

Di dalam surah ini telah pun diterangkan tentang hukum-hukum meminta izin untuk memasuki rumah-rumah kediaman. Di sini pula diterangkan hukum-hukum meminta izin di dalam rumah.

Tiga Waktu Larangan Masuk Kamar Tanpa Minta Izin

Pelayan-pelayan rumah seperti hamba, kanak-kanak mumayyiz yang belum baligh adalah dibenarkan masuk tanpa meminta izin melainkan pada tiga waktu, di mana 'aurat-'aurat biasanya terdedah. Oleh itu dalam waktu-waktu itu mereka pastilah meminta izin sebelum masuk. Waktu-waktu itu ialah pertama waktu sebelum sembahyang Subuh, di mana orang-orang biasanya masih dalam pakaian tidur atau sedang menukar pakaian untuk mengenakan pakai keluar. Kedua waktu tidur tengahari, di mana mereka biasanya menanggalkan pakaian dan memakai pakaian tidur untuk berehat. Ketiga waktu selepas

Isyak, di mana mereka menanggalkan pakaian dan memakai baju tidur. Al-Qur'an menamakan waktu-waktu itu sebagai waktu-waktu 'aurat kerana terdedahnya 'aurat di waktu-waktu itu. Dalam tiga-tiga waktu ini pelayan-pelayan rumah dan kanak-kanak mumayyiz yang belum baligh pastilah meminta izin supaya mereka tidak terpandang 'aurat-'aurat keluarga mereka. Ini adalah satu peradaban yang telah diabaikan oleh sebilangan ramai dalam kehidupan di rumahtangga mereka. Mereka memandang kecil kepada kesan-kesannya yang buruk yang mengganggu ketenteraman jiwa dan saraf dan merosakkan akhlak pelayan-pelayan rumah dan kanak-kanak mumayyiz itu. Mereka menyangka pelayan-pelayan rumah itu tidak akan tergamak melihat 'aurat-'aurat tuanmas-tuanmas, dan kanak-kanak mumayyiz yang belum baligh itu tidak akan berminat dengan pemandangan-pemandangan 'aurat itu, sedangkan pakar-pakar jiwa pada hari ini - setelah ilmu jiwa semakin bertambah maju - telah pun menegaskan bahawa setengah-setengah pemandangan yang dilihat oleh kanak-kanak semasa kecil itu boleh mempengaruhi seluruh hidup mereka dan kadang-kadang menyebabkan mereka mengidap penyakit-penyakit jiwa dan saraf yang sukar disembuh.

Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam Ilmu Pengetahuan-Nya mengajar peradaban ini kepada orang-orang Mu'minin kerana Allah mahu membina satu umat yang sihat jiwa dan sarafnya, bersih hati dan perasaannya, suci sanubari dan fikirannya.

Allah menentukan tiga waktu larangan ini sahaja, kerana waktu-waktu ini mempunyai banyak kemungkinan berlakunya keterdedahan 'aurat. Allah tidak mewajibkan pelayan-pelayan rumah dan kanak-kanak mumayyiz meminta izin setiap masa untuk mengelakkan mereka dari kesukaran dan kesulitan, kerana mereka banyak keluar masuk menemui keluarga mereka disebabkan usia mereka yang masih mentah atau disebabkan mereka hendak memberi perkhidmatan-perkhidmatan:

طَوَّٰفُونَ عَلَيۡكُم بَعۡضُكُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٖۚ

"(Kerana mereka) adalah orang-orang yang selalu keluar masuk ke atas kamu kerana melayani satu sama lain."(58)

Dengan peraturan itu dapat mencapai dua matlamat iaitu menjaga supaya 'aurat-'aurat tidak terdedah dan menghapuskan kesukaran dan kesulitan andainya mereka di wajibkan meminta izin seperti orang-orang dewasa.

Tetapi apabila kanak-kanak telah meningkat usia baligh, maka mereka termasuk dalam hukum orang-orang asing yang wajib meminta izin pada setiap waktu mengikut nas umum yang telah disebut dalam ayat meminta izin.

Kemudian ayat ini diiringi dengan ulasan:

"Dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(59)

Kerana bidang penentuan hukum-hukum ini mempunyai hubungan dengan ilmu Allah yang amat mendalam tentang hakikat jiwa manusia dan peradaban-peradaban yang boleh membawa kebaikan kepadanya, juga mempunyai hubungan dengan hikmat kebijaksanaan Allah dalam mengubati jiwa dan hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 60)

Di dalam surah ini juga telah diterangkan tentang hukum (yang mewajibkan wanita) menyembunyikan perhiasan badan mereka untuk mencegah kesan-kesan yang boleh menimbulkan godaan nafsu berahi (pada kaum lelaki), di sini pula diterangkan pengecualian terhadap perempuan-perempuan tua yang tidak lagi mempunyai keinginan untuk mengauli lelaki dan tubuh mereka juga tidak lagi mempunyai daya-daya penarik yang membangkitkan nafsu keinginan lelaki:

Kelonggaran Kepada Perempuan-perempuan Tua

وَٱلۡقَوَٰعِدُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ ٱلَّٰتِي لَا يَرۡجُونَ نِكَاحٗا فَلَيۡسَ عَلَيۡهِنَّ جُنَاحٌ أَن يَضَعۡنَ ثِيَابَهُنَّ غَيۡرَ مُتَبَرِّجَٰتِۭ بِزِينَةٖۖ وَأَن يَسۡتَعۡفِفۡنَ خَيۡرٞ لَّهُنَّۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٞ ٦٠

"Dan perempuan-perempuan tua yang telah putus haid, yang tidak ingin lagi berkahwin, maka tiadalah apa-apa kesalahan bagi mereka menanggalkan setengah-setengah pakaian mereka tanpa bertujuan mendedahkan perhiasan mereka, tetapi memelihara kesucian diri (tanpa menanggalkan pakaian-pakaian itu) adalah lebih baik bagi mereka, dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(60)

Perempuan-perempuan tua seperti ini tidak salah bagi mereka menanggalkan pakaian-pakaian luar mereka dengan syarat tidak mendedahkan 'aurat-'aurat dan perhiasan badan mereka. Tetapi lebih baik bagi mereka terus kekal berpakaian luar yang lega. Al-Qur'an menamakan perbuatan mengenakan badan dengan pakaian-pakaian luar yang lega itu sebagai perbuatan memelihara kesucian diri (isti'faf) dan mengutamakannya, kerana pendedahan diri mempunyai hubungan dengan rangsangan nafsu berahi dan penutupan tubuh badan mempunyai hubungan dengan kesucian diri. Ini berdasarkan teori Islam bahawa sebaik-baik jalan untuk mencapai kesucian diri itu ialah mengurangkan peluang-peluang

yang membangkitkan nafsu berahi dan menahankan hati manusia dari digoda oleh pesona-pesona seks.

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٦٠﴾

"Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui"(60)

Allah mendengar dan mengetahui segala-galanya. Dia mengetahui segala apa yang diucapkan oleh lidah dan segala apa yang terlintas di dalam hati, kerana yang menjadi perkara pokok di sini ialah niat dan perasaan yang peka di dalam hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 61)

Kemudian Al-Qur'an terus menjelaskan peraturan-peraturan hubungan dan pertalian di antara kaum kerabat dan sahabat handai:

لَّيْسَ عَلَى ٱلْأَعْمَىٰ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْمَرِيضِ حَرَجٌ وَلَا عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَن تَأْكُلُوا۟ مِنۢ بُيُوتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ ءَابَآئِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أُمَّهَٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ إِخْوَٰنِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَخَوَٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَعْمَٰمِكُمْ أَوْ بُيُوتِ عَمَّٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَخْوَٰلِكُمْ أَوْ بُيُوتِ خَٰلَٰتِكُمْ أَوْ مَا مَلَكْتُم مَّفَاتِحَهُۥٓ أَوْ صَدِيقِكُمْ ۚ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَأْكُلُوا۟ جَمِيعًا أَوْ أَشْتَاتًا ۚ فَإِذَا دَخَلْتُم بُيُوتًا فَسَلِّمُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُبَٰرَكَةً طَيِّبَةً ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦١﴾

"Tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang buta, dan tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang tempang, dan tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang sakit, dan tiada apa-apa kesalahan bagi kamu (dan bagi mereka) turut makan di rumah-rumah kamu atau di rumah bapa-bapa kamu atau di rumah ibu-ibu kamu atau di rumah saudara-saudara kamu yang lelaki atau di rumah saudara kamu yang perempuan atau di rumah bapa-bapa saudara kamu yang lelaki (sebelah bapa) atau di rumah-rumah ibu-ibu saudara kamu yang perempuan (sebelah bapa) atau di rumah bapa-bapa saudara kamu yang lelaki (sebelah ibu) atau di rumah ibu-ibu saudara kamu yang perempuan (sebelah ibu) atau di rumah yang kamu memegang anak kuncinya atau di rumah sahabat kamu. Tiada apa kesalahan bagi kamu makan bersama-sama atau berasing-asing. Dan apabila kamu masuk mana-mana rumah kediaman, maka hendaklah kamu ucapkan salam kepada diri kamu, iaitu ucapan salam dari Allah, yang penuh keberkatan dan kebaikan. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu berfikir."(61)

Rumah-rumah Yang Diizin Makan Dengan Bebas

Menurut riwayat, mereka (para sahabat) bermakan minum dengan bebas di rumah-rumah mereka yang tersebut di dalam ayat ini tanpa meminta izin tuan-tuan rumah itu lebih dahulu. Mereka membawa bersama mereka orang-orang buta, tempang, sakit yang miskin di kalangan mereka untuk dijamu makan di rumah-rumah itu. Ini menyebabkan orang-orang buta, tempang dan sakit itu merasa segan hendak makan, dan mereka juga merasa keberatan membawa orang-orang ini tanpa diundang atau tanpa diizin oleh tuan-tuan rumah itu. Hal ini berlaku setelah turunnya ayat:

وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ

"Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang tidak sebenar"

(Surah al-Baqarah: 188)

Mereka mempunyai perasaan yang sangat peka. Mereka takut terjerumus di dalam perbuatan-perbuatan yang dilarangkan Allah. Mereka segan terlibat di dalam perkara-perkara yang ditegah walaupun dari jauh. Oleh sebab itulah Allah menurunkan ayat ini untuk mengangkatkan keseganan dari orang-orang yang buta, orang-orang yang sakit dan orang-orang yang tempang, juga dari anak beranak yang dekat dari bermakan minum di rumah kerabat-kerabat mereka yang dekat dan dari membawa bersama mereka orang-orang yang miskin itu ke rumah-rumah itu. Ini dengan syarat tuan-tuan rumah itu rela dan bersetuju serta tidak mendapat kesusahan kerananya berdasarkan kepada peraturan umum:

لاضرر ولا ضرار

"Tidak dibenarkan melakukan mudharat kepada orang lain dan tidak dibenarkan membalas dengan mudharat"

juga berdasarkan kepada hadith:

لايحل مال امرىء مسلم إلا بطيب نفس

"Tidak halal harta seorang Muslim melainkan dengan kerelaan hatinya." [21]

Oleh kerana ayat ini merupakan ayat perundangan atau tasyrik, maka kita dapati cara pengungkapannya amat halus dari segi pemilihan kata-kata, tertib susunan maudhu' dan penerangan yang jelas, yang tidak meninggalkan ruang bagi sebarang keraguan

---

[21] *Diriwayatkan oleh Imam as-Syafi'i. Hadith ini menjadi sandaran beliau dalam salah satu dalam dua pendapatnya mengenai hukum mukatabah hamba.*

dan kesamaran, juga dari segi tertib susunan kaum kerabat, iaitu pertama-tama dimulakan dengan rumah anak-anak dan suami-suami tanpa menyebut mereka, malah dengan hanya menyebut:

أَن تَأۡكُلُواْ مِنۢ بُيُوتِكُمۡ

"Makan di rumah-rumah kamu"(61)

iaitu termasuk "dalam kata-kata rumah-rumah kamu itu" ialah rumah anak dan rumah suami, kerana rumah anak ialah rumah bapanya dan rumah suami ialah rumah isterinya. Kemudian disebutnya rumah bapa, rumah ibu-ibu, rumah saudara-saudara lelaki, rumah saudara-saudara perempuan, rumah bapa-bapa saudara (sebelah bapa), rumah ibu-ibu saudara (sebelah bapa), rumah bapa-bapa saudara (sebelah ibu) dan rumah ibu-ibu saudara (sebelah ibu), kemudian dimasukkan kedalam golongan kaum kerabat ini ialah penjaga harta seseorang, kerana ia juga berhak memakan harta benda di bawah jagaannya sekadar yang wajar iaitu tidak melebihi keperluan makan minumnya sahaja, kemudian ditambahkan pula dengan rumah-rumah sahabat handai untuk menjalinkan mereka dengan hubungan keluarga dengan syarat tidak mendatangkan kesusahan kepada mereka atau menyakiti mereka, kerana sahabat handai itu kadang-kadang berbesar hati apabila sahabat-sahabat mereka datang makan makanan di rumah mereka tanpa meminta izin.

Setelah selesai menerangkan rumah-rumah yang boleh dimakan dengan bebas, Al-Qur'an menerangkan pula cara makan yang harus:

لَيۡسَ عَلَيۡكُمۡ جُنَاحٌ أَن تَأۡكُلُواْ جَمِيعًا أَوۡ أَشۡتَاتٗاۚ

"Tiada apa-apa kesalahan bagi kamu makan bersama-sama atau berasing-asing"(61)

Kelonggaran Makan Bersendirian Dan Makan Bersama

mengikut adat setengah mereka di zaman jahiliyah, mereka enggan makan bersendirian dan jika mereka tidak mendapati ada orang lain yang dapat makan bersama-sama dengan mereka, maka mereka akan putus selera untuk memakan makanan itu. Oleh sebab itulah Allah angkatkan perasaan segan yang dipaksa-paksakan ini dan mengembalikannya kepada keadaannya yang mudah dan tidak menyusahkan, iaitu Allah memberi kebebasan kepada mereka sama ada mereka hendak makan secara bersendirian atau berkelompok.

Setelah selesai menerangkan cara makan yang diharuskan, maka Al-Qur'an menyebut pula peradaban memasuki rumah-rumah kediaman yang menjadi tempat makan itu:

فَإِذَا دَخَلۡتُم بُيُوتٗا فَسَلِّمُواْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمۡ تَحِيَّةٗ

"Dan apabila kamu masuk mana-mana rumah kediaman, maka hendaklah kamu ucapkan salam kepada diri kamu, iaitu ucapan salam dari Allah yang penuh keberkatan dan kebaikan."(61)

Ini adalah suatu ungkapan yang amat halus, yang menggambarkan hubungan yang kuat di antara orang-orang yang tersebut di dalam ayat ini. Oleh sebab itulah orang yang memberi salam kepada kerabatnya atau sahabatnya bererti ia memberi salam kepada dirinya sendiri. Dan ucapan salam yang diucapkannya itu adalah ucapan salam dari Allah yang membawa roh keberkatan dan melepaskan kebaikan yang semerbak harum serta menjalinkan hubungan mesra di antara mereka dengan tali yang kukuh yang tidak akan putus.

Demikianlah hati orang-orang yang beriman tertambat dengan Allah dalam segala urusan mereka kecil atau besar:

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلۡأٓيَٰتِ لَعَلَّكُمۡ تَعۡقِلُونَ ﴿٦١﴾

"Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu berfikir"(61)

dan memahami hikmat dan penyusunan Allah yang rapi di sebalik sistem hidup yang diatur oleh-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 62 - 64)

Peradaban-peradaban Ketika Berkumpul Bersama Rasulullah Dalam Urusan Umum

Kemudian Al-Qur'an beralih dari penyusunan hubungan-hubungan di antara kaum kerabat dan sahabat handai kepada penyusunan hubungan di antara keluarga besar iaitu keluarga kaum Muslimin dengan ketua dan pemimpin mereka Nabi Muhammad s.a.w., juga kepada peradaban-peradaban orang-orang Islam ketika berada di majlis Rasulullah s.a.w.:

إِنَّمَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِذَا كَانُواْ مَعَهُۥ عَلَىٰٓ أَمۡرٖ جَامِعٖ لَّمۡ يَذۡهَبُواْ حَتَّىٰ يَسۡتَـٔۡذِنُوهُۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسۡتَـٔۡذِنُونَكَ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۚ فَإِذَا ٱسۡتَـٔۡذَنُوكَ لِبَعۡضِ شَأۡنِهِمۡ فَأۡذَن لِّمَن شِئۡتَ مِنۡهُمۡ وَٱسۡتَغۡفِرۡ لَهُمُ ٱللَّهَۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ﴿٦٢﴾

لَّا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُم بَعْضًا ۚ قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ مِنكُمْ لِوَاذًا ۚ فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾ أَلَا إِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ قَدْ يَعْلَمُ مَا أَنتُمْ عَلَيْهِ وَيَوْمَ يُرْجَعُونَ إِلَيْهِ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا ۗ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٦٤﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah di dalam sesuatu urusan yang memerlukan perhimpunan ramai, mereka tidak pergi (dari perhimpunan itu) sehingga mereka meminta keizinan dari engkau. Merekalah orang-orang yang sebenar beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan apabila mereka meminta keizinan dari engkau kerana menunaikan beberapa urusan mereka, maka berikanlah keizinan kepada sesiapa yang engkau kehendaki di antara mereka dan pohonkanlah keampunan dari Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (62). Janganlah kamu jadikan panggilan terhadap Rasul di antara kamu sama seperti panggilan terhadap sesama kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang menyusup keluar (dari perhimpunan) secara senyap-senyap dengan melindungkan diri di antara kamu. Oleh itu hendaklah orang-orang yang melanggar perintah-Nya itu merasa takut bahawa mereka akan ditimpa bala bencana atau ditimpakan 'azab yang amat pedih (63). Ketahuilah! Sesungguhnya Allah itu memiliki segala isi langit dan bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan kamu sekarang ini dan keadaan pada hari (seluruh manusia) dikembalikan kepada-Nya, dan (di sana) Dia akan memberitahu kepada mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(64)

Sebab turunnya ayat ini mengikut riwayat Ibn Ishaq ialah peristiwa perpaduan orang-orang Quraysy dengan puak-puak (dari qabilah-qabilah Arab dan Yahudi) di dalam Peperangan Khandaq. Apabila Rasulullah s.a.w. mendengar berita mereka dan tujuan perpaduan mereka (hendak menyerang Rasulullah di Madinah), maka beliau pun memerintah supaya digali parit perkubuan. Rasulullah s.a.w. sendiri turut bekerja menggali parit itu untuk menggalakkan orang-orang Islam mendapatkan pahala yang besar. Mereka bekerja keras dan tekun bersama beliau. Hanya orang-orang Munafiqin sahaja yang melambat-lambatkan kerja penggalian itu dari Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam yang lain. Mereka ponteng dari kerja dengan berselindung di sebalik orang yang lemah, mereka keluar dengan senyap-senyap balik kepada keluarga mereka tanpa diketahui dan diizin oleh Rasulullah s.a.w., sedangkan mana-mana orang Islam yang lain apabila mempunyai sesuatu urusan yang perlu, dia bentangkan perkara itu kepada Rasulullah s.a.w. dan memohon kebenaran beliau untuk pulang sebentar menguruskan keperluan-keperluannya, lalu dibenarkan oleh beliau. Dan apabila selesai menguruskan keperluannya dia kembali semula menyambung kerjanya kerana cintakan amalan kebajikan dan mencari ganjaran di sisi Allah. Lalu Allah turunkan ayat:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِذَا كَانُوا مَعَهُ عَلَىٰ أَمْرٍ جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا حَتَّىٰ يَسْتَأْذِنُوهُ ۚ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَأْذِنُونَكَ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۚ فَإِذَا اسْتَأْذَنُوكَ لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ فَأْذَن لِّمَن شِئْتَ مِنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمُ اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah di dalam sesuatu urusan yang memerlukan perhimpunan ramai, mereka tidak pergi (dari perhimpunan itu) sehingga mereka meminta keizinan dari engkau. Merekalah orang-orang yang sebenar beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan apabila mereka meminta keizinan dari engkau kerana menunaikan beberapa urusan mereka, maka berikanlah keizinan kepada sesiapa yang engkau kehendaki di antara mereka dan pohonkanlah keampunan dari Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(62)

Kemudian firman Allah Ta'ala mengenai orang-orang Munafiqin yang menghilangkan diri secara senyap-senyap kerana lari dari kerja menggali parit dan balik tanpa kebenaran dari Nabi s.a.w.:

لَّا تَجْعَلُوا دُعَاءَ الرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُم بَعْضًا ۚ قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ مِنكُمْ لِوَاذًا ۚ فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Janganlah kamu jadikan panggilan terhadap Rasul di antara kamu sama seperti panggilan terhadap sesama kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang menyusup keluar (dari perhimpunan) secara senyap-senyap dengan melindungkan diri di antara kamu. Oleh itu hendaklah orang-orang yang melanggar perintah-Nya itu merasa takut bahawa mereka akan ditimpa bala bencana atau ditimpakan 'azab yang amat pedih."(63)

Biar apa pun sebab turunnya ayat-ayat ini, namun ia tetap mengandungi peradaban-peradaban dan tatatertib diri di antara kelompok dengan pimpinan. Urusan masyarakat akan pincang melainkan apabila

peradaban-peradaban dan tatatertib diri itu terbit dari seluruh perasaan, sentimen dan hati nurani anggota-anggota masyarakat kemudian bertunjang kukuh di dalam kehidupan mereka sebagai satu adat yang dipatuhi dan undang-undang yang berkuatkuasa. Jika tidak ada peradaban-peradaban dan tatatertib ini, maka masyarakat akan menjadi kacau-bilau tanpa batas:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya"(62)

yakni bukannya orang-orang yang mengaku beriman dengan lidah mereka tetapi tidak membuktikan pengakuan itu dengan amalan dan tidak menta'ati Allah dan Rasul-Nya.

وَإِذَا كَانُوا۟ مَعَهُۥ عَلَىٰٓ أَمْرٍ جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا۟ حَتَّىٰ يَسْتَـْٔذِنُوهُ

"Dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah s.a.w. di dalam sesuatu urusan yang memerlukan perhimpunan ramai, mereka tidak pergi (dari perhimpunan itu) sehingga mereka meminta keizinan dari engkau"(62)

maksud dari urusan yang memerlukan perhimpunan ramai itu ialah urusan-urusan penting yang memerlukan penyertaan orang ramai Islam seperti bermesyuarat atau berperang atau mana-mana kegiatan yang bersangkutan dengan kepentingan umum. Orang-orang yang beriman tidak boleh meninggalkan perhimpunan ini melainkan setelah mendapat kebenaran dari pemimpin atau pemerintah mereka supaya urusan itu tidak menjadi kacau-bilau, tanpa kehormatan dan peraturan.

Orang-orang yang beriman seperti ini dan mematuhi peradaban ini tidak akan meminta izin mengundurkan diri melainkan kerana terpaksa, kerana keimanan dan adab sopan mereka yang tinggi itulah yang menghalangi mereka dari mengundurkan diri dari urusan umum yang sedang sibuk difikirkan orang ramai Islam dan memerlukan kepada perhimpunan itu. Walaupun demikian, namun Al-Qur'an menyerahkan persoalan memberi keizinan atau tidak itu kepada pertimbangan Rasulullah selaku ketua masyarakat Islam setelah diserahkan kebebasan itu kepada beliau:

فَإِذَا ٱسْتَـْٔذَنُوكَ لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ فَأْذَن لِّمَن شِئْتَ مِنْهُمْ

"Dan apabila mereka meminta keizinan dari engkau, kerana menunaikan beberapa urusan mereka, maka berikanlah keizinan kepada siapa yang engkau kehendaki di antara mereka."(62)

Sebelum ini Al-Qur'an telah menegur beliau kerana beliau telah memberi keizinan kepada orang-orang Munafiqin:

عَفَا ٱللَّهُ عَنكَ لِمَ أَذِنتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَتَعْلَمَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٤٣﴾

"Allah telah memaafkan engkau (wahai Muhammad) mengapa engkau izinkan mereka (tidak ikut berperang) sebelum jelas kepadamu orang-orang yang benar dan sebelum engkau mengetahui orang-orang yang berdusta."

(Surah at-Taubah: 43)

Kini Al-Qur'an memberi kebebasan penuh kepada beliau, jika beliau suka, beliau boleh memberi kebenaran dan jika beliau tidak suka, beliau boleh menahankan kebenaran itu. Al-Qur'an mengangkatkan halangan dari tidak memberi kebenaran, kerana di sana mungkin ada orang yang mempunyai keperluan yang amat mendesak. Al-Qur'an menyerahkan pertimbangan ini kepada pemimpin orang ramai Islam untuk mempertimbangkan di antara kebaikan mengekalkan mereka berada dalam perhimpunan itu atau membenarkan mereka keluar dari perhimpunan itu. Dialah sahaja yang diserahkan kata pemutus dalam urusan organisasi masyarakat. Dia boleh mengatur dan mentadbirkannya mengikut apa sahaja yang dipandang baik olehnya.

Walaupun begitu, namun Al-Qur'an membayangkan bahawa kesanggupan menepikan keperluan peribadi yang mendesak dan tidak meninggalkan perhimpunan itu adalah lebih baik, dan bahawa meminta kebenaran untuk mengundurkan diri dari perhimpunan itu merupakan suatu kecuaian atau suatu sikap tidak acuh yang memerlukan Nabi s.a.w. memohon keampunan dari Allah kepada mereka yang memohon mengundurkan diri itu:

وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمُ ٱللَّهَ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٢﴾

"Dan pohonkanlah keampunan dari Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(62)

Dengan keterangan ini Al-Qur'an mengikatkan hati kecil orang yang beriman supaya jangan meminta kebenaran mengundurkan diri selagi ia mempunyai jalan yang lain untuk mengatasi keuzuran yang mendesakkannya supaya meminta kebenaran itu.

Kemudian Al-Qur'an menarik perhatian kepada betapa perlunya menghormati Rasulullah s.a.w. ketika mereka meminta kebenaran keluar juga pada setiap masa yang lain. Justeru itu tidaklah wajar beliau dipanggilkan dengan namanya sahaja: "Wahai Muhammad!" Atau dengan gelarannya " Wahai Abu Qasim!" Sebagaimana kebiasaan orang-orang Islam memanggil satu sama lain, malah hendaklah beliau dipanggil dengan gelaran penghormatan dari Allah

لَّا تَجْعَلُوا۟ دُعَآءَ ٱلرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَآءِ

بَعْضِكُم بَعْضًا ۚ

"Janganlah kamu jadikan panggilan terhadap Rasul di antara kamu sama seperti panggilan terhadap sesama kamu."(63)

Peradaban Memanggil Rasulullah

Penghormatan terhadap Rasulullah s.a.w. pastilah dirasakan sepenuhnya oleh semua hati (orang-orang yang beriman) supaya segala perkataan dan arahan beliau diterima mereka dengan penuh perasaan hormat. Ini adalah suatu peringatan yang amat perlu diperhatikan, kerana seorang pendidik dan pemimpin itu pastilah mempunyai kehormatan dan kehebatan diri. Memang di sana ada perbezaan yang jelas di antara perlunya seorang pendidik dan pemimpin bersikap rendah diri, senang didekati dan lemah-lembut dengan sikap orang ramai yang melupakannya sebagai pendidik mereka hingga mereka tergamak memanggilnya begitu sahaja sama seperti mereka memanggil satu sama lain. Seorang pendidik pastilah mempunyai darjat kehormatan di dalam hati orang-orang yang dididik olehnya. Dia pastilah dipandang tinggi dalam perasaan mereka hingga mereka merasa segan dan malu hendak melangkau batas penghormatan itu.

Kemudian Al-Qur'an memberi amaran kepada orang-orang Munafiqin yang menyusup keluar secara diam-diam tanpa izin Rasulullah s.a.w. dengan berselindung di belakang satu sama lain kerana Allah sentiasa melihat mereka walaupun mata Rasulullah tidak melihat mereka:

قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ مِنكُمْ لِوَاذًا ۚ

"Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang menyusup keluar (dari perhimpunan) secara senyap-senyap dengan melindungkan diri di antara kamu"(63)

ini adalah suatu ungkapan yang menggambarkan gerak-geri penyusupan keluar atau mengundurkan diri dari tempat perhimpunan yang dilakukan secara senyap-senyap dan berselindung. Ia menggambarkan sikap pengecut menghadapi kenyataan dan betapa rendahnya gerakan penyusupan keluar itu dan betapa rendahnya perasaan di dalam jiwa mereka yang melakukan penyusupan keluar itu.

فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Dan hendaklah orang-orang yang melanggar perintah-Nya itu merasa takut bahawa mereka akan ditimpa bala bencana atau ditimpakan 'azab yang amat pedih."(63)

Itulah satu amaran dan ancaman yang amat menakut dan mengerikan. Mereka yang melanggarkan perintah Allah dan mengikuti agama yang lain dari agama-Nya serta menyusup keluar dari barisan Muslimin secara diam-diam dengan tujuan mencari sesuatu manfa'at atau menghindari sesuatu mudharat itu hendaklah merasa takut akan ditimpakan bala bencana yang merosakkan segala ukuran, segala neraca pertimbangan dan segala peraturan hingga menyebabkan yang hak bercampuraduk dengan yang batil, yang baik dengan yang jahat, dan seterusnya merosakkan urusan dan kehidupan masyarakat Islam, di mana tiada seorang pun merasa dirinya selamat dan tiada seorang pun yang berhenti di batasnya, dan di mana kebaikan dan kejahatan tidak dapat dibezakan. Itulah masa kecelakaan dan penderitaan kepada semua orang:

أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Atau ditimpakan 'azab yang amat pedih"(63)

di dunia dan Akhirat sebagai balasan terhadap perbuatan mereka melanggar perintah Allah dan menentang agama-Nya yang dipilih untuk mengaturkan kehidupan mereka.

Amaran ini dan juga keseluruhan surah ini ditamatkan dengan satu kenyataan yang menginsafkan hati orang-orang yang beriman dan orang-orang yang sesat bahawa Allah sentiasa melihat dan mengawasi mereka dan amalan mereka serta mengetahui segala rahsia yang disembunyikan di dalam hati mereka.

أَلَا إِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ قَدْ يَعْلَمُ مَا أَنتُمْ عَلَيْهِ وَيَوْمَ يُرْجَعُونَ إِلَيْهِ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا ۗ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٦٤﴾

"Ketahuilah! Sesungguhnya Allah itu memiliki segala isi langit dan bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan kamu sekarang ini dan keadaan pada hari (seluruh manusia) dikembalikan kepada-Nya, dan (di sana) Dia akan memberitahu kepada mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(64)

* * * * * *

Demikianlah surah ini ditamatkan dengan menghubungkan hati dan mata manusia kepada Allah dan mengingatkan mereka supaya takut dan bertaqwa kepada Allah, kerana taqwa itulah jaminan yang terakhir. Ia merupakan pengawal segala suruhan dan larangan dan pengawas akhlak dan peradaban yang diwajibkan Allah di dalam surah ini, dan di sinilah Allah mencantumkan seluruh peradaban itu menjadi satu.

(Tamat Juzu' Yang Kelapan Belas)

Peringatan: Sebenarnya juzu' ini berakhir dengan rubu' pertama Surah al-Furqan, tetapi oleh sebab Surah al-Furqan merupakan satu unit yang mempunyai satu maudhu' sahaja, maka saya pilih menghentikan juzu' Yang Kelapan Belas di sini agar seluruh Surah al-Furqan dibicarakan dalam Juzu' Yang Kesembilan Belas dengan izin Allah.